

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Masalah Kajian

Islam merupakan agama yang bersifat sejagat atau universal iaitu sesuai untuk semua golongan masyarakat tanpa mengira pangkat, rupa, harta, tahap intelek malah dari keturunan mana sekalipun. Ini bermakna Islam bersifat *non exclusive* iaitu bukan khusus untuk satu-satu golongan sahaja.

Malahan Rasulullah sendiri diutuskan oleh Allah sebagai *rahmah li al-Āmin* dan bukannya diutus untuk berdakwah kepada bangsa Arab sahaja.<sup>1</sup> Oleh yang demikian, secara tidak langsung menjadi tanggungjawab utama kepada setiap pendakwah untuk berdakwah kepada semua golongan masyarakat. Namun demikian, realitinya di Malaysia pada hari ini, kebanyakan program dakwah yang dilaksanakan banyak tertumpu kepada golongan normal. Antaranya melalui penganjuran ceramah-ceramah serta kelas-kelas agama yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak.<sup>2</sup>

Walhal Malaysia turut dihuni oleh golongan orang kurang upaya (OKU) yang terdiri daripada pelbagai kecacatan antaranya kurang upaya anggota, kurang upaya pendengaran, kurang upaya mental dan kurang upaya penglihatan. Statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia menunjukkan terdapat seramai 220,250 OKU berdaftar dengan pihak JKM.<sup>3</sup> Pendakwah tidak boleh meminggirkan mereka

---

<sup>1</sup> Abdul Karim Zaidan (t.t), *Islam dan Dakwah*, Solehan Ayub (terj.) (2002), Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 8

<sup>2</sup> Ab Aziz Mohd Zin *et al.*, (2006), *Dakwah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 249

<sup>3</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, <http://www.jkm.gov.my/jkm/index> pada 19 Mei 2009. Statistik diatas adalah statistik untuk tahun 2007

daripada misi dakwah nasional kerana mereka turut ditakliffkan untuk beribadat selagi mana tidak kehilangan lebih dari satu pancaindera serta mempunyai hak untuk mengamalkan Islam sebagai *the way of life*.<sup>4</sup>

Berbanding dengan kecacatan lain, kehilangan deria pendengaran sebenarnya berada dalam keadaan yang lebih teruk. Ini kerana kecacatan mereka lebih tersembunyi hingga tidak disedari oleh orang lain yang membawa kepada kurangnya program dakwah dilaksanakan kepada orang pekak. Jika mendengar khutbah ketika solat Jumaat, mereka mungkin hanya hadir untuk turut serta dalam masyarakat tanpa memahami butir maklumat yang ingin disampaikan.<sup>5</sup> Walaupun bukan majoriti namun statistik daripada JKM menunjukkan terdapat 31,715 orang pekak berdaftar di seluruh Malaysia.<sup>6</sup> Namun, adakah terdapat program dakwah yang dilaksanakan kepada orang pekak?

Bertitik tolak dari persoalan ini, kajian ini dilaksanakan untuk meninjau bagaimanakah pelaksanaan program-program agama khusus buat orang pekak dan pihak yang terlibat dengan pelaksanaan dakwah tersebut. Kajian ini juga akan meninjau masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan program agama kepada orang pekak.

Kajian ini akan dijalankan di negeri Terengganu Darul Iman, sebuah negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Pemilihan negeri ini dilakukan atas faktor masih belum ada kajian dakwah kepada orang pekak dilakukan di Pantai Timur. Responden bakal terdiri daripada orang pekak yang berada di institusi berkaitan orang pekak di Terengganu.

---

<sup>4</sup> Anisah Ab. Ghani, Prof. Madya, Dr, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Temubual pada 20 Ogos 2007

<sup>5</sup> Nor Elyana Mamat (2006), "Sisipan Khutbah Jumaat Dalam Bahasa Isyarat di RTM", *MyDEAF*, Edisi Khas (1), April 2006, h.8. Berita MyDEAF merupakan akhbar pertama yang dihasilkan oleh orang pekak di Malaysia. Ia diuruskan oleh Unit Media, Malaysian Federation of The Deaf (MFD) yang mendapat bantuan kewangan dari projek amal '*The Daisy Chain Project*'. Akhbar ini dikeluarkan setiap tiga kali setahun dengan Edisi Khas Isu 1 mula dikeluarkan pada April, 2006. Akhbar bercetak pertama oleh orang pekak ini merupakan kejayaan besar bagi warga pekak selain menjadi wadah buat orang pekak menjana informasi sebagaimana moto akhbar ini iaitu '*Bersama Menjana Minda Orang Pekak*'. Akhbar ini memuatkan pelbagai aktiviti yang berlangsung seputar orang pekak di seluruh Malaysia dari segenap aspek.

<sup>6</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, <http://www.jkm.gov.my/jkm/index> pada 5 April 2009. Statistik diatas adalah statistik untuk tahun 2007

## **1.2 Objektif Kajian**

Penulis menjalankan kajian ini berdasarkan objektif-objektif berikut:

- 1.2.1 Menenalpasti pihak yang terlibat dengan orang pekak di Terengganu
- 1.2.2 Mengetahui pelaksanaan dakwah kepada orang pekak di Terengganu
- 1.2.3 Menenal pasti masalah pelaksanaan program dakwah di kalangan orang pekak di Terengganu

## **1.3 Soalan Kajian**

- 1.3.1 Apakah institusi yang terlibat dengan orang pekak di Terengganu
- 1.3.2 Bagaimanakah pelaksanaan dakwah kepada orang pekak di Terengganu
- 1.3.3 Apakah masalah dakwah yang timbul ketika pelaksanaan program ini

## **1.4 Kepentingan Kajian**

- 1.4.1 Membentuk Strategi Dakwah Kepada Orang Pekak

Kajian ini penting bagi membentuk strategi dakwah berkesan kepada orang pekak, terutamanya dari aspek pembentukan modul dakwah kepada orang pekak. Kepentingan ini ditujukan kepada jentera dakwah peringkat institusi dakwah, sama ada jentera dakwah kerajaan atau jentera dakwah NGO serta para pendakwah yang menjalankan kerja dakwah kepada orang pekak secara individu.

- 1.4.2 Membantu pihak yang bertanggungjawab dalam menjana usaha dakwah kepada orang pekak ke arah pembangunan manusia supaya turut menyumbang dalam pembangunan negara.

Kepentingan kajian ini ditujukan kepada para penggerak dan para pembangun orang pekak dari sudut sosial dan kemanusiaan. Dari sudut sosial, ia dapat membantu orang pekak meningkatkan kemahiran dalam memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara. Manakala dari sudut kemanusiaan, ia dapat membantu meningkatkan motivasi orang pekak dengan menghargai diri dan keadaan sekeliling.

#### 1.4.3 Dapat Memahami Keperluan Dakwah Kepada Orang Pekak Di Terengganu

Keperluan dakwah ditentukan berdasarkan latar belakang dan masalah yang berbeza-beza di kalangan orang pekak. Oleh itu, kajian ini penting dalam menyediakan asas pengetahuan kepada institusi pembangun orang pekak, para pendakwah, masyarakat Islam dan para pelajar bidang pengajian Islam ke arah memahami perkara-perkara yang diperlukan dalam dakwah kepada orang pekak di Terengganu.

### 1.5 Skop Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang akan memandu kajian supaya tidak terkeluar daripada objektif kajian yang dijalankan, antaranya:

- 1.5.1 Kajian hanya melibatkan orang pekak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia di Terengganu serta orang pekak yang berada dibawah institusi OKU terpilih di Terengganu iaitu Bengkel Pemulihan Marang, Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fitri, Persatuan Orang Pekak Terengganu dan Persatuan Kebajikan Orang Pekak Terengganu.
- 1.5.2 Kajian ini akan melibatkan orang pekak pada semua paras kategori kecacatan iaitu daripada minima (*mild*) hinggalah kepada teruk (*profound*).
- 1.5.3 Kajian ini hanya akan mengambil data sepanjang tahun 2007-2008 sahaja.

## **1.6 Huraian istilah**

### **1.6.1 Pelaksanaan**

Pelaksanaan berasal daripada perkataan laksana yang membawa maksud perihal atau perbuatan melaksanakan iaitu menjalankan atau mengusahakan sesuatu rancangan atau tugas dan sebagainya.<sup>7</sup>

### **1.6.2 Dakwah**

Dakwah secara umumnya didefinisikan sebagai kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan. Dalam erti kata lain, patuh kepada ajaran agama Islam dengan lebih sempurna dengan menzahirkannya sama ada melalui tingkahlaku, pergaulan, cara berpakaian dan lain-lain lagi.<sup>8</sup>

Dakwah adalah suatu kegiatan yang mulia. Ia merupakan usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan menggunakan pelbagai pendekatan tertentu yang bijaksana dalam membawa manusia kepada keredhaan Allah tanpa mengira kekurangan atau kelebihan yang ada pada setiap insan, termasuklah orang pekak. Proses dakwah seharusnya berlangsung secara berterusan dan tidak terputus walau perubahan generasi berlaku atau walau dalam apa jua situasi.<sup>9</sup>

Menurut Syeikh Ali Mahfuz (dalam Drs. R.H.A Suminto) dakwah mendorong manusia agar melakukan kebaikan dan mengikuti petunjuk, menyuruhnya berbuat

---

<sup>7</sup> *Kamus Dewan* (2005), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.871

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 305

<sup>9</sup> Marjuni Ranguti (1997), "Strategi Dakwah Islamiah Terhadap Masyarakat Transmigrasi di Indonesia Kajian di Sumatera Utara" (Tesis, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 6

kebajikan dan meninggalkan kemungkaran agar mereka memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat.<sup>10</sup>

Ia selari dengan dakwah junjungan besar Nabi Muhammad SAW kepada umatnya yang dijelaskan dalam firman Allah SWT:

Maksudnya:

Katakanlah (Wahai Muhammad); Inilah jalanku, aku dan orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha Suci Allah (daripada segala iktikad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku daripada golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain.

Surah Yusuf (12):108

Ayat di atas menekankan jalan yang telah dipilih oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW iaitu dengan menjadikan Islam sebagai pegangan hidup dan tunjang kepada kehidupan. Malah beliau turut menegaskan dan mengakui bahawa beliau tidak menyekutukan Allah dengan segala sesuatu. Ia adalah isyarat yang jelas untuk diikuti oleh seluruh umat manusia.

Kesimpulannya dakwah merupakan usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan menggunakan pelbagai pendekatan tertentu dan mendorong manusia agar melakukan kebaikan dan mengikuti petunjuk, menyuruhnya berbuat kebajikan dan meninggalkan kemungkaran agar mereka memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat.

### **1.6.3 Orang Pekak**

Pekak bermaksud tidak dapat mendengar langsung atau tidak dapat mendengar dengan baik atau tuli.<sup>11</sup> Kirk *et. al* mendefinisikan mereka yang mempunyai pendengaran

---

<sup>10</sup> R.H.A. Suminto, Drs. (1973), *Problematika Dakwah*, Jakarta: Tintamas, h. 46

<sup>11</sup> *Kamus Dewan* (2005), *op. cit.*, h. 235

yang terjejas teruk atau tidak boleh mendengar langsung sebagai pekak, manakala kategori lain kehilangan pendengaran dirujuk sebagai bermasalah pendengaran.

Namun di Malaysia golongan pekak lebih selesa dikenali sebagai ‘orang pekak’ dan bukan dengan gelaran lain seperti kurang upaya, orang berkeperluan khas atau bermasalah pendengaran.<sup>12</sup>

Kesimpulannya, istilah orang pekak akan digunakan dalam kajian ini memandangkan ia telah diterima pakai sebagai terma rasmi kepada golongan cacat pendengaran di Malaysia.

#### **1.6.4 Terengganu**

Terengganu merupakan salah sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur, dalam Semenanjung Malaysia daripada 14 buah negeri yang telah membentuk Malaysia. Negeri ini yang masih berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam dalam pengamalan gaya hidup merupakan pusat kepada pelaksanaan konsep Islam Hadhari. Dengan moto “Islam Hadhari Terengganu Bestari”, ia menjadi *role model* kepada pelaksanaan 10 prinsip dalam Islam Hadhari iaitu penjana kemajuan negeri tanpa mengetepikan pembangunan dari sudut insaniah. Baru mencapai taraf bandaraya pada tahun 2008, Terengganu mula memacu pembangunan fizikal dan rohani sesuai dengan motto yang diwar-warkan oleh kerajaan negeri.

Kesimpulannya, tajuk penyelidikan ini membawa makna satu kaedah atau metode untuk meyakinkan orang pekak untuk menerima sesuatu kepercayaan atau mengajak kepada amar makruf dan nahi mungkar dan seterusnya memperolehi keredaan di dunia dan akhirat yang bertempat di negeri Terengganu.

---

<sup>12</sup> Edaran Mesyuarat Agung Tahunan ke-8 (2000), Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur, 27 Ogos 2000

## 1.7 Metodologi Kajian

Metodologi ditakrifkan sebagai suatu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam suatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.<sup>13</sup> Kenneth D. Bailey berpendapat bahawa metodologi merupakan falsafah kepada proses penyelidikan dan ini termasuk andaian-andaian dan nilai-nilai yang menjadi dasar alasan penyelidikan dan penyelidik menggunakan ia sebagai ukuran ataupun kriteria untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan.<sup>14</sup> Manakala Christine A. Hult berpendapat kajian merupakan penerokaan masalah secara sistematik dan perlu ada dalam diri setiap ahli akademik.<sup>15</sup>

Oleh yang demikian metodologi kajian merupakan kaedah dan prinsip yang digunakan dalam suatu kegiatan atau disiplin yang dilaksanakan secara sistematik.

Bahagian ini membincangkan dua metode yang digunapakai dalam menyiapkan kajian ini iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data.<sup>16</sup>

### 1.7.1 Metode Pengumpulan Data

Penyelidikan ini menggunakan dua pendekatan dalam pengumpulan data iaitu melalui kajian perpustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*). Ia boleh juga dikatakan kaedah triangulasi untuk mendapatkan data iaitu melalui metode observasi, metode tinjauan (melalui temubual dan pengedaran soal selidik), serta analisis data dokumentasi.<sup>17</sup>

---

<sup>13</sup> Kamus Dewan (2005), *op. cit.*, h. 1030

<sup>14</sup> Bailey, Kenneth D. (1978), *Methods of Social Research*, New York: A Division of Mac Milan Publishing Co. Inc., h. 26

<sup>15</sup> Hult, Christine A. (1996), *Researching And Writing: Across The Curriculum*, London: Allyn And Bacon, h. 3

<sup>16</sup> *Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi* (2006), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h.15

<sup>17</sup> Nachmias, Chava F. and Nachmias, David (1996), *Research Methods in The Social Sciences*, New York: St. Martins Press, h. 205



a. Kajian Kepustakaan (*Library Research*)

Kajian kepustakaan dilakukan untuk mendapatkan data melalui tinjauan literatur yang dibuat menggunakan metode dokumentasi. Tinjauan literatur bermakna membuat sesuatu rujukan secara kritikal dan teliti ke atas setiap maklumat yang diperolehi tentang kajian yang dilakukan.<sup>18</sup> Ia bertujuan untuk membina asas pengetahuan dan memahami kajian lepas atau aktiviti berkaitan topik yang sedang dikaji.<sup>19</sup>

Data daripada kajian kepustakaan ini boleh terdiri daripada pelbagai bentuk antaranya dokumentari, laporan, minit mesyuarat, kertas kerja seminar dan lain-lain.<sup>20</sup> Ia akan membantu penyelidik membuat kesimpulan awal sebelum meneruskan kajian lapangan.<sup>21</sup>

Penulis menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan data daripada sarjana-sarjana terdahulu melalui jurnal, artikel, buku-buku, kertas-kertas persidangan dan laman web. Data-data ini penting untuk dibandingkan masalah yang telah dan belum dikaji serta hubungkait yang ada antara data-data tersebut. Melalui kajian ini penulis memperolehi maklumat berkaitan konsep orang pekak dan konsep dakwah sendiri untuk pembinaan teori dakwah kepada orang pekak. Data-data ini banyak digunakan dalam bab dua iaitu bab kajian literatur, bab tiga berkaitan institusi dan juga bab empat berkaitan pelaksanaan dakwah kepada orang pekak.

Sumber data diperolehi daripada beberapa perpustakaan di Semenanjung Malaysia antaranya:

---

<sup>18</sup> Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah dan Statistik Penyelidikan (Kaedah Penyelidikan)*, Malaysia: Mc Graw Hill, h. 35

<sup>19</sup> Adams, Gerald R. & Schvaneveldt, Jay D.(1991), *Understanding Research Methods*, New York: Longman Publishing Group, h. 50

<sup>20</sup> Mohd. Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 63

<sup>21</sup> Nachmias, Chava F. and Nachmias, David (1996), *op. cit.*, h.325

- Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya
- Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Perpustakaan Malaysian Federation of The Deaf (MFD), Puchong

b. Kajian Lapangan (*Field Research*)

Kajian lapangan termasuk semua kaedah penyelidikan terhadap perkara-perkara yang wujud dalam keadaan semulajadi.<sup>22</sup> Ia turut dilakukan untuk melengkapkan maklumat yang diperolehi melalui kajian kepustakaan. Ini kerana tidak semua data dapat diperolehi dengan sekadar membuat kajian secara kepustakaan. Terdapat data yang hanya akan diperolehi melalui observasi dan temubual sahaja antaranya gaya hidup orang pekak. Data daripada kajian lapangan ini penting untuk mendapatkan data primer dan terkini bagi menjamin kualiti penyelidikan yang dilakukan. Oleh kerana ia dijalankan dalam persekitaran semulajadi maka data yang diperolehi juga bersifat semulajadi.<sup>23</sup> Kebiasaannya kajian lapangan berdepan dengan pelbagai cabaran dan kesukaran dalam mengawal persekitaran, pemilihan peserta serta pemanipulasian sampel.<sup>24</sup> Terlebih dahulu kajian ini perlu menentukan populasi kajian dan melakukan kajian rintis.

---

<sup>22</sup> *Ibid.*, h. 141

<sup>23</sup> Syed Arabi Idid (2002), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 125-127

<sup>24</sup> Nachmias, Chava F. and Nachmias, David (1996), *op. cit.*, h. 220

## 1) Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dalam kajian ini meliputi orang pekak di negeri Terengganu iaitu selari dengan pendapat Azhar Harun dan Nawi Abdullah bahawa populasi merupakan satu kumpulan sama ada mengandungi unsur, objek, individu atau ciri-ciri yang dipertimbangkan dalam sesuatu kajian yang ingin diambil kesimpulan oleh penyelidik.<sup>25</sup>

Setelah populasi ditetapkan, sampel dipilih berdasarkan populasi tersebut.<sup>26</sup> Pemilihan sampel dibuat untuk mengelakkan keterlibatan keseluruhan populasi.<sup>27</sup> Sampel kajian terdiri daripada responden yang menghadiri program yang dianjurkan oleh empat buah institusi berkaitan orang pekak iaitu Bengkel Pemulihan OKU Marang, Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri, Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu dan Persatuan Orang Pekak Terengganu. Sampel dipilih secara rawak mudah berdasarkan kepada kehadiran responden dalam program-program agama yang dianjurkan atau ketika berlangsungnya mesyuarat persatuan.

Jumlah populasi setiap institusi bergantung kepada jumlah orang pekak yang berada di institusi tersebut. Manakala sampel dipilih daripada sebahagian ahli yang ada atau kesemua ahli yang ada. Bengkel Pemulihan OKU Marang yang hanya mempunyai orang pekak yang terhad. Oleh itu kesemua peserta seramai 15 orang dipilih untuk menjadi sampel dalam kajian ini.

Sampel daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri dipilih berdasarkan tingkatan. Pelajar tingkatan empat dipilih kerana tidak terlibat dalam ujian bulanan yang

---

<sup>25</sup> Azhar Harun dan Nawi Abdullah (2003), *Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial*, Singapura: Thomson Learning, h. 53

<sup>26</sup> Black, Thomas R. (1999), *Doing Quantitative Research in the Social Science: An Integrated Approach to Research Design, Measurement and Statistics*, London: Sage Publication Ltd, h. 116

<sup>27</sup> Hessler, Richard M. (1992), *Social Research Methods*, USA: West Publishing Company, h. 113

melibatkan pelajar tingkatan tiga dan lima semasa soal selidik diedarkan. Sampel daripada sekolah ini berjumlah 19 orang.

Manakala sampel daripada persatuan dipilih berdasarkan kehadiran peserta dalam kelas atau kegiatan yang dijalankan. Oleh itu, Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu dan Persatuan Orang Pekak Terengganu masing-masing mempunyai 11 orang responden setiap satu. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan responden berjumlah 56 orang.

## 2) Kajian Rintis

Kajian rintis adalah kajian secara kecil-kecilan yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan.<sup>28</sup> Kajian rintis juga dapat menentukan kebolehlaksanaan atau kemunasabahan sesuatu kajian sebelum kajian utama yang sebenar dilaksanakan. Kajian rintis atau turut dikenali sebagai ‘kajian mini’ bagi kajian ini akan dilakukan di pusat latihan sekitar Selangor untuk mengelakkan masalah pencemaran kajian rintis (*contamination of pilot study*).<sup>29</sup>

Ini kerana Negeri Terengganu hanya mempunyai populasi orang pekak yang agak terhad dan pemilihan sampel kajian rintis di luar kawasan kajian akan membantu mengelakkan pengulangan penggunaan sampel kajian yang sama. Namun demikian, pengkaji telah memastikan untuk mendapatkan sampel kajian yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar dari sudut peringkat umur, latar belakang dan latar pendidikan.

Kajian lapangan yang telah dilakukan menggunakan beberapa kaedah sesuai untuk mendapatkan data. Antaranya ialah :

---

<sup>28</sup> Chua Yan Piau (2006), *op. cit.*, h. 257

<sup>29</sup> *Ibid.*, h. 260

i) Soal Selidik

Soal selidik dibentuk dalam ayat yang mudah untuk memudahkan pemahaman responden. Ini kerana orang pekak kebiasaannya tidak dapat memahami perkataan sama makna atau makna yang terlalu hampir dan mengelirukan.<sup>30</sup> Oleh itu penggunaan perkataan yang mudah dan ringkas memudahkan pemahaman orang pekak pada soal selidik yang diedarkan. Malah, soal selidik turut disarankan dibina menggunakan ayat yang pendek, ringkas dan dapat mewakili dengan tepat perkara yang ingin diukur.<sup>31</sup>

Penulis hanya akan menggunakan skala *Binari* berbanding skala *Likert* memandangkan keupayaan responden yang terhad. Ia selari dengan pendapat Marschark dan Shroyer bahawa banyak kajian yang telah dibuat menunjukkan pelajar bermasalah pendengaran adalah ketinggalan dalam hal-hal yang berkaitan dengan bacaan disebabkan oleh kekurangan pengetahuan perbendaharaan kata reseptif dan eskpresif.<sup>32</sup>

Skala *Binari* hanya menggunakan item *Ya* dan *Tidak* sebagai dapatan kajian. Keputusan untuk tidak menggunakan skala *Likert* dibuat memandangkan orang pekak kebiasaannya tidak dapat membezakan perkataan yang sama erti atau hampir sama makna seperti yang dinyatakan oleh Shahrul Arab'iah Othman dalam kajiannya.<sup>33</sup>

Set soalan ini mengandungi tiga bahagian utama yang dipecahkan kepada bahagian A, B, C dan D. Bahagian A ialah bahagian demografi responden dan ia mengandungi enam

---

<sup>30</sup> Pengalaman penulis dalam mengedarkan soal selidik Kajian Fundamental Pelaksanaan Dakwah Kepada OKU Di Semenanjung Malaysia, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya pada tahun 2006

<sup>31</sup> Chua Yan Piaw (2006), *op. cit.*, h. 266

<sup>32</sup> Marschark *et al.* (1993), "Deaf and Hard of Hearing Adolescent Memory for Concrete and Abstract Prose", *American Annals of The Deaf*, j. 138, c. 3, h. 31-39

<sup>33</sup> Shahrul Arab'iah binti Othman (2001), "Implikasi Penggunaan Kod Tangan Bahasa Melayu Terhadap Pencapaian Perbendaharaan Kata Dan Ejaan Di Kalangan Pelajar Bermasalah Pendengaran Tingkatan 2 Di Kuala Lumpur" (Disertasi, UKM), h. 57.

item iaitu institut latihan, tempoh berada di institusi, jantina, umur, punca kecacatan dan asal responden.

Bahagian B iaitu bahagian pemahaman dan pelaksanaan ibadat terhadap orang pekak di Terengganu mempunyai 11 item berkaitan Pemahaman dan Pelaksanaan Ibadat. Bahagian ini penting untuk mengetahui adakah orang pekak memahami dan melaksanakan ibadat. Ia sekaligus membantu untuk mengetahui keperluan sebenar mereka terhadap dakwah.

Bahagian C pula mengandungi satu item berkaitan penyertaan orang pekak terhadap dakwah. Ia bertujuan untuk mengetahui sambutan orang pekak terhadap dakwah yang dijalankan oleh pihak institusi.

Bahagian D pula mempunyai sembilan item berkaitan penerimaan orang pekak terhadap program dakwah. Antaranya berkaitan pandangan mereka kepada cara penyampaian pendakwah, cara pengurusan program, kemudahan program yang disediakan dan juga penerimaan mereka pada program yang dijalankan. Bahagian ini penting untuk mengetahui penerimaan orang pekak pada program yang dijalankan.

Soal selidik diedarkan kepada responden terpilih bertujuan untuk mendapatkan data responden yang terdiri daripada maklumat demografi responden secara lengkap, penyertaan responden dalam aktiviti dakwah serta keperluan responden terhadap dakwah..<sup>34</sup> Pengendalian soal selidik ini dilakukan berdasarkan tahap kurang upaya responden yang berbeza-beza. Misalnya, bagi responden yang boleh membaca dan menulis, borang soal selidik diedar menggunakan teknik serah-kutip tetapi dibantu oleh guru bahasa isyarat dalam Pendidikan Islam. Proses serah kutip ini turut melibatkan penulis untuk memastikan penterjemah menterjemah makna sesuatu soalan dengan tepat. Manakala bagi responden

---

<sup>34</sup> Syed Arabi Idid (2002), *op. cit.*, h. 87

yang tidak boleh membaca, pengkaji akan mendapatkan bantuan penterjemah untuk membantu manakala penulis akan mengisi sendiri borang soal selidik tersebut.

Sebanyak 56 set soalan diedarkan kepada responden di empat buah institusi berkaitan orang pekak yang ada di Terengganu.

## ii) Temubual

Temubual bermaksud perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Temubual antara lain merupakan interaksi bersemuka antara penemubual dan responden atau lebih dikenali sebagai informan.<sup>35</sup> Irving Seidman berpendapat antara tujuan utama temubual ialah *understanding the lived experience of other people and the meaning they make of that experience*. Kaedah ini akan memberi peluang kepada penyelidik mengetahui pendapat langsung responden berkaitan institusi atau organisasi mereka.<sup>36</sup>

Temubual juga tidak seharusnya hanya bersifat sebagai pengumpul maklumat malahan lebih dari itu ia sepatutnya bersifat reflektif dan mampu memaparkan kehidupan dan keadaan sebenar sesuatu fenomena. Terdapat tiga bentuk temubual iaitu berstruktur, semi struktur dan tidak berstruktur. Kajian ini menggunakan bentuk temubual tidak berstruktur untuk mewujudkan perasaan selesa pada informan sekaligus berpeluang untuk terlebih dahulu memerhati tingkahlaku responden secara tidak langsung sebelum melontarkan soalan-soalan secara spontan. Ia juga berfungsi sebagai penjelas kepada data-data yang dikumpul ketika menjalankan metode observasi.<sup>37</sup>

---

<sup>35</sup> Chua Yan Piaw (2006), *op. cit.*, h. 114

<sup>36</sup> Seidman, Irving (2006), *Interviewing as Qualitative Research: A Guide for Researchers in Education and The Social Sciences*, New York: Teachers College Press, ed. 3, h. 9-11

<sup>37</sup> Chua Yan Piaw (2006), *op. cit.*, h.115

Penulis membahagikan data temubual kepada dua iaitu temubual bersama orang pekak dan temubual bersama masyarakat sekeliling mereka seperti ibu bapa, guru dan pegawai terlibat. Temubual kepada orang pekak dijalankan dengan bantuan jurubahasa isyarat yang terdiri dari guru-guru dan rakan-rakan normal mereka yang mampu menggunakan bahasa isyarat memandangkan penulis masih belum mahir menggunakannya. Manakala temubual bersama masyarakat sekeliling orang pekak dijalankan dalam kaedah yang normal.

Sebahagian besar data dalam kajian ini menggunakan kaedah temubual kerana tidak banyak usaha mendokumentasikan bahan dibuat berkaitan pelaksanaan dakwah kepada orang pekak di Terengganu. Ia terjadi kerana terdapat institusi bukan kerajaan yang ditadbir sepenuhnya oleh orang pekak dan perbincangan hanya dilakukan secara santai tanpa ada sebarang catatan rasmi dilakukan. Oleh itu, temubual dengan pihak terlibat memainkan peranan yang penting dalam mendapatkan data yang dikehendaki.<sup>38</sup>

### iii) Observasi

Observasi atau pemerhatian merupakan suatu pengamatan yang terancang ke atas sesuatu keadaan bagi membolehkan penyelidik membuat deskripsi yang jelas terhadap keadaan tersebut. Ia juga sebagai pelengkap kepada data yang dikutip kerana kadang-kadang terdapat banyak data yang tidak boleh dicerap dengan soal selidik dan temubual<sup>39</sup> sahaja lebih-lebih lagi responden kajian yang kurang upaya pendengaran.

Namun begitu, metode ini merupakan antara kelebihan utama dalam kajian lapangan kerana penyelidik berpeluang berada di lokasi kajian dan mengetahui perkara sebenar yang sedang berlaku. Secara logiknya kita tidak mampu merekod dan mencatat segala perkara

---

<sup>38</sup> Observasi penulis

<sup>39</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 60



yang berlaku di sekeliling, namun kita masih berpeluang mendapatkan data yang penting tentang subjek kajian.<sup>40</sup>

Observasi bagi kajian ini membantu penulis untuk lebih memahami tindakan, sikap dan sifat responden kajian ketika bergaul dengan guru, kawan-kawan, ibu bapa dan masyarakat sekitar. Observasi ikut serta diaplikasikan untuk memaksimumkan dapatan maklumat yang diperolehi daripada komuniti orang pekak. Pemerhatian jenis ini boleh dilakukan secara terbuka atau tertutup<sup>41</sup> namun penulis hanya dapat melakukannya secara terbuka memandangkan kepekaan yang tinggi pada orang pekak yang akan cepat menyedari kehadiran orang luar dari komuniti mereka.<sup>42</sup>

Antara observasi yang dilakukan ialah dengan mengikuti program dakwah yang dianjurkan oleh Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu (PKPT), melihat pergaulan dan gaya hidup pelajar pekak di Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri, menyertai ceramah dan kuliah yang dianjurkan oleh Bengkel Pemulihan OKU, Marang serta menyertai perjumpaan ahli Persatuan Orang Pekak Terengganu (POPT).

Tempoh bagi sesuatu observasi adalah mengikut tempoh program yang dijalankan oleh institusi sepanjang tahun 2007 hingga tahun 2008. Observasi yang dijalankan turut menekankan penglibatan minimal pengkaji untuk mengelakkan ketidakselesaan responden yang menjadi sampel kajian.

### **1.7.2 Metode Analisis Data**

Prosedur untuk menganalisis data kajian ini terdiri daripada menganalisis data daripada soal selidik, temubual dan observasi yang telah dilaksanakan. Proses menganalisis data daripada

---

<sup>40</sup> Babbie, Earl (2008), *The Basics Of Social Research*, USA:Thomson Wadsworth, h.340

<sup>41</sup> Syed Arabi Idid (2002), *op. cit.*, h. 131

<sup>42</sup> Pengalaman penulis sepanjang menjalankan kajian ini

soal selidik akan dimulakan dengan menyemak soal selidik yang telah diisi oleh responden terlibat terlebih dahulu sebelum menganalisis data kuantitatif yang diperolehi menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS)*<sup>43</sup> Versi 12. Oleh kerana set soal selidik ini menggunakan skala *binary* maka ia hanya akan dilihat dari aspek diskriptif sahaja iaitu melalui taburan kekerapan dan peratus sahaja.

Manakala data daripada temubual dan observasi dianalisis dengan membuat perbandingan terhadap institusi yang terlibat. Malah data yang diperolehi turut dibandingkan dengan kajian-kajian terdahulu.

## **1.8 Sistematika Penulisan**

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mengetahui adakah terdapat pelaksanaan dakwah kepada orang pekak di Terengganu. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengetahui pihak terlibat dan masalah yang berlaku dalam pelaksanaan dakwah kepada orang pekak di Terengganu.

Oleh yang demikian, penulis telah membahagikan perbincangan berkaitan pelaksanaan dakwah kepada orang pekak dalam lima bab. Bab satu membincangkan berkaitan perkara-perkara berikut:

- 1.1 Masalah Kajian
- 1.2 Objektif kajian
- 1.3 Soalan kajian
- 1.4 Kepentingan kajian
- 1.5 Skop kajian
- 1.6 Huraian istilah
- 1.7 Metodologi Kajian

---

<sup>43</sup> Syed Arabi Idid (2002), *op. cit.*, h. 163-168

## 1.8 Kesimpulan

Bab dua pula membincangkan berkaitan konsep orang pekak dan dakwah secara terperinci untuk memberi pemahaman yang lebih jitu. Ia meliputi maklumat berkaitan orang pekak, sosiologi, psikologi dan komunikasi orang pekak, kewajipan berdakwah kepada orang pekak, uslub dakwah, program dakwah dan masalah dakwah.

Institusi yang berkaitan dengan orang pekak pula diperbincangkan dengan terperinci dalam bab tiga. Institusi ini diperbincangkan untuk memberi penjelasan berkaitan pihak yang terlibat dan berada disebalik pelaksanaan program dakwah kepada orang pekak di Terengganu khasnya dan di Malaysia amnya.

Bab empat merupakan bab analisis kepada data lapangan yang diperolehi dalam kajian ini. Selain soal selidik, data juga diperolehi melalui metode temubual dan observasi sepanjang kajian dilaksanakan.

Bab lima atau bab akhir dalam kajian ini melibatkan kesimpulan kepada kajian yang telah dilakukan oleh penulis. Saranan kepada pihak berkaitan juga diberikan untuk memastikan kelangsungan pelaksanaan dakwah kepada orang pekak di Terengganu.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu perbincangan mengenai orang pekak dan perbincangan mengenai dakwah kepada orang pekak. Perbincangan kedua-dua bahagian akan berkisar pada konsep sebenar atau klasifikasi yang ditetapkan sehingga boleh dikatakan seseorang itu mengalami gejala pekak selain perbincangan tentang psikologi, sosiologi, komunikasi serta metode dakwah yang sesuai digunapakai untuk dakwah kepada orang pekak.

Bagi membentuk teori dalam bab ini, perbincangan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pertama tentang orang pekak dan kedua berhubung dengan dakwah kepada orang pekak.

#### **2.1 Orang Pekak**

##### **2.1.1 Pengenalan**

Manusia dijadikan dengan beberapa pancaindera yang berfungsi untuk mendengar, melihat, merasa dan menghidu untuk membantu manusia menjalani kehidupan seharian. Telinga, mata, kulit, hidung dan lidah merupakan organ deria yang beroperasi sebegitu rupa mengikut aturannya sehingga mampu untuk memudahkan kita menjalankan sebarang urusan.<sup>44</sup>

Penjagaan pancaindera penting untuk mengelakkan daripada sebarang kerosakan yang menghalang ia berfungsi secara normal. Namun demikian, tidak semua manusia dikurniakan pancaindera yang sempurna. Kerosakan organ deria boleh menyebabkan

---

<sup>44</sup> Mahmood Nazar Mohamed (2001), *Pengenalan Asas Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkahlaku Manusia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.59

beberapa kecacatan antaranya buta serta pekak dan bisu. Ini kerana organ deria amat sensitif dan memerlukan penjagaan yang rapi. Telinga contohnya akan mengalami kerosakan sekiranya terpaksa mendengar atau berada dalam suasana yang bising dalam tempoh yang lama. Kerosakan organ telinga seringkali dikaitkan dengan pekak walhal tidak semua kecacatan mencapai tahap pekak. Kita berpendapat bahawa organ telinga hanya digunakan untuk mendengar namun fungsinya adalah lebih daripada itu. Selain menolong kita mempersepsi gelombang bunyi ia juga menghantar impuls ke otak untuk memberitahu kedudukan ketika bergerak dan mesej-mesej mengenai pergerakan badan.<sup>45</sup>

Pekak bermaksud tidak dapat mendengar langsung atau tidak dapat mendengar dengan baik atau tuli.<sup>46</sup> Golongan pekak tidak dapat dikenalpasti secara zahir sehinggalah mereka mula berkomunikasi kerana ia merupakan jenis kecacatan yang tidak dapat dilihat secara jelas.<sup>47</sup>

Ramai yang keliru dengan kecacatan pekak dan bisu. Awam berpendapat kedua-dua kecacatan ini adalah dari kecacatan yang sama. Seseorang yang pekak tidak semestinya bisu begitu juga sebaliknya. Hamdi Ishak menerangkan bahawa pekak merupakan golongan yang bermasalah dalam pendengaran dan penerimaan bunyi manakala bisu pula bermasalah dalam sebutan dan pengeluaran bunyi namun ironinya ia mempunyai perkaitan rapat kerana jika mengalami kepekakkan ia juga boleh menyebabkan seseorang individu tersebut bisu.<sup>48</sup>

Namun demikian, kajian ini hanya memfokuskan kepada kurang upaya pendengaran atau pekak dan bukan masalah bisu. Oleh itu, perbincangan selanjutnya akan menjurus kepada masalah pekak sahaja.

---

<sup>45</sup> Asmawati Desa (2004), *Psikologi untuk Golongan Profesional*, Kuala Lumpur: McGraw Hill, h. 96

<sup>46</sup> *Kamus Dewan* (2005), *op. cit.*, h. 1161

<sup>47</sup> Teng Shin Min (1986), "Beberapa Aspek Akademik Dan Psiko-Sosial Murid Cacat Pendengaran Di Sekolah Percantuman Di Negeri Johor" (Disertasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya), h. 5-6

<sup>48</sup> Hamdi bin Ishak (2004), "Pekak dan Bisu menurut Al-Quran: Konsep dan Perbandingan" (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, UKM), h. 9

Scheetz memberikan definisi berbeza untuk hilang pendengaran (*hearing loss*), kurang upaya pendengaran (*hard of hearing*) dan pekak (*deaf*). Hilang pendengaran digunakan untuk sesiapa sahaja yang melalui pengalaman kesukaran mendengar seperti warga tua yang kehilangan pendengaran akibat peningkatan usia. Manakala kurang upaya pendengaran pula diaplikasikan kepada sesiapa yang mengalami kesukaran pendengaran pada tahap *slight* hinggalah *moderate loss*. Manakala istilah pekak hanya digunapakai kepada mana-mana individu yang mencapai tahap kehilangan pendengaran yang maksimum atau *profound*.<sup>49</sup>

Moore memberikan definisi orang pekak sebagai orang yang kehilangan pendengaran mencapai tahap 70dB<sup>50</sup> yang menghalang seseorang daripada mendengar sebarang komunikasi tanpa bantuan alat pendengaran.<sup>51</sup>

Yseeldyke dan Algozzine menyatakan bahawa pekak merujuk pada pendengaran yang sukar (*hard hearing person*) yang tidak dapat mendengar pada tahap 35 decibels hingga 60 decibels. Ia menyebabkan halangan saluran pendengaran seseorang untuk memahami pertuturan tanpa alat bantuan.<sup>52</sup>

Levine pula memberikan definisi pekak iaitu merupakan sesiapa yang pendengarannya tidak berfungsi untuk kegunaan biasa dalam kehidupan. Mereka kebiasaannya terdiri dari dua kumpulan iaitu kehilangan pendengaran sejak lahir dan kehilangan pendengaran akibat kemalangan atau berpenyakit. Manakala kesukaran untuk

---

<sup>49</sup> Scheetz, Nanci A. (2004), *Psychosocial Aspects of Deafness*, Boston: Pearson Education, h. 17-18. Tahap pekak akan diterangkan dengan lebih lanjut di bahagian ‘tahap dan darjah pekak’.

<sup>50</sup> Desibel atau decibel (dB) merupakan unit yang digunapakai untuk mengukur tahap kekuatan bunyi dalam gegandang telinga manusia menggunakan alat yang dipanggil audiometer.

<sup>51</sup> Moore, Donald F. (1978), *Educating the Deaf, Psychology, Principles and Practices*, Boston: Houghton Mifflin, h. 5

<sup>52</sup> Yseeldyke and Algozzine (1982), *Critical Issues in Special And Remedial: Introduction to Special Education*, Boston: Houghton Mifflin, h.8

mendengar didefinisikan sebagai *whom the sense of hearing, although defective, is functional with or without a hearing aid.*<sup>53</sup>

Namun beliau turut memberi definisi pekak jika dilihat dari jumlah kecacatan bahasa dan keperluan pendidikan. Jika berdasarkan kepada jumlah kecacatan bahasa, orang pekak merupakan seseorang yang dilahirkan sama ada pekak sepenuhnya atau tahap yang menyebabkan terhalangnya proses pengukuhan bahasa dan pertuturan secara semulajadi atau seseorang yang kehilangan pendengaran sebelum mereka boleh memahami bahasa dan sebarang percakapan. Manakala kesukaran mendengar pula ialah sesiapa yang telah memahami bahasa dan percakapan dan telah pernah menjalani kehidupan normal dan mereka mula mengalami kerosakan pendengaran. Mereka kebiasaannya kelihatan hampir normal dan amat mustahil untuk mengetahui mereka telah kehilangan pendengaran secara zahirnya.<sup>54</sup>

Oleh yang demikian, pekak secara umumnya boleh didefinisikan sebagai kehilangan pendengaran sama ada sejak lahir atau kerana kemalangan. Pendapat Levine lebih tepat kerana beliau bukan setakat memberikan definisi secara umum malahan melihat secara khusus berdasarkan faktor bahasa dan pendidikan.

Selain tokoh-tokoh dari barat, Islam sebenarnya dalam kitab suci al-Quran turut menyebut kalimah pekak sebanyak 12 kali.<sup>55</sup> Ia digunapakai sebagai perumpamaan dan kiasan kepada golongan yang tidak mahu menerima risalah yang dibawa oleh para rasul.<sup>56</sup>

---

<sup>53</sup> Levine, Edna (1960), *The Psychology of Deafness: Techniques of Appraisal For Rehabilitation*, New York: Columbia University Press, h. 311. Lihat juga "Conference of Executives of American Schools for the Deaf: Report of the Conference Committee on Nomenclature", *American Annals of the Deaf*, LXXXIII (1938), h. 1-3

<sup>54</sup> White House Conference on Child Health and Protection (1931), *Special Education, The Handicapped and the Gifted: Report of The Committee on The Special Classes* (Section III, Education and Training), Vol. III-F, New York: The Century Co., h. 277

<sup>55</sup> Hamdi Ishak (2004), *op. cit.*, h. 28

<sup>56</sup> Lihat terjemahan ayat dalam Surah Al-Baqarah (2):18 yang turut menyebut perkataan tuli, bisu dan buta.

Golongan ini digambarkan sebagai pekak dan bisu kerana tidak mahu mendengar kebenaran yang dibawa. Ia bukannya ditujukan kepada individu yang mengalami kecacatan secara fizikal tetapi secara rohaninya. Islam tidak pernah memandang aib dan hina kepada golongan pekak kerana di dalam Islam, hanya iman yang menjadi kayu pengukur kepada ketinggian martabat seseorang.<sup>57</sup> Allah telah menciptakan manusia sebagai sebaik-sebaik kejadian dengan memuliakan mereka.

Allah dengan sifatNya yang Maha Pemurah telah mengurniakan pendengaran dan penglihatan kepada manusia iaitu antara organ deria terpenting dalam tubuh seseorang manusia sebagai tanda kebesaranNya. Namun kekurangan yang diberi bukanlah sebab untuk seseorang individu tersebut dihina malah adalah sebagai tanda bahawa Allah Maha berkuasa menciptakan sesuatu serta berkuasa mengurniakan nikmat dan menariknya kembali pada bila-bila masa.

a. Jenis Pekak

Pekak boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu kecacatan pada bahagian penerimaan (*conductive deafness*) dan kecacatan pada bahagian tanggapan (*perceptive deafness*).<sup>58</sup>

Kecacatan pada bahagian penerimaan terjadi akibat berlaku kerosakan pada bahagian telinga luar atau telinga tengah. Kerosakan ini menghalang intensiti bunyi yang sampai ke dalam telinga dalam. Segala bunyi yang masuk melalui saluran auditori ke gegendang telinga menyebabkan tiga tulang kecil dalam telinga tengah bergetar dan menghantar bunyi ketelinga dalam. Pada tahap ini, gangguan boleh berlaku disebabkan

---

<sup>57</sup> AlQuran, Surah Al-Hujurat (49):13

<sup>58</sup> Hasnah Udin (1992), *Bimbingan Kanak-kanak Luar Biasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.26



oleh tahi telinga (*wax*) atau kecacatan lain seperti gegendang telinga pecah, luka, berlubang atau ketiadaan lubang telinga. Kecacatan ini boleh dibantu dengan adanya alat pendengaran.<sup>59</sup>

Kecacatan pada bahagian tanggapan terjadi akibat kerosakan yang berlaku pada bahagian telinga dalam atau saraf auditori yang membawa impuls (getaran) ke otak.<sup>60</sup>

b. Tahap dan Darjah Pekak

Terdapat pelbagai darjah atau tahap pekak iaitu dari peringkat yang minima sehinggalah peringkat yang tenat. Terdapat pelbagai pendapat dan tahap desibel yang berbeza dinyatakan oleh pengkaji berlainan.

Moore mengklasifikasikan tahap/darjah pekak pada empat tahap iaitu Tahap 1: dari 35 hingga 54 dB. Individu dengan kecacatan pada tahap ini kebiasaannya tidak memerlukan pendidikan khas dan mereka hanya memerlukan alat bantuan pendengaran serta rutin terapi percakapan. Tahap 2 iaitu dari 55 hingga 69 dB. Individu ini memerlukan pendidikan khas, terapi percakapan dan bantuan alat pendengaran. Tahap 3: dari 70 hingga 89dB dan Tahap 4 dari 90dB ke atas memerlukan bantuan pendidikan khas, terapi percakapan khas dan bantuan dalam pendidikan. Manakala orang separa pekak pula merupakan seseorang yang kehilangan pendengaran hingga mencapai 35 hingga 69dB. Menghadapi kesukaran mendengar namun tidak mengalami kehilangan secara total dan mampu mendengar dengan atau tanpa alat bantuan pendengaran.<sup>61</sup>

Levine pula menyatakan bahawa terdapat beberapa tahap antaranya ialah *slight loss* iaitu berada di sempadan antara golongan normal yang mampu mendengar dan yang

---

<sup>59</sup> Jamila K.A Mohamed (2005), *Pendidikan Khas untuk Kanak-kanak Istimewa*, Pahang: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd., h.40-41

<sup>60</sup> *Ibid.*, h. 41

<sup>61</sup> Moore, Donald F. (1978), *op. cit.*, h.7

mengalami kerosakan pendengaran. Mereka sekurang-kurangnya kehilangan 20dB atau kurang dan biasanya tidak disedari serta tidak mampu memahami sebarang komunikasi melalui bisikan. Manakala tahap *moderate loss* iaitu kehilangan pendengaran antara 20 hingga 40 dB. Mereka biasanya sukar mendengar ketika dalam keadaan sangat penat atau tidak aktif, ditengah-tengah perbualan yang bising dan keadaan yang agak jauh. Tahap *marked loss* iaitu dari 40 hingga 60dB dan sukar mendengar perbualan kecuali tahap suara jelas, jarak dekat dan perbualan dengan seorang individu sahaja. Tahap *severe loss* pula dari 60 hingga 80 dB dan mempunyai kesukaran yang teruk untuk memahami perbualan walaupun dalam keadaan menjerit dan pertuturan serta bahasa sukar dipelajari secara normal oleh kanak-kanak. Tahap terakhir ialah *profound loss* iaitu tahap kehilangan pendengarannya lebih dari 80dB serta mempunyai kesukaran yang melampau bukan sahaja untuk memahami perbualan dalam keadaan menjerit malahan untuk mendengar sebarang bunyi.<sup>62</sup>

Manakala Peter V. Paul dan Dorothy W. Jackson pula mengklasifikasikan tahap kehilangan pendengaran kepada 0-26dB: normal, 27-40dB: *Slight*, 41-50dB: *Mild*, 56-70dB: *Moderate*, 71-90dB: *Severe* dan 91dB ke atas: *Profound*.<sup>63</sup>

#### c. Faktor Pekak

Moore mengklasifikasikan faktor seseorang individu mengalami gejala pekak kepada dua kelas iaitu pekak sejak lahir (*congenital deafness*) dan yang boleh mendengar ketika lahir dan mengalami gejala pekak tidak lama kemudian (*accidental deafness*).<sup>64</sup>

---

<sup>62</sup> Levine, Edna (1960), *op. cit.*, h. 312

<sup>63</sup> Paul, Peter V. and Jackson, Dorothy W. (1993), *Towards Psychology of Deafness: Theoretical and Empirical Perspective*, USA: Allyn & Bacon, h.22

<sup>64</sup> Moore, Donald F. (1997), "Causes of Deafness", *Jurnal American Annals of The Deaf*, Vol. 142, No. 4, h. 317. Lihat juga Moore, Donald F. (1978), *Educating The Deaf : Psychology, Principles and Practice*, Boston: Houghton Mifflin Company, h. 85. Moore turut menerangkan faktor utama lain yang menyebabkan

Andrews pula membahagikan faktor pekak kepada dua iaitu melalui sebab genetik dan bukan genetik.<sup>65</sup> Walaupun penggunaan istilah yang berbeza namun penghuraian yang telah dilakukan oleh kedua-duanya adalah hampir sama.

i. Sejak Lahir

Individu yang mengalami masalah pekak sejak lahir berkemungkinan besar mengalami gejala pekak kerana masalah berikut. Antaranya ialah kerosakan organ pendengaran (*malfunction of the organ of hearing*) ketika dalam kandungan. Kerosakan ini menyebabkan bayi yang baru lahir tidak mempunyai kemampuan untuk mendengar seperti bayi-bayi normal lain. Ia berlaku ekoran ibu yang hamil diserang virus rubela, demam merah (*Scarlet fever*), ibu yang mengambil dadah berlebihan, pengguguran bayi yang gagal, demam grandular dan selesema.<sup>66</sup>

Sebab lain ialah kerana perkahwinan dengan keluarga terdekat (*intermarriage of near relations*) dan ingatan ibu kepada beberapa perkara sebelum anak dilahirkan (*mental impressions of the mother previous to the birth of her child.*) Perkahwinan pasangan yang mempunyai hubungan keluarga yang rapat dikenali pasti akan menghasilkan anak yang mempunyai beberapa gen yang tidak normal.<sup>67</sup> Malah Islam sendiri tidak menggalakkan perkahwinan antara saudara terdekat yang sudah pasti akan mengehadkan percambahan keturunan dikalangan manusia.

Manakala ingatan ibu pula boleh disamakan dengan pantang larang orang Melayu dan masyarakat lain. Ketika mengandungkan anak, perbuatan atau perbualan mereka

---

pekak ialah keturunan, *maternal rubella*, *prematurity*, *meningitis* dan darah yang tidak sesuai antara ibu dan anak.

<sup>65</sup> Andrews, Jean F. *et al.* (2004), *Deaf People: Evolving Perspectives from Psychology, Education and Sociology*, Boston: Pearson Education, h. 39-50

<sup>66</sup> Moores, Donald F. (1978), *op. cit.*, h. 317

<sup>67</sup> *Ibid.*, h. 318

dikhuatiri menjurus kepada sesuatu perkara hingga boleh mengakibatkan anak menerima akibatnya. Moores memberi contoh seorang wanita mengandung yang tidak pernah melihat orang pekak dan bisu dan berkebetulan terjumpa seorang gadis pekak yang menangis dengan suara yang pelik ketika menghadiri satu upacara pengkebumian. Suara gadis itu seterusnya sering menghantui beliau dan apabila wanita tersebut melahirkan anak, bayi tersebut disahkan mengalami pekak dan bisu. Apabila terjadi sesuatu kejadian, anak wanita itu akan memberi reaksi yang sama yang pernah beliau lihat pada gadis pekak yang ditemuinya di tanah perkuburan suatu ketika dahulu.<sup>68</sup>

ii. *Accidental Deafness*

Gejala ini berlaku apabila seseorang individu yang dilahirkan normal kehilangan pendengaran setelah beberapa ketika. Ia boleh disebabkan oleh virus seperti beguk dan demam campak, kemalangan yang membabitkan bahagian telinga, terdedah pada bunyi yang terlalu kuat dalam jangka masa yang lama serta demam panas yang kuat semasa masih bayi.<sup>69</sup>

d. Tanda-tanda Masalah Pendengaran

Masalah pendengaran jarang sekali dapat dikesan semenjak individu di peringkat kanak-kanak. Masalah ini seringkali tidak diketahui oleh ibu bapa kanak-kanak tersebut sehinggalah mereka bersekolah. Secara umumnya, kanak-kanak yang menghadapi masalah

---

<sup>68</sup> *Ibid.*, h. 318

<sup>69</sup> Webster, Alec and Wood, David (1989), *Children With Hearing Difficulties: Special Needs in Ordinary Schools*, London: Cassell Educational Limited, h. 93

ini lembam, terencat akal atau tidak berminat dengan pelajaran.<sup>70</sup> Antara tingkahlaku-tingkahlaku lain yang sering ditonjolkan oleh kanak-kanak atau individu yang menghadapi masalah kecacatan pendengaran ini adalah:

i. Kurang Memberi Perhatian

Seringkali kita akan mendapati bahawa individu yang menghadapi masalah ini kurang memberi perhatian di dalam sesuatu sesi pembelajaran contohnya di dalam kelas serta selalu berkhayal. Ini adalah kemungkinan kerana mereka tidak dapat mendengar apa yang diajar atau diperkatakan oleh pengajar ataupun mungkin mereka dapat mendengar bunyi tetapi tidak dapat memastikan apakah yang didengari itu.<sup>71</sup>

ii. Susah Mengikut Arahan

Kanak-kanak dan individu yang kurang pendengaran selalunya sukar untuk mengikut arahan-arahan yang diberikan secara lisan. Walaupun mereka sering bertanya mengenai tugas yang perlu dilakukan berulang kali, namun mereka masih tidak memahami akan tugas yang diberikan.<sup>72</sup>

iii. Cara Percakapan Janggal

Individu yang kurang pendengaran selalunya tidak dapat menyebut sesuatu perkataan dengan betul seperti kanak-kanak normal serta kadang-kadang perkataan yang

---

<sup>70</sup> *Ibid.*, h. 91

<sup>71</sup> Jamila K.A. Mohamed (2005), *op. cit.*, h.24

<sup>72</sup> Fraser, Brian (1992), "Hearing Impairments", dlm Gulliford, Ronald and Upton, Graham (eds.), *Special Educational Needs*, New York: Routledge, Chapman and Hall Inc., h.137

dikeluarkannya tidak berkait langsung dengan topik yang sedang diperkatakan, tidak jelas dan janggal.<sup>73</sup>

iv. Memerlukan Bantuan Daripada Orang Lain

Individu yang menghadapi masalah pendengaran ini juga, kerap kali sukar untuk melakukan dengan serta-merta tugas yang diberikan kepadanya, tetapi sebaliknya memerhatikan terlebih dahulu apa yang akan dilakukan oleh rakan-rakan. Kemungkinan besar keadaan ini adalah disebabkan kerana dia tidak dapat mendengar apa yang telah diarahkan oleh pengajar. Oleh itu, dia terpaksa meniru setiap gerak laku rakan-rakannya.<sup>74</sup>

v. Mempunyai Masalah Kesihatan

Selain daripada keanehan tingkahlaku yang ditonjolkan, terdapat juga tanda-tanda dari segi kesihatan antaranya seperti kerap kali mengadu sakit telinga, cecair atau nanah keluar dari telinga, kerap selsema, sakit tekak dan *tonsilitis*.<sup>75</sup>

e. Program Pemulihan

Kebiasaannya, kanak-kanak yang mengalami pekak mempunyai tiga rangkap kecacatan iaitu tidak dapat mendengar, tidak dapat bertutur dan tidak dapat berfikir seperti kanak-kanak yang normal. Oleh yang demikian, pelbagai program pemulihan telah disediakan, antaranya adalah kaedah berkomunikasi. Kaedah ini dibahagikan kepada tiga jenis kaedah yang utama.<sup>76</sup>

---

<sup>73</sup> Hajah Hasnah Udin (1992), *op. cit.*, h.29

<sup>74</sup> *Ibid.*, h. 29

<sup>75</sup> *Ibid.*, h.29

<sup>76</sup> *Ibid.*, h.46

i. Kaedah *Auditory Oral*

Kaedah ini menekankan latihan proses mendengar dan bertutur dengan menggunakan saki baki pendengaran secara lebih berkesan. Proses ini dilakukan dengan bantuan penggunaan alat bantu mendengar, deria lihat serta deria sentuh. Kaedah ini tidak menggunakan bahasa isyarat atau ejaan jari, tetapi lebih menekankan kepada kaedah membaca gerak bibir. Ia juga turut menggunakan implikasi bunyi bagi memperkembangkan kemahiran mendengar dan bertutur kanak-kanak atau individu yang pekak tersebut<sup>77</sup>.

ii. Kaedah Bahasa Isyarat

Kaedah ini dapat digunakan dengan mudah melalui kaedah menggabungkan perkataan dengan makna asas. Terdapat pelbagai bahasa isyarat termasuklah, *American Sign Language*, *Pidgin Sing English* (PSE), *Seeing Essential English* (SEE I), *Signing Exact English* (SEE II) dan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM).<sup>78</sup>

iii. Kaedah Bacaan Bibir

Kaedah ini selalunya digunakan bagi mengajar mereka yang mampu memberikan konsenterasi yang tinggi kepada bibir penutur dan menekankan penggunaan penglihatan yang sepenuhnya. Kanak-kanak atau individu tersebut perlu sentiasa melihat gerak bibir penutur dengan tepat dan dalam situasi ini penutur perlu berada di tempat yang terang dan jelas<sup>79</sup>. Keberkesanan ketiga-tiga jenis kaedah ini adalah bergantung kepada tahap kehilangan pendengaran kanak-kanak atau individu yang pekak tersebut.

---

<sup>77</sup>*Ibid.*, h. 46

<sup>78</sup>*Ibid.*, h.46. Topik berkaitan bahasa isyarat akan diterangkan dengan lebih lanjut di bahagian komunikasi orang pekak.

<sup>79</sup> *Pusat Pertuturan Kiu* yang terletak di Kampung Pandan, Kuala Lumpur merupakan antara pelopor terapi percakapan menggunakan kaedah ini.

Melalui penerangan di bahagian pengenalan boleh dikatakan bahawa masalah pekak mempunyai definisi yang luas dan setiap orang pekak mempunyai kadar kepekakan berbeza. Ia menolak stigma masyarakat bahawa setiap orang pekak mempunyai kecacatan yang sama. Pengetahuan tentang tahap kecacatan, cara pemulihan dan perkara berkaitan orang pekak akan membantu para pendakwah untuk lebih mengetahui sasaran dakwah mereka.

### **2.1.2 Sosiologi Orang Pekak**

Menurut Pertubuhan Sosiologi Amerika Syarikat, sosiologi adalah pembelajaran tentang kehidupan sosial serta kesan dan akibat sosial terhadap tingkahlaku manusia.<sup>80</sup> Kebiasaannya ahli sosiologi memberikan fokus pada kelompok. Mereka akan cuba memahami tingkahlaku dengan menganalisis pembolehubah masyarakat seperti status sosial, peranan sosial dan norma sosial.

Penting untuk mengetahui sosiologi orang pekak kerana menurut Ma'rof Redzuan, *manusia merupakan haiwan sosial, tinggal dan berinteraksi dengan persekitarannya (fizikal dan sosial). Manusia tidak tinggal dalam vakum tanpa pengaruh orang lain. Manusia mempengaruhi dan dipengaruhi oleh persekitaran mereka.*<sup>81</sup> Oleh yang demikian, aspek sosiologi bagi orang pekak penting untuk mengenali tingkahlaku sebenar orang pekak dengan kepercayaan bahawa tingkahlaku boleh dipengaruhi oleh persekitaran sesuatu masyarakat.<sup>82</sup>

Orang pekak tidak dianggap sebagai manusia sepenuhnya, kurang upaya, jauh dari keintelektualan seorang manusia dan tidak dibenarkan mewarisi harta bapanya pada zaman

---

<sup>80</sup> Mohd. Salleh Lebar (1998), *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*, Selangor: Thinker's Library, h. 3

<sup>81</sup> Ma'rof Redzuan (2001), *Psikologi Sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Malaysia, h. 17

<sup>82</sup> *Ibid.*, h.8



dahulu.<sup>83</sup> Ia hanya berubah sejak beberapa abad lepas apabila anak yang mengalami kurang upaya pendengaran dibenarkan untuk menjadi pewaris harta.<sup>84</sup> Keadaan berubah menjadi semakin baik dengan pelbagai sekolah dan kajian berkaitan orang pekak mula dilaksanakan. Kajian ini dilakukan untuk mendapat maklumat berkaitan gaya hidup, kebiasaan dan larangan serta kaedah yang betul dalam berkomunikasi dengan orang pekak. Kehilangan pendengaran bermakna seseorang individu akan kehilangan peluang untuk merasai pengalaman yang berkait dengan deria dengar sepanjang usia mereka.<sup>85</sup> Ini mengakibatkan orang pekak kebanyakannya mempunyai kelakuan yang agak berbeza dengan orang biasa.

Individu pekak kebiasaannya gemar membentuk kumpulan kecil dari kecacatan yang sama sehinggalah pada satu-satu masa mampu membentuk komuniti mereka sendiri.<sup>86</sup> Ini berikutan mereka merasakan susah untuk bergaul dengan masyarakat normal dengan keterbatasan kemampuan mereka untuk berkomunikasi. Melalui pembentukan komuniti yang tersendiri atau berada dalam kumpulan, mereka merasa lebih selamat dan saling memahami dengan penggunaan '*Sign Language*' atau bahasa isyarat untuk berkomunikasi. Mereka bersatu dan berpadu melalui konsep perpaduan kelompok yang merujuk kepada keinginan ahli untuk kekal dalam kelompok. Apabila satu-satu kelompok berpadu, ahli-ahlinya turut bersatu. Manusia biasanya akan merasa gembira berada dalam kelompok yang kohesif dan gembira kerana menjadi sebahagian dari ahlinya.<sup>87</sup> Ia juga antara sebab kenapa orang pekak sangat gemar berpersatuan. Ia seolah-olah membantu meningkatkan keyakinan diri dan mengiktiraf bahawa mereka tergolong dalam komuniti

---

<sup>83</sup> Furth, Hans G., *Thinking Without Language: Psychological Implications Of Deafness*, New York : The Free Press, h. 7

<sup>84</sup> *Ibid.*, h. 8

<sup>85</sup> Fraser, Brian (1992), *op. cit.*, h. 131

<sup>86</sup> *Ibid.*, h. 9

<sup>87</sup> Ma'rof Radzuan (2001), *op. cit.*, h. 259

pekak tersebut. Mereka juga berasa lebih selesa berada dalam kelompok yang sama kerana mampu berkomunikasi menggunakan bahasa yang sama dan mampu saling memahami antara satu sama lain.<sup>88</sup>

Kebiasaannya orang pekak mempunyai kehidupan sosial tersendiri yang agak sibuk. Menghadiri aktiviti kelab atau persatuan, melawat sesama sendiri dan kebanyakannya gemar melancong.<sup>89</sup> Kesemua aktiviti ini kebiasaannya dilakukan secara berkelompok memandangkan norma kehidupan mereka adalah secara berkelompok.<sup>90</sup>

Persatuan pekak di setiap negeri menjadi platform utama untuk golongan pekak menjalankan aktiviti sosial mereka. Setiap persatuan akan menganjurkan pelbagai program sosial atau keagamaan untuk menyebarkan manfaat dan kebaikan kepada ahli-ahlinya. Program yang dijalankan juga memberi penekanan kepada penyesuaian diri orang pekak untuk hidup dalam lingkungan masyarakat normal. Orang pekak turut dikenali sebagai individu yang kuat berpegang kepada nilai persahabatan. Mereka sanggup berkorban untuk berada dalam kelompok yang sama. Situasi ini biasanya berlaku dalam bidang pekerjaan iaitu mereka kebiasaannya sanggup berhenti kerja mengikuti rakan-rakan dalam kelompok yang sama apabila terdapat salah faham atau masalah. Senario sebegini sering mendatangkan masalah kepada pihak majikan hingga ada majikan yang terpaksa berhati-hati untuk mengambil golongan ini bekerja.<sup>91</sup> Oleh kerana kecacatan mereka tersembunyi, kadangkala tingkahlaku mereka akan mendatangkan salah faham dikalangan masyarakat.<sup>92</sup>

Semangat setiakawan ini dipupuk apabila mereka berada di pusat pendidikan atau institusi latihan yang sama untuk satu jangkasama. Namun ia tidak berlaku pada orang

---

<sup>88</sup> Scheetz, Nancy A. (2004), *op. cit.*, h. 155

<sup>89</sup> Furth, Hans G. (2001), *op.cit.*, h. 10

<sup>90</sup> Observasi penulis pada pelajar pekak dan golongan dewasa pekak di sekitar Semenanjung Malaysia pada tahun 2007

<sup>91</sup> Khalid Abdullah (1998), *Peluang Kerjaya untuk Populasi Berkeperluan Khas di Malaysia*, Bangi:UKM, h. 10.

<sup>92</sup> Scheetz, Nancy A. (2004), *op. cit.*, h. 14-15

pekak yang hidup secara individual iaitu dengan tidak mengikuti sebarang pendidikan secara formal.

Orang pekak turut menjalani kehidupan normal seperti masyarakat biasa. Mereka berkahwin dan mempunyai zuriat sendiri. Malahan mereka juga berpeluang memilih sendiri pasangan yang mereka kehendaki. Kebanyakan orang pekak akan bertemu jodoh dengan ahli persatuan atau kenalan masing-masing melalui perantaraan bahasa isyarat. Mereka juga melalui alam percintaan sama seperti pasangan normal lain.<sup>93</sup> Namun terdapat juga orang pekak yang bertemu jodoh dengan pasangan normal. Perkahwinan pasangan pekak kebanyakannya akan melahirkan zuriat yang normal walaupun kedua-dua pasangan adalah pekak.<sup>94</sup> Orang pekak juga mempunyai perasaan dan sosio emosi mereka dalam berkasih sayang juga sama seperti orang yang normal.<sup>95</sup> Ia sesuai dengan pendapat Ibn Khaldun dan al-Farabi yang mengatakan bahawa hidup berkeluarga dan bermasyarakat merupakan fitrah semulajadi manusia.<sup>96</sup>

Kefahaman orang pekak dalam melaksanakan tanggungjawab agama khususnya kepada penganut agama Islam masih dalam tahap memerlukan bimbingan daripada anggota masyarakat lain. Kebanyakannya tidak mengetahui batas-batas pergaulan yang sepatutnya antara lelaki dan perempuan. Mereka tidak memahami kenapa lelaki dan perempuan bukan muhrim tidak boleh bersentuhan walhal apa yang dilihat sebaliknya. Ini kerana mereka tidak dapat membezakan hubungan antara adik beradik, sepupu dan sahabat dalam Islam.

---

<sup>93</sup> Saniah Ismail, Ibu salah seorang responden pekak. Temubual pada 25 Oktober 2007 di Kuala Terengganu. Beliau mempunyai 2 orang anak lelaki pekak yang semakin meningkat dewasa dan melalui zaman percintaan seperti remaja lain.

<sup>94</sup> K.A Razhiyah (2006), *Anak Istimewa*, Bentong: PTA Professional, h.176

<sup>95</sup> *Ibid.*, h. 175

<sup>96</sup> Mustafa Haji Daud (1990), *Pengantar Masyarakat Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 18

Oleh itu, guru memainkan peranan penting untuk menerangkan batas pergaulan ini di peringkat sekolah sebagai panduan mereka.<sup>97</sup>

Dari sudut pelaksanaan ibadah pula, mereka dilihat melaksanakan ibadah mengikut kemampuan dan kehendak mereka. Solat misalnya dilaksanakan secara mengikut gerakan jemaah lain jika solat secara berjemaah dan jika solat secara individu, mereka kadangkala meninggalkan satu atau dua rukun dalam solat.<sup>98</sup> Mereka tidak menggerakkan bibir dan hanya melafazkan dalam hati setiap bacaan yang diketahui. Ada yang melaksanakan secara penuh iaitu lima kali sehari dan ada yang hanya mengikuti solat pada waktu tertentu seperti ketika ada solat jemaah di institusi, ketika sambutan hari kebesaran dalam Islam dan solat Jumaat. Puasa pula dilaksanakan secara penuh kerana mengikut budaya masyarakat setempat yang tidak memungkinkan mereka bertindak luar dari kebiasaan.<sup>99</sup>

Kebiasaannya orang pekak mendapat pendidikan hingga tahap menengah rendah dan menyambung ke bahagian kemahiran di institut pilihan mereka. Namun terdapat juga orang pekak yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah di universiti dalam dan luar negara.<sup>100</sup> University Gallaudet di Amerika merupakan satu-satunya institusi pengajian tinggi untuk orang pekak dan kajian berkaitan ditubuhkan untuk memberi pendidikan yang terbaik untuk mereka. Namun begitu, masih ramai orang pekak yang ditolak permohonannya untuk mengikuti program perguruan kerana tidak mampu mengikuti program yang dilaksanakan.<sup>101</sup>

---

<sup>97</sup> Norshahida Baharudin, Penyelaras Program Pendidikan Khas, SMK Tasek Damai, Ipoh. Temubual pada 10 September 2007

<sup>98</sup> Observasi yang dilakukan oleh penulis sepanjang tahun 2007 hingga tahun 2008 di institusi berkaitan orang pekak di seluruh Semenanjung Malaysia.

<sup>99</sup> Suzila Mohd Said, Guru Agama, Sek Men Tunku Ampuan Durah, Seremban. Temubual pada 23 Januari 2007

<sup>100</sup> Amir Hamdi antara mahasiswa pekak yang berjaya melanjutkan pelajaran di UTM, Skudai.

<sup>101</sup> Andrews, Jean F. *et al.* (2004), h. 11

Perdebatan juga sering berlaku dikalangan penyelidik berkaitan tahap intelektual orang pekak. Kajian oleh Quigley & Paul (1990) mendapati bahawa perkembangan bahasa pelajar pekak lemah dan lambat berbanding pelajar normal dan membawa kepada pencapaian yang lemah dalam bidang akademik.<sup>102</sup> Ini kerana tanpa pendengaran, mereka tidak dapat mengetahui perbendaharaan kata dan makna sebenar sesuatu perkataan sehingga mengurangkan kebolehan mereka menafsir perkara abstrak.<sup>103</sup> Namun ia tidak bermakna mereka perlu diketepikan daripada mendapat pendidikan yang sempurna. Ini kerana walaupun lemah dalam bidang akademik, mereka mampu meneruskan pembelajaran dalam bidang vokasional yang mementingkan kemahiran.

Orang pekak yang tidak mendapat pendidikan sewajarnya akan mudah terdedah kepada pelbagai gejala sosial yang berlaku di sekitar mereka. Oleh kerana orang pekak banyak mempelajari sesuatu melalui proses peniruan tingkahlaku masyarakat sekitar, ia menyebabkan potensi mereka untuk meniru tingkahlaku di luar norma masyarakat amat tinggi.<sup>104</sup> Gejala sosial merangkumi pelbagai perlakuan negatif anggota masyarakat yang tidak memberi sebarang keuntungan kepada kemajuan masyarakat. Peningkatan gejala sosial akan menyebabkan kemunduran kepada kemajuan masyarakat.<sup>105</sup>

Perbincangan diatas jelas menunjukkan bahawa orang pekak turut mempunyai tatacara kehidupan yang tersendiri dan ingin dihormati sebagai seorang anggota masyarakat oleh komuniti lain. Mereka juga mempunyai kemampuan dan hak untuk turut menikmati kehidupan dan bersosial. Pengetahuan mengenai cara untuk bergaul dengan orang pekak

---

<sup>102</sup>Paul, Peter V. and Jackson, Dorothy W. (1993), *op. cit.*, h.22

<sup>103</sup> *Ibid.*, h. 88

<sup>104</sup> Skinner, Burrhus F. (1974), *About Behaviorisme*, New York: A. Knopi, h. 88

<sup>105</sup> Nasaruddin Hassan (2009), "Gejala Sosial dan Jenayah di Selangor dan Lembah Kelang: Punca dan Penyelesaian Menurut Perspektif Islam" (Kertas Kerja Seminar Mencegah Gejala Sosial Negeri Selangor di Hotel Grand Blue Wave, 24-25 Jun 2009), h.1

perlu agar mereka merasa selesa dan mampu lebih terbuka untuk menerima orang lain selain dari rakan mereka dalam menjalani kehidupan seharian.

### 2.1.3 Komunikasi Orang Pekak

Komunikasi diambil dari perkataan Inggeris. '*communication*' yang berasal dari perkataan latin '*communicatio*' yang bermaksud perbuatan atau tingkahlaku berkongsi sesuatu dan perundingan bersama seseorang atau kumpulan ramai.<sup>106</sup>

Komunikasi merupakan entiti terpenting yang menonjolkan ciri penting seseorang manusia. Kebolehan berkomunikasi melalui bahasa memberikan kelebihan pada manusia berbanding makhluk lain. Kebolehan komunikasi yang terhad akan menyukarkan seseorang individu dalam menjalani kehidupan seharian. Pekak menyebabkan individu yang mengalaminya mempunyai akses yang terhad untuk mendapatkan maklumat kecuali dengan bantuan penglihatan. Ibu bapa, adik-beradik, jiran tetangga atau masyarakat awam yang lain akan mendapati amat sukar untuk menterjemahkan sesuatu maklumat yang perlu disampaikan kepada individu pekak tersebut. Bahasa atau kaedah komunikasi yang paling ringkas harus digunapakai dalam proses ini.<sup>107</sup> Lebih-lebih lagi kebanyakan orang pekak dilahirkan dalam keluarga normal dan tidak mempunyai banyak pengetahuan asas berkaitan masalah pendengaran. Ia menyebabkan wujudnya jurang dalam komunikasi antara masyarakat sekeliling dan individu pekak itu sendiri.<sup>108</sup>

Namun demikian, konsep komunikasi itu sendiri adalah sangat luas. Komunikasi boleh berlaku melalui *verbal* dan *non-verbal*. Orang pekak menggunapakai '*sign language*'

---

<sup>106</sup> Glare, P.G.W (1983), *Oxford Latin Dictionary*, Oxford University Press, h. 369.

<sup>107</sup> Furth, Hans G. (2001), *op.cit.*, h. 10

<sup>108</sup> Shahrul Arab'iah Othman (2001), *op. cit.*, h. 6

atau bahasa isyarat sebagai jambatan perhubungan dan alat meluahkan matlamat, niat dan keinginan mereka.<sup>109</sup>

Helen Keller<sup>110</sup> diajar oleh gurunya iaitu Anna Sullivan melalui pelbagai perlambangan untuk berkomunikasi dengan masyarakat normal. Sullivan akan menulis atau membentuk perkataan yang dikehendaki di atas tapak tangan Keller dan kadangkala membiarkan Keller merasai sesuatu seperti air untuk memberitahu kewujudannya.<sup>111</sup> Ini membuktikan bahawa terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunapakai untuk berkomunikasi dengan individu kurang upaya amnya dan orang pekak, khususnya.

Secara amnya komunikasi orang pekak boleh terjadi melalui beberapa medium. Paling utama ialah melalui penggunaan bahasa isyarat. Bahasa isyarat merupakan medium utama atau jambatan perhubungan utama buat orang pekak berkomunikasi dengan komuniti mereka serta masyarakat normal lain. Ia menggunapakai jari-jemari sebagai komponen utama untuk melahirkan bahasa isyarat yang dituturkan bersama orang pekak lain dan juga dengan masyarakat normal. Istimewanya bahasa isyarat digunapakai oleh orang pekak di seluruh dunia namun disesuaikan dengan negara masing-masing.<sup>112</sup>

Bahasa isyarat yang digunakan oleh orang pekak berbeza-beza mengikut tempat dan negara mereka menetap. Di Malaysia, penutur bahasa isyarat di Kedah mungkin menggunakan isyarat berbeza berbanding di Kuala Lumpur. Manakala penutur berbangsa Melayu mungkin menggunakan isyarat yang agak berbeza berbanding penutur berbangsa Cina.<sup>113</sup> Bahasa isyarat berbeza-beza kerana telah dipengaruhi oleh latar belakang budaya

---

<sup>109</sup> K.A Razhiyah (2006), *op. cit.*, h. 165

<sup>110</sup> Helen Keller merupakan personaliti yang terkenal kerana usaha dan kesungguhannya dalam meningkatkan taraf hidup walaupun mempunyai kecacatan pelbagai iaitu buta dan pekak.

<sup>111</sup> Keller, Helen (1954), *The Story of My Life*, New York:Doubleday, h. 24-36

<sup>112</sup> Woll, Bencie *et al.* (2001), Ceil Lucas (ed), *The Sociolinguistics of Sign Languages*, Cambridge: Cambridge University Press, h.8-9

<sup>113</sup> Goh Ong Sing dan Teh Kean Hoe (1993), *Bahasa Tulisan Pelajar Pekak: Analisis Struktur Sintaksis Ayat Berdasarkan Teori Tatabahasa Transformasi Generatif*, Dewan Bahasa Dan Pustaka:Kuala Lumpur, h. 8.

yang berlainan.<sup>114</sup> Perbezaan ini selalunya menyebabkan bahasa isyarat kenegerian agak sukar difahami oleh penutur di negara lain.<sup>115</sup>

Bahasa isyarat pekak juga terdiri dari dua kumpulan iaitu bahasa ciptaan oleh pendidik orang pekak dan kedua bahasa isyarat natif orang pekak. Bahasa isyarat yang dicipta oleh pendidik-pendidik orang pekak dicipta berdasarkan kepada konsep bahasa orang pekak tidak patut dipisahkan dari sistem bahasa orang normal. Mereka mencipta bahasa yang mengikut struktur ayat bahasa normal dengan menekankan pada tatabahasa orang normal. Maka lahirlah Kod Tangan Bahasa Malaysia (KTBM) yang dicipta oleh Jawatankuasa Kerja Komunikasi Seluruh pada 1978 yang dipengerusikan oleh Prof. Asmah Hj. Omar dan pendidik pekak dari seluruh negara.<sup>116</sup>

Namun begitu setelah 30 tahun diperkenalkan, ia agak sukar diikuti oleh orang pekak kecuali mereka telah menguasai bahasa orang normal terlebih dahulu.<sup>117</sup> Ini kerana ia tidak mengambil berat maksud isyarat dari segi visual. Ia menyebabkan KTBM mengabaikan maksud perkataan yang mempunyai makna yang berbeza dengan meletakkan ia dalam satu kod sahaja.

Sehubungan dengan itu terdapat saranan yang meminta agar KTBM diubah suai dalam beberapa aspek untuk memudahkan penggunaannya antaranya menyediakan kod yang berlainan jika terdapat pelbagai makna dalam satu perkataan, setiap pengucapan bahasa isyarat perlu mengikut struktur ayat yang betul mengikut kesesuaian dan menyingkirkan mana-mana imbuhan yang dirasakan perlu dan bersesuaian dalam bahasa isyarat. Kebanyakan orang pekak lebih selesa menggunakan bahasa natif ciptaan mereka

---

Lihat juga Teh Kean Hoe (2006), "Bahasa Isyarat Kod Tangan Bahasa Melayu dan Pembelajaran Bahasa Dalam Kalangan Orang Pekak", *Seminar Kebangsaan Bahasa Verbal dan Bukan Verbal Dari Perspektif Bahasa, Terjemahan dan Komunikasi*, 19-20 Disember 2006, h. 166

<sup>114</sup> *Ibid.*, h.9

<sup>115</sup> Woll, Bencie *et al.* (2001), *op. cit.*, h.9

<sup>116</sup> *Ibid.*, h. 10-12

<sup>117</sup> Teh Kean Hoe (2006), *op. cit.*, h. 171



yang mewakili pemikiran, pandangan, idea dan budaya orang pekak dalam sesuatu masyarakat. *American Sign Language (ASL)* merupakan contoh bahasa isyarat yang dituturkan oleh ribuan penutur bahasa isyarat pekak di Amerika. Malah bahasa isyarat Malaysia (BIM) iaitu nama yang diberikan kepada bahasa natif pekak turut dipengaruhi oleh ASL.<sup>118</sup>

Selain penggunaan bahasa Isyarat, orang pekak di Malaysia turut menggunakan sistem pesanan ringkas (*SMS*) melalui telefon bimbit untuk berkomunikasi. Selain memudahkan, mereka juga mampu berhubung dengan rakan-rakan yang jauh dalam masa yang singkat. Penggunaan *SMS* sangat popular dikalangan orang pekak generasi muda yang berpendidikan. Malahan segala urusan berkaitan persatuan, panggilan mesyuarat dan sebagainya mula menggunakan medium *SMS* ini yang dirasakan amat efektif.<sup>119</sup>

Selain itu, mereka juga berkomunikasi melalui laman sesawang *e-pekak.net* yang diwujudkan khusus untuk orang pekak. Mereka memanfaatkan sepenuhnya penggunaan laman sembang di ruangan ini untuk menyatakan aduan, memohon pertolongan malah mencari rakan baru. Penggunaan medium baru adalah sejajar dengan perkembangan teknologi dunia yang dimanfaatkan oleh golongan ini.<sup>120</sup>

Orang pekak memulakan komunikasi antara mereka dengan sentuhan lembut kepada rakan mereka sebagai isyarat untuk memulakan komunikasi. Ini berlaku kerana kebanyakan orang pekak tidak mampu mendengar sepenuhnya dan memerlukan penggunaan fizikal sebagai ganti suara. Namun demikian, terdapat juga orang pekak yang memakai alat bantuan pendengaran serta mampu membaca bibir (*lip reading*) yang

---

<sup>118</sup> *Ibid.*, h. 171

<sup>119</sup> Observasi penulis di Institut kemahiran untuk Orang Kurang Upaya di sekitar Semenanjung Malaysia pada 2007

<sup>120</sup> Mohamad Sazali Shaari (2006), "Informasi: Orang Pekak Juga Ada Hak", *MyDEAF*, Edisi Khas, April 2006

memberi makna bahawa masyarakat normal tidak boleh bercakap sewenang-wenangnya dengan mereka kerana beranggapan orang pekak tidak mampu mendengar.<sup>121</sup>

Ketika berkomunikasi, adalah amat penting untuk kerap memandangi individu pekak untuk mengelakkan mereka rasa diabaikan.<sup>122</sup> Kita juga perlu menunggu sehingga individu pekak menyedarinya barulah dimulakan komunikasi kerana komunikasi hanya akan berlaku sekiranya mereka menyedari bahawa kita ingin berkomunikasi dengan mereka. Tidak digalakkan juga untuk berdiri dengan membelakangkan cahaya kerana akan menghasilkan *backlight* yang menyukarkan mereka untuk memahami gerakan isyarat yang diberikan.<sup>123</sup>

Tindak balas mengganggu kepala ketika berbual lebih bermakna daripada sekadar berkata “hmm” kerana bagi individu yang mengalami masalah pekak *profound* mereka tidak akan dapat mengagak sebarang komunikasi yang berlaku.<sup>124</sup>

Walaupun telah kehilangan pancaindera yang agak penting iaitu pendengaran, namun kebanyakan orang pekak mempunyai pemerhatian yang tajam. Kehilangan satu atau lebih pancaindera menyebabkan pancaindera seperti mata dapat berfungsi dengan lebih baik. Oleh yang demikian, amat penting untuk mengetahui kaedah untuk berkomunikasi dengan betul apabila berhadapan dengan orang pekak. Kaedah komunikasi yang betul akan memberikan lebih keselesaan kepada mereka untuk berkomunikasi dengan ahli masyarakat lain.

---

<sup>121</sup> Observasi penulis, *op. cit.*

<sup>122</sup> Pamflet Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang

<sup>123</sup> *Ibid.*

<sup>124</sup> *Ibid.*

#### 2.1.4 Psikologi Orang Pekak

Kehidupan orang pekak tidak akan terlepas dari perbincangan yang melibatkan psikologi kehidupan. Skop perbincangan psikologi yang melibatkan orang pekak akan berkisar kepada konsep sendiri, penghargaan sendiri dan mengenali personaliti orang pekak.

##### a. Konsep Kendiri

Konsep sendiri boleh dirumuskan sebagai penilaian, pandangan, tanggapan, kepercayaan, termasuk kekuatan dan kelemahan diri sendiri. Kebiasaannya nilai-nilai ini berlaku dan dibentuk hasil interaksi dengan anggota masyarakat dalam persekitaran seperti keluarga, guru, sekolah, rakan sebaya dan ahli komuniti dalam masyarakat.<sup>125</sup>

Konsep sendiri boleh dibahagikan kepada dua iaitu konsep sendiri positif dan konsep sendiri negatif. Individu dengan konsep sendiri positif kebiasaannya bertimbang rasa, mempunyai pandangan positif pada diri sendiri, sedia menerima teguran, kritikan dan pandangan orang lain, penuh keyakinan diri, mempunyai lebih banyak kejayaan berbanding kegagalan, bersifat tenang dan penuh ketabahan menghadapi cabaran dan berpersonaliti seimbang dan harmonis. Manakala individu yang dekat dengan konsep sendiri negatif adalah dalam situasi yang berlawanan iaitu mempunyai kompleks rendah diri, pasif dan tidak suka bergaul atau bekerjasama dengan orang lain, mempunyai perasaan curiga, prasangka dan tidak percaya orang lain dan diri sendiri, tidak suka mendengar dan menerima pendapat orang lain, sentiasa menunjukkan muka yang masam dan sukar bersosialisasi dengan orang lain.<sup>126</sup>

---

<sup>125</sup> Mok Soon Sang (2002), *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan*, ed.2, Subang Jaya: Kumpulan Budiman, h. 161

<sup>126</sup> *Ibid.*, h. 163

Di antara faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pembentukan konsep sendiri antaranya ialah pengaruh baka ke atas ciri-ciri fizikal serta kecerdasan, bentuk tubuh badan yang mempengaruhi sahsiah, keadaan fizikal yang mempengaruhi perubahan tingkahlaku, emosi yang mempengaruhi perasaan dan pengaruh keluarga membentuk sikap dan kepercayaan. Konsep sendiri mempunyai pengaruh yang besar ke atas tingkahlaku manusia ke arah penyesuaian dalam kehidupan iaitu samada penerimaan atau penolakan diri dan penghargaan sendiri.

b. Penghargaan Kendiri

Penghargaan sendiri timbul daripada penilaian terhadap kebolehan dan kebaikan diri sendiri. Penghargaan sendiri boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu penghargaan sendiri tinggi, sederhana dan rendah. Individu yang mempunyai penghargaan sendiri tinggi biasanya bersikap positif, sanggup berusaha hingga mencapai kejayaan yang diharapkan, percaya dan yakin terhadap diri sendiri yang berbakat dan berkebolehan. Individu yang mempunyai penghargaan sendiri sederhana sering ragu-ragu untuk membuat keputusan yang tepat, sentiasa merasa konflik dalam kehidupan dan kurang yakin pada diri sendiri. Manakala individu dengan penghargaan sendiri rendah kebiasaannya bersikap negatif, kurang yakin pada diri dan sering berusaha melepaskan diri apabila menghadapi masalah.<sup>127</sup>

c. Personaliti

Personaliti berasal dari perkataan *persona* yang diambil dari perkataan latin yang bermaksud topeng muka yang dipakai oleh pelakon Yunani pada zaman dahulu untuk

---

<sup>127</sup> *Ibid.*, h. 164

mewakili sesuatu perwatakan orang di pentas. Mischel (1981) menghuraikan personaliti sebagai susunan pola-pola tingkahlaku manusia yang diaplikasikan dalam situasi kehidupan. Personaliti seseorang individu biasanya dikaitkan dengan dua kategori yang ekstrem iaitu *introvert* dan *ekstrovert*. Namun demikian, tiada seorang pun manusia yang memiliki sifat yang dominan dalam kategori tersebut. Ini kerana dipercayai manusia mempunyai gabungan sifat *ekstrovert* dan *introvert*. Gabungan kedua-dua kategori ini akan membentuk *ambivert*.<sup>128</sup>

Hilang upaya pendengaran kebiasaannya menyebabkan seseorang individu menjurus kepada personaliti yang agak negatif antaranya kurang matang, penuh rasa curiga, selalu merasakan dalam keadaan kurang selamat, paranoid, kurang empati dan kurang disayangi.<sup>129</sup>

Personaliti ini terbentuk hasil daripada penerimaan masyarakat kepada individu ini. Sebilangan besar daripada mereka disisihkan oleh anggota masyarakat yang normal dan paling menyedihkan, terdapat ahli keluarga terdekat mereka sendiri menyisihkan mereka. Ia bertepatan dengan konsep pengaruh sosial yang dinyatakan oleh Tedeschi *et al.* (1985) mengatakan bahawa pengaruh sosial merujuk kepada perubahan dalam tingkahlaku, niat, kepercayaan, dan nilai seseorang akibat campur tangan orang lain.<sup>130</sup>

Adolf Hitler merupakan individu yang membuktikan bahawa personaliti mereka mampu mempengaruhi sikap. Hitler yang mempunyai perasaan prasangka terhadap kaum Yahudi Jerman dikatakan bertitik tolak daripada sejarah kehidupan beliau yang berasal dari

---

<sup>128</sup> Mohd. Saleh Lebar (1999), *Memahami Psikologi*, Selangor: Thinker's Library, h. 210

<sup>129</sup> Moores, Donald F. (1978), *op. cit.*, h.144

<sup>130</sup> Seligman, Milton (2000), *Conducting Effective Conferences With Parents of Disabilities: A Guide For Teacher*, New York: The Guilford Press, h. 93

keluarga yang miskin. Kekurangan beliau cuba ditutup dengan prasangka kepada kaum Yahudi.<sup>131</sup>

Dalam konteks dakwah pula, seseorang pendakwah atau guru agama perlu memahami psikologi orang pekak dengan sebaiknya bagi memastikan keberkesanan aktiviti dakwah yang disampaikan kepada mereka. Di dalam al-Quran, Allah SWT telah menegur nabi Muhammad SAW. yang telah didatangi oleh seorang Muslim yang buta bernama Abdullah bin Umm Maktum dengan tujuan untuk bertanya beberapa perkara mengenai agama, tetapi Baginda tidak dapat melayannya kerana Baginda ketika itu sedang bercakap dengan beberapa orang ketua kaum musyrik Mekah dan menyeru mereka supaya memeluk Islam, dengan harapan kalau mereka memeluk Islam maka pengikut mereka yang ramai akan menurut sama.<sup>132</sup> Firman Allah SWT:

عَبَسَ وَتَوَلَّى ۖ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى ۚ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزَكَّى ۖ  
أَوْ يَذَّكَّرُ ۖ فَتَنَّفَعَهُ ۚ أَلَمْ يَكُنْ فِي يَدَيْكَ الْكُفْرُ وَالْكَرَى ۚ أَمْ أَنْتَ مَنْ أَسْتَغْنَى ۚ فَأَنْتَ لَهُ تَصَدَّى ۚ وَمَا  
عَلَيْكَ إِلَّا يَزَكَّى ۚ وَأَمَّا مَنْ جَاءَكَ يَسْعَى ۚ وَهُوَ يَخْشَى ۚ فَأَنْتَ  
عَنْهُ تُلَهِى ۚ كَلَّا إِنَّهَا تَذْكِرَةٌ ۚ

Maksudnya:

Dia (Muhammad) bermuka masam dan berpaling, kerana telah datang seorang buta kepadanya, tahukah kamu barangkali ia ingin membersihkan dirinya (dari dosa), atau dia (ingin) mendapatkan pengajaran, lalu pengajaran itu memberi manfaat kepadanya?. Adapun orang yang merasa dirinya serba cukup, maka kamu

<sup>131</sup> Ma'rof Redzuan (2001), *op. cit.*, h. 109

<sup>132</sup> Ibn Kathir (2004) *Tafsir al-Quran al-Azim*, j.4, Riyadh: Dār al-Salām, h.2982. Lihat juga catatan bawah dalam *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* (2001), c. 12, Kuala Lumpur: Darul Fikir, h. 1635.

melayaninya, padahal tidak ada (celaan) atasmu kalau dia tidak membersihkan diri (beriman). Dan adapun orang yang datang kepadamu dengan bersegera (untuk mendapatkan pengajaran), sedang ia takut kepada (Allah), maka kamu mengabaikannya. Sekali-kali jangan (berbuat sedemikian)! Sesungguhnya ajaran-ajaran Tuhan itu adalah suatu peringatan.

Surah `Abasa (80):1-10

Keterangan ayat di atas menunjukkan bahawa perlunya seseorang pendakwah memahami psikologi OKU yang termasuk kurang upaya pendengaran agar dakwah dapat disampaikan secara yang berkesan. Panduan al-Quran tersebut hendaklah dijadikan panduan bagi Muslim dalam berinteraksi dengan mereka, khususnya untuk tujuan dakwah. Ayat ini juga boleh digunapakai untuk orang pekak memandangkan orang pekak terkandung dalam senarai OKU.

Ramai orang sukar memahami perasaan (*feelings*) orang pekak. Menurut Hall, ramai dari kalangan orang pekak juga dikenali sebagai golongan yang merasakan bahawa mereka menjadi bebanan kepada orang lain, khususnya keluarga mereka (*they are an enormous burden to their families*).<sup>133</sup> Malah terdapat juga ibubapa yang malu untuk membawa anak keluar bersiar-siar, tidak mahu meninggalkan kepada pengasuh (bimbang pengasuh tidak memahami keperluan anak) dan tidak membawa anak pekak ke majlis sosial. Perkara ini secara tidak langsung akan memberi kesan pada pertumbuhan anak pekak.<sup>134</sup>

Individu pekak akan merasai amat tertekan dalam kehidupan dan memerlukan penghargaan dari orang lain bagi meringankan tekanan yang mereka hadapi (*to gain acknowledgment for the stress they are experiencing*). Memang tidak dapat dinafikan

---

<sup>133</sup> Hall, Neil (1992), "Psychological and Health-Related Problems", dlm. Gulliford, Ronalds (eds), *Special Educational Needs*, New York: Routledge, Chapman and Hall Inc., h. 165

<sup>134</sup> Gregory, Susan (1995), *Deaf Children and Their Family*, Cambridge: Cambridge University Press, h. 171-185

bahawa keadaan kecacatan fizikal dan masalah kesihatan yang dihadapi mereka kadang-kadang menyebabkan mereka merasai rendah diri dan tidak suka bergaul dengan orang lain, kecuali di kalangan mereka sahaja. Ini menyebabkan mereka kadangkala tidak memahami nilai dan kedudukan mereka sebagai individu dalam persekitaran keluarga mereka, sebagaimana yang dinyatakan oleh Hall, *Of major importance is the value which is ascribed to them as individuals within their own families, how they are viewed as somebody with significance in spite of and because of their health problems.*<sup>135</sup>

Menurut Blaxter, individu normal yang menjadi pekak kadang-kadang akan menghadapi kesan psikologi selepas ia keluar dari hospital (khususnya bagi kes-kes kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan). Antaranya ia akan terasa perlu bergantung kepada orang lain dan cuba mengelak dari memikirkan masa depannya, mereka memerlukan masa untuk membuat penyesuaian bagi menghadapi alam realiti. Katanya: *“While ill, the patients had necessarily relaxed into dependency and had avoided thinking about the future; they now needed time to adjust to the ‘real’ world, where decisions had to be made”.*<sup>136</sup>

Dari aspek psikologi juga, orang pekak yang berdepan dengan kecacatan kekal kerana kemalangan adalah menghadapi kesan psikologi yang begitu berat sekali. Ini kerana ada sarjana yang menyatakan bahawa selepas tiga atau empat bulan ia keluar dari hospital, ia akan merasakan amat tertekan (*most depressed*) dan merasai diri mereka sedang melalui hari-hari yang tiada harapan apa-apa (*hopeless time*) untuk meneruskan kehidupan seterusnya, sesetengahnya akan mengambil sikap tidak kisah (*apathy*) dan merasai lesu dan

---

<sup>135</sup> *Ibid.*, h. 166.

<sup>136</sup> Blaxter, Mildred (1976), *The Meaning of Disability*, London: Heinemann Educational Books Ltd., h. 59



lemah longlai (*lethargy*) dan ini akan menyebabkan mereka sukar dan merasai tertekan untuk membuat perancangan untuk hari muka (*depressed inability to plan for the future*).<sup>137</sup>

Namun demikian, perkara ini tidak terjadi kepada individu pekak yang mendapat sokongan dan perhatian daripada ahli keluarga. Malah, sokongan keluarga juga mampu menambah baik skil komunikasi mereka dan kemahiran-kemahiran lain. Disebalik hanya bersedih kerana mempunyai anak cacat, ibubapa ini membangunkan strategi tertentu untuk membantu anak yang mengalami kehilangan pendengaran untuk menghadapi kecacatan tersebut.<sup>138</sup> Ini menunjukkan penerimaan ibubapa kepada qada' dan qadar yang telah ditetapkan oleh Allah akan turut membantu perkembangan positif dalam diri individu pekak. Ia sekaligus membantu orang pekak untuk mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi kerana tidak berasa diri terlalu asing berbanding dengan individu lain dalam masyarakat.<sup>139</sup>

Mengikut Secord dan Backman, tingkah laku individu yang terlibat dalam interaksi sosial boleh dianalisis dari tiga sudut, iaitu sistem personaliti, sistem sosial dan sistem budaya. Analisis dari sudut sistem personaliti mengambil kira ciri-ciri individu seperti sikap, keperluan, tret dan perasaan, analisis dari sudut sistem sosial pula memfokuskan kepada perhubungan antara individu-individu, manakala analisis dari sudut sistem kebudayaan adalah pada idea-idea yang telah dipersetujui bersama mengenai kehidupan sosial dan bukan sosial manusia.<sup>140</sup>

Berdasarkan huraian ringkas di atas, dapat disimpulkan bahawa orang pekak mempunyai ciri-ciri psikologi khusus yang berbeza dengan orang normal, antaranya mereka merasai bahawa mereka membebankan orang lain, memerlukan pertolongan dan

---

<sup>137</sup> *Ibid.*, h. 226

<sup>138</sup> Scheetz, Nancy A. (2004), *op. cit.*, h. 153

<sup>139</sup> *Ibid.*, h. 154

<sup>140</sup> *Ibid.*, h. 4.

penghargaan daripada orang lain, dan merasa tertekan dalam hidup. Pelaksanaan dakwah yang dilakukan oleh setiap pendakwah akan menjadi lebih mudah sekiranya para pendakwah mengetahui psikologi orang pekak. Ini akan memudahkan mereka memahami personaliti, keperluan orang pekak dan perkara yang mereka suka dan tidak suka. Pengetahuan ini juga akan menjadi panduan kepada para pendakwah untuk menetapkan metode sesuai yang boleh digunapakai dalam usaha dakwah mereka.

## **2.2 Dakwah Kepada Orang pekak**

Dakwah merupakan amanah yang mesti dipikul oleh setiap orang di muka bumi ini. Usaha dakwah yang dilakukan akan memberi impak kepada kemajuan agama Islam itu sendiri. Melaksanakan tugas agama ini, terutamanya tugas memajukannya melalui dakwah merupakan amanah yang mesti dipikul sebaik-baiknya. Amanah yang dituntut dalam Islam ini selari dengan Sabda Rasulullah SAW<sup>141</sup>:

Maksudnya: Sampaikanlah apa yang (kamu terima) daripadaku walaupun hanya satu ayat.

Hadis di atas menunjukkan dengan jelas bahawa dakwah atau seruan menyampaikan ajaran Islam merupakan satu bahagian yang teramat penting dalam hidup seorang Muslim sama ada dilaksanakan dalam kadar yang minimal atau maksimum.

Dakwah yang disampaikan sepatutnya adalah seruan yang dilakukan secara menyeluruh iaitu kepada seluruh umat manusia tanpa ada pengecualian selari dengan tugas Rasulullah SAW sebagai pembawa rahmat seluruh alam. Rahmat kedatangan Rasulullah bukan sahaja dirasakan oleh umat manusia malah turut dirasakan oleh sekalian makhluk di muka bumi ini. Baginda menyebarkan dakwah Islamiah kepada seluruh masyarakat pada ketika

---

<sup>141</sup> Muhammad Abu ‘Abd Allāh al-Bukhārī al-Ja’fi (1987), *Sahih Bukhārī*, Mustafa Dib al-Bugha, Dr (ed.), Juz. 3, Kitab Ahādith al-Anbiya’, Beirut: Dār Ibn Kathir al-Yamāmah, h. 1275

itu.<sup>142</sup> Setelah berlalunya zaman para nabi dan rasul, umat Islam menjadi penyambung kepada usaha dakwah ini.<sup>143</sup>

Namun untuk memastikan dakwah dapat disampaikan dengan menyeluruh dan efektif, ia perlu dilaksanakan mengikut kaedah yang betul. Untuk itu, setiap pendakwah perlu mengetahui kepentingan berdakwah kepada golongan sasaran yang dipilih, metode dakwah yang ingin digunakan serta masalah yang bakal timbul dalam setiap pelaksanaan dakwah yang dilakukan. Ia bertujuan untuk menambah baik usaha dakwah yang ingin dilaksanakan kepada masyarakat awam.

### **2.2.1 Tuntutan Dakwah Kepada Orang pekak**

#### **a. Keperluan Orang Pekak Kepada Dakwah**

Orang pekak memerlukan dakwah Islam dalam kehidupan seharian sama seperti orang lain. Malah, keperluan kepada dakwah lebih memuncak atas beberapa faktor antaranya masalah moral yang semakin meningkat, kehidupan sosial masyarakat yang semakin berubah dan sebagainya. Perubahan sosial ini turut disebut dalam al-Quran<sup>144</sup> dan antara asas perubahan sosial ialah dalaman manusia yang mempengaruhi pembangunan luarannya, fitrah semulajadi manusia untuk berubah, perubahan yang berlaku secara

---

<sup>142</sup> Zulkiple Abd. Ghani (2002), "Imam dan Kepimpinan Dakwah", dlm. Sulaiman Ibrahim *et al.* (eds.), *Dakwah Kepada Masyarakat Muslim di Malaysia, Bangi*: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 103. Lihat juga \_\_\_\_\_(2002), "Dakwah Terhadap Golongan Bermasalah di Penjara", h. 113 dan Roslan Mohamed (2003), "Pengurusan Dakwah: Sorotan Mengenai Konsep", *Jurnal Yadim*, bil. 5, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah

<sup>143</sup> Ghazali Darusalam (1996), *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*, Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h. 19

<sup>144</sup> Sila rujuk dalam Surah al-Ra'du(13):11 dan Surah al-Anfal(8):53 yang menceritakan berkaitan perubahan sosial dalam al-Quran.

kelompok dan perubahan yang ditentukan oleh Allah dan kemudiannya diusahakan oleh manusia.<sup>145</sup>

Perubahan sosial yang berlaku dalam semua masyarakat pada hari ini adalah sesuatu yang lumrah namun manusia dituntut untuk menentukan hala tuju kehidupan supaya tidak tersasar dari landasan syariat. Masalah sosial merupakan cara hidup masyarakat yang menjadi tidak harmoni dengan agama yang seterusnya mencetuskan suasana yang tidak bermoral dalam pelbagai aspek kehidupan.<sup>146</sup> Antara faktor terjadinya masalah sosial secara umumnya ialah kerana perasaan ingin tahu, perubahan emosi dan fikiran, kecenderungan berkumpul, pengaruh media massa, asuhan keluarga dan komunikasi ibubapa yang kurang berkesan.<sup>147</sup>

Seperti orang lain, individu peka turut dibelenggu dengan pelbagai masalah sosial yang berlaku sama ada dengan kerelaan mereka sendiri atau terperangkap dengan keadaan pada masa tersebut. Media turut melaporkan salah laku yang dilakukan oleh golongan kurang upaya sejak kebelakangan ini antaranya rogol, seks bebas, berkhawat, mencuri,

---

<sup>145</sup> Siti Rugayah Hj. Tibek (1997), "Perubahan Sosial Menurut Al-Quran" dlm. Che Yusof Che Mamat dan Syamsul Bahri Andi Galigo, *Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, h. 71

<sup>146</sup> Mohd. Shahir Hj. Abdullah (2000), "Masalah Sosial: Strategi Penyelesaian Menerusi Organisasi Dakwah" dlm. Fariza Md. Sham *et al.*, *Dakwah dan Perubahan Sosial*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, h. 161

<sup>147</sup> Mohd Yunus Pathi (2008), "Gejala Sosial di Malaysia Masa kini dan Punca-puncanya" (Kertas Kerja Seminar Pembangunan Insan di Malaysia, 8 Januari 2008), h. 4-9. Statistik kes jenayah kekerasan dan jenayah harta benda pada 2005 berjumlah 157,459 kes namun meningkat kepada 198,622 kes pada tahun 2006. Ia menunjukkan peningkatan yang besar setiap tahun dan amat membimbangkan. Namun beliau turut memberikan cara untuk mengatasi masalah sosial dengan kembali kepada akal budi Islam, memantau dan memberi panduan memilih kawan, meningkatkan kemahiran keibubapaan, memenuhi masa lapang bersama keluarga dan tidak menyalahgunakan kuasa. Lihat juga Fariza MD Sham and Badlisham Mohd Nasir (2009), "The Approaches of Da'wah in Helping the Social Problems Among the Adolescent and its Applications by the Da'wah Organization in Malaysia", *Jurnal Al-Hikmah*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 103

merempit serta masalah moral lain. Malah, masalah perceraian dikalangan pasangan orang pekak juga semakin membimbangkan sejak kebelakangan ini.<sup>148</sup>

OKU amnya dan orang pekak khasnya dikenali sebagai tidak berupaya menjalani kehidupan normal seperti orang lain. Oleh sebab itu mereka mempunyai kemungkinan yang rendah untuk terjebak dalam salah laku moral dan kepincangan hidup dalam masyarakat. Namun yang berlaku adalah sebaliknya kerana mereka turut terbabit dalam pelbagai kes salah laku.<sup>149</sup> Ini berlaku kerana manusia dikurniakan dengan akal dan nafsu dan apabila nafsu mengatasi pengetahuan ilmu dan pertimbangan akal, tidak mustahil untuk manusia terjerumus ke jalan yang salah.<sup>150</sup>

Masalah moral dikalangan orang pekak berlaku apabila mereka dilihat amat mudah terikut dengan rakan sebaya kerana natural kehidupan mereka yang gemar hidup secara berkelompok. Mereka mudah mengikuti saranan rakan untuk mencuba sesuatu perkara tanpa membuat pertimbangan sewajarnya seperti merokok, seks bebas atau dadah.<sup>151</sup>

Perkara ini mungkin berlaku berikutan beberapa sebab antaranya kurang penghayatan agama dikalangan orang pekak, tiada kemahiran berbahasa isyarat di dalam keluarga, masalah dalam keluarga dan lain-lain.<sup>152</sup>

Selain masalah moral, pasangan pekak yang telah berumahtangga juga berhadapan dengan pelbagai masalah dalam rumahtangga mereka. Walaupun tiada data rasmi berkaitan

---

<sup>148</sup> Sariah Ibrahim, Setiausaha MFD. Temubual pada 5 November 2008, Puchong. Lihat juga resolusi Seminar Pertama Mengenai Isu Dan Keperluan Warga Pekak Islam anjuran MFD. Penerangan lanjut berkaitan masalah sosial orang pekak boleh dirujuk lebih lanjut di bahagian sosiologi orang pekak, bab 2.

<sup>149</sup> Nooraini Hassan (2006), "Masalah sosial Remaja Pekak Islam Masa Kini Dari Perspektif Orientasi Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam" (Kertas kerja Seminar Pertama Mengenai Isu dan Keperluan Warga Pekak Islam, Grand Blue Wave Hotel, 10 September 2004), h. 2

<sup>150</sup> Ab Aziz Mohd Zin *et al.* (2006), *op. cit.*, h. 75

<sup>151</sup> Temubual Sariah Ibrahim, *loc. cit.*

<sup>152</sup> Nooraini Hassan (2006), *op. cit.*, h. 2-3

perceraian yang berlaku dikalangan orang pekak namun ia dikatakan amat membimbangkan.<sup>153</sup>

Ia berlaku kerana kebanyakan pasangan pekak yang berumahtangga tidak dapat memahami tanggungjawab suami isteri dan ibu bapa kepada anak-anak mereka. Tanggungjawab ini merangkumi kesediaan untuk mendalami ilmu agama kerana rumahtangga yang dibina tanpa dasar agama yang kukuh tidak dapat berdiri teguh.<sup>154</sup>

Penekanan kepada keperluan untuk orang pekak mendalami agama Islam penting kerana ia akan membantu orang pekak untuk menjawab segala persoalan yang diberikan oleh sesiapa yang berusaha memikat hati mereka untuk menganut agama lain.<sup>155</sup>

Oleh itu, tidak dapat dinafikan lagi bahawa orang pekak beragama Islam juga memerlukan dakwah untuk memberi mereka kefahaman yang jitu dalam pengamalan Islam. Ia selari dengan matlamat dakwah Islamiah iaitu untuk mencapai objektif pengamalan dan penghayatan Islam sebagai satu cara hidup (*a way of life*) terhadap sasaran dakwah.

#### b. Kewajipan Melaksanakan Ibadat Oleh Orang pekak Dari Sudut Hukum Syarak

Allah SWT telah mewajibkan pelaksanaan ibadah kepada setiap orang Islam yang mukalaf. Mukalaf ialah individu yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk melaksanakan segala perintah-Nya. Namun, tidak semua individu muslim

---

<sup>153</sup> Mohd Asri Hj. Tahir (2006), "Statistik Perkahwinan dan Perceraian Warga Pekak ", (Kertas kerja Seminar Pertama Mengenai Isu dan Keperluan Warga Pekak Islam, Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, 10 September 2004 ), h.3. Data perceraian yang ada cuma berdasarkan jenis perceraian secara umum tanpa ada pembahagian secara spesifik mengikut jenis kecacatan dan sebagainya.

<sup>154</sup> Temubual Sariah Ibrahim, *loc.cit*.

<sup>155</sup> Sariah Ibrahim pernah berdebat dengan Mubaligh Kristian berkaitan persoalan Tuhan mempunyai anak dan beberapa persoalan lain berkaitan Islam. Dengan mempunyai maklumat berkaitan, beliau mampu menamatkan perdebatan yang berpihak kepada dirinya. Namun beliau amat khuatir pada warga pekak yang tidak mempunyai asas agama yang kukuh kerana mengakui kehebatan Mubaligh Kristian yang terdiri dari golongan warga pekak yang hebat dalam memberi hujah logik.

dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab ini. Hal ini terjadi kerana terdapat kelemahan-kelemahan tertentu yang ada pada diri mereka telah menjejaskan syarat untuk menjadi mukalaf seterusnya menyebabkan mereka dikecualikan daripada sebahagian atau keseluruhan tanggungjawab yang disyariatkan.

Oleh itu, adalah penting untuk mengetahui sama ada kekurangan-kekurangan yang dialami oleh orang pekak masih mengekalkan mereka sebagai mukalaf atau sebaliknya dan sama ada mereka dipertanggungjawabkan dengan semua tanggungjawab syarak atau sebahagiannya sahaja atau tidak dipertanggungjawabkan langsung.

Seseorang itu dianggap mukalaf apabila dia telah memenuhi dua syarat yang ditetapkan oleh syarak. Syarat pertama, mukalaf tersebut mestilah mampu memahami dalil *ṭaklīf*<sup>156</sup> iaitu nas al-Quran atau al-Sunnah supaya dengan kefahaman tersebut mereka boleh mengamalkan apa yang diperintahkan dan ia boleh menjadi hujah kepada manusia.<sup>157</sup>

Untuk memahami dalil tersebut, akal pula diperlukan kerana ia merupakan alat kefahaman dan pengetahuan. Tanpa akal seseorang itu tidak mampu memahami seterusnya tidak dapat melaksanakan tugas yang ditaklifkan. Oleh kerana akal merupakan sesuatu yang abstrak, maka syarak menjadikan baligh berakal sebagai kayu pengukur untuk membezakan antara akal yang sempurna dan yang kurang. Syarat kedua pula ialah mukalaf mestilah mempunyai kelayakan (*ahliyyāh*) untuk taklif.<sup>158</sup>

Seseorang yang telah mencapai kelayakan untuk taklif kadang kala kehilangan semua kelayakan atau sebahagiannya apabila terdapat halangan yang boleh menjejaskan

---

<sup>156</sup> Al-Zuhāyli, Wahbah (2004), *Usul al-Fiqh al-Islāmi*, j. 1, c. 2. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 158.

<sup>157</sup> Muhammad al-Khudhari (2001), *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Hadith, h. 88.

<sup>158</sup> Al-Zuhayli (2004), *op.cit.*, h. 162.

kelayakannya. Halangan-halangan tersebut dikenali sebagai halangan kelayakan (*al-‘awārid al-ahliyyāh*) dan boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu :

- i. Halangan Semula Jadi (*al-‘awārid al-samāwiyyah*)
- ii. Halangan Mendatang (*al-‘awārid al-muktasabah*)

Halangan-halangan semula jadi (*al-‘awārid al-samāwiyyah*) bermaksud halangan-halangan yang berlaku secara semulajadi dan ia terjadi di luar kemampuan manusia. Antara yang termasuk dalam kategori halangan-halangan ini ialah gila sejak lahir atau kerana keturunan, terencat akal sejak lahir, lupa, tidur dan pengsan, sakit serta mati. Manakala halangan mendatang (*al-‘awārid al-muktasabah*) pula merujuk kepada kesalahan yang baru terjadi pada manusia dan bukan secara semulajadi. Halangan jenis ini pula boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu halangan yang berlaku disebabkan oleh diri mereka sendiri seperti jahil, bodoh dan mabuk. Antara contoh terdekat ialah individu yang memilih untuk tidak mematuhi lampu isyarat ketika memandu hingga terlibat dalam kemalangan. Ia merupakan natijah kepada keputusan mereka untuk tidak mengikut peraturan yang ditetapkan hingga menyebabkan kemalangan terjadi. Manakala kategori kedua pula adalah halangan yang terjadi kerana orang lain iaitu paksaan.<sup>159</sup>

Namun, bagaimana pula dengan orang pekak yang mengalami dua kecacatan pancaindera serentak iaitu buta dan pekak (kecacatan pelbagai). Dalam konteks ini mereka yang dilahirkan buta dan tuli (pekak) sekalipun boleh bercakap tidak wajib menunaikan solat kerana tiada taklif. Mereka dianggap seperti orang yang tidak sampai dakwah Islam kepadanya. Mereka tidak ditaklifkan kerana keupayaan bercakap sahaja tidak

---

<sup>159</sup> Syams al-Din Muhammad bin Abi al-‘Abbās Ahmad bin Hamzah Ibn Syihab al-Dīn al-Ramli (1967), *Nihāyah al-Muhtāj Ila Syarh al-Minhāj*, j. 1. Mesir : Mustafa al-Bābi al-Halabi, h. 388. Lihat juga ‘Abd al-Hamid al-Syirwāni (t.t.), *Hawāsyi Tuhfat al-Muhtāj Bi Syarh al-Minhāj*, j. 1. Mesir : Mustafa al-Bābi al-Halabi, h. 445



membolehkan mereka memahami dalil taklif khususnya suruhan solat seterusnya menyebabkan mereka tidak dapat mengerjakannya. Sekiranya mereka mengalami kecacatan tersebut sebelum mumaiyiz dan sempat mengetahui hukum-hukum syarak sebelum itu, maka wajib ke atasnya menunaikan solat sekadar mengikut kemampuannya.<sup>160</sup>

Namun begitu, dengan teknologi yang ada hari ini, alat bantuan pendengaran telah dicipta untuk membantu orang pekak mendengar. Sekiranya dengan bantuan alat tersebut individu buta dan pekak sejak dilahirkan ini mampu mendengar sehingga dia boleh mengetahui tentang kewajipan solat, maka ketika ini dia dikira mukalaf dan wajib menunaikan solat.

Orang pekak bukanlah mengalami kecacatan dari sudut akal malah ada juga yang mempunyai akal setara dengan individu normal lain namun kerana medium dakwah yang ada kebanyakannya memberi kelebihan kepada golongan normal, maka penerimaan mereka kepada ilmu Islam adalah sangat terhad.<sup>161</sup>

Resolusi yang dicapai dalam Seminar Keperluan Warga Pekak Islam anjuran MFD turut menggariskan beberapa keperluan orang pekak Islam untuk panduan warga pekak dan para pendakwah antaranya ialah: <sup>162</sup>

1. Orang pekak Islam wajib memahami agama, mempertingkatkan akidah serta mempelajari hukum
2. Orang pekak Islam wajib menunaikan solat, justeru mereka wajib diajar
3. Solat orang pekak adalah mengikut keperluan.

---

<sup>160</sup> *Ibid.*

<sup>161</sup> Observasi penulis di sekolah-sekolah integrasi pendengaran seluruh Semenanjung Malaysia sekitar 2006-2007

<sup>162</sup> Nor Elyana Mamat (2006), "Seminar Kedua Isu dan Keperluan Warga Pekak Islam: Kupas Permasalahan Warga Pekak Islam", *MyDEAF*, Edisi Khas, h. 9. Seminar ini berlangsung pada 20 Januari 2006 di Muzium Kesenian Islam dengan jumlah hadirin lebih 200 orang. Seminar ini dianjurkan atas kesedaran untuk mentarbiahkan penghayatan Islam kepada orang pekak dengan lebih efektif. Ia turut dirancang dianjurkan sebagai seminar tahunan khusus untuk meneliti keperluan warga pekak di Malaysia pada Islam.

4. Orang pekak tidak boleh mengimamkan orang bukan pekak dalam mengerjakan solat tetapi boleh menjadi imam untuk solat dikalangan mereka.
5. Isyarat di dalam solat bagi orang pekak tidak membatalkannya.
6. Buku panduan mengenai penghayatan Islam perlu diterbitkan khas untuk rujukan warga pekak.
7. Penggunaan bahasa isyarat yang seragam memudahkan komunikasi dengan warga pekak perlu dikemaskini dalam proses penyampaian maklumat termasuk pendidikan islam.
8. Khidmat kaunselor kekeluargaan perlu diwujudkan
9. Menyampaikan dakwah merupakan fardhu ain atau fardhu kifayah bagi warga pekak.

Kesimpulannya, orang pekak dikira seperti orang normal lain yang ditaklifkan dengan segala kewajipan syarak termasuklah kewajipan ibadat solat yang menjadi asas kepada agama Islam. Cuma pengecualian diberikan kepada orang pekak yang buta dan pekak sejak dilahirkan kerana mereka tidak mampu memahami dalil pentaklifan yang merupakan syarat utama sebagai mukalaf. Kewajipan mereka melaksanakan ibadah menjadi penyebab kepada kewajipan menyampaikan dakwah oleh pendakwah kepada orang pekak. Hak mereka dalam menerima dakwah menjadi setara dengan orang Islam normal yang lain kerana tanpa pengetahuan agama, bagaimana mereka dapat melaksanakan ibadah. Oleh sebab itu, orang pekak juga tidak harus dipinggirkan oleh para pendakwah dalam merealisasikan misi dakwah nasional.

## 2.2.2 Metode Dakwah

Metode boleh diertikan sebagai cara melakukan sesuatu atau sistem<sup>163</sup> dan ia turut memberi makna kajian mengenai kaedah dalam sesuatu perkara. Maka metode dakwah memberi konotasi ilmu yang bersifat kajian dan sitematik mengenai cara berdakwah. Malah metode juga dikatakan dekat dengan makna uslub dalam Bahasa Arab yang bermakna jalan atau cara tertentu untuk melakukan sebarang pekerjaan.<sup>164</sup> Namun demikian makna uslub lebih menjurus kepada *penyampaian kandungan atau isi dakwah dengan ibarat dan bentuk tertentu* berbanding metode yang merangkumi kaedah pelaksanaan dakwah yang lebih luas.<sup>165</sup>

Dakwah harus dilaksanakan mengikut metode yang bersesuaian dengan sasaran.

Saidina Ali k.w pernah berpesan :

حدثوا الناس بما يعرفون

Maksudnya: Bercakaplah dengan orang lain berdasarkan kefahaman mereka (dalam lingkungan yang mereka boleh faham)<sup>166</sup>

Islam menekankan agar setiap dakwah yang ingin disampaikan perlulah bersesuaian dengan tahap kefahaman setiap sasaran. Ia turut ditegaskan oleh Allah SWT dalam Al-Quran:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ

بِالْمُهْتَدِينَ

<sup>163</sup> Kamus Dewan (2005), *op. cit.*, h.1030

<sup>164</sup> Ab Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya, c.3, h.1-2

<sup>165</sup> *Ibid.*,h. 2

<sup>166</sup> Al-Bukhāri (1979), *Sahih al-Bukhāri*, j.1, Istanbul, h. 41

Maksudnya:

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

Surah al-Nahl (6):125

Ayat di atas menerangkan bagaimana setiap manusia perlu didakwah mengikut cara yang berbeza iaitu dengan penuh hikmah atau melalui pelajaran yang baik atau melalui perdebatan yang baik. Teori asas dalam penyampaian dakwah ini amat menekankan metode yang berbeza bagi setiap sasaran yang berlainan.

Sehubungan dengan itu, pasti terdapat juga metode yang sedikit berbeza perlu digunapakai apabila berdakwah kepada orang pekak memandangkan mereka mempunyai kondisi dan keperluan yang lebih berbeza berbanding sasaran normal. Sebagaimana yang dijelaskan bahawa orang pekak adalah golongan yang lemah dan terhad untuk melakukan sesuatu. Mereka sangat memerlukan bimbingan dan perhatian lebih daripada manusia yang normal. Oleh itu terdapat beberapa metode dakwah yang sesuai untuk digunakan terhadap orang pekak. Antaranya ialah:

a. Menggunakan Konsep Mudah

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Hendaklah engkau permudahkan dan janganlah memayahkan”.<sup>167</sup>

Konsep ini berdasarkan ayat al Quran dalam Surah al-Maidah ayat 6;

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ

---

<sup>167</sup> Ibn Hajar al- ‘Asqalani (t.t), *Fath al-Bāri*, j.1, al-Qahirah: Matba’at al-Salāfiyah wa-Maktabatuhā, h.163

Maksudnya:

...Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan ...

Surah al-Maidah (5): 6

Dan Firman Allah SWT lagi,

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ...

Maksudnya:

...Allah menghendaki kemudahan bagi kamu dan tidak menghendaki kesukaran bagi kamu...

Surah al-Baqarah (2): 185

Dari keterangan ayat di atas menunjukkan bahawa pada dasarnya agama Islam itu adalah agama mudah yang kemudahannya itu boleh dilakukan oleh setiap orang. Konsep ini boleh digunapakai untuk memudahkan ibadah yang boleh dilaksanakan oleh orang pekak iaitu sekadar kemampuan mereka tanpa menyusahkan mereka untuk melaksanakan ibadah diluar kemampuan mereka.

b. Konsep Rahmat dan *Syafaqah* (kasihan belas, simpati)

Sabda Rasulullah yang bermaksud, “agama yang paling dicintai Allah ialah agama yang paling benar dan bertimbang rasa”.<sup>168</sup> Kita juga mendapati dalam al-Quran, ayat yang pertama dalam surah pertama iaitu Surah al-Fatihah ayat 1,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Surah al-Fatihah (1): 1

---

<sup>168</sup> DiRiwayatkan oleh Ahmad dan Bukhari dalam *Al-Ādāb al-Mufrad* dan al-Tabarani daripada Ibn Abbas, lihat *al-Jami' al-Saghir*, h. 160

Maksudnya:

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Justeru itu Rasulullah SAW tidak menggemari mereka yang membebankan manusia dan tidak mengambil perhatian terhadap keadaan mereka yang berbeza-beza.<sup>169</sup> Ini terbukti apabila terdapat sesetengah orang pekak tidak mahu menghadiri solat Jumaat kerana berasakan khatib membacakan khutbah dan bacaan dalam solat yang terlalu panjang hingga menimbulkan kebosanan dalam hati mereka. Jika mereka melakukan solat secara persendirian, masa yang diambil adalah lebih pendek.<sup>170</sup>

Dengan sifat rahmat dan *syafaqah* membantu para pendakwah untuk turut memikirkan keperluan orang pekak untuk melaksanakan ibadah yang berat bagi mereka walaupun pada pandangan kita ia adalah perkara yang biasa.

c. Konsep Hidup Sebagai Ujian

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۚ وَهُوَ الْعَزِيزُ

الْغَفُورُ ﴿٢﴾

Maksudnya:

...(Allah) Yang menjadikan mati dan hidup, supaya dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. dan dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.

Surah al-Mulk (67): 2

Ayat tersebut menunjukkan bahawa hidup di dunia ini sebagai ujian untuk dibalas bagi sesiapa yang berjaya menghadapi ujian tersebut. Walau bagaimanapun, setiap ujian tersebut

---

<sup>169</sup> Al-Qaradawi (1996), *Memahami Keutamaan Berasaskan Al- Quran dan al-Sunnah*, (terj.) Bahruddin Fannani, Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, h.122

<sup>170</sup> Yusof bin Awang, Penasihat POPT. Temubual pada 7 November 2008

perlu dilalui dengan usaha dan ikhtiar untuk melakukan yang terbaik sehingga mereka mampu memperoleh kenikmatan hidup yang berkualitas sama ada di dunia atau di akhirat.

Melalui konsep ini, pendakwah mampu memberi motivasi atau penggerak semangat orang pekak untuk tidak menyalahkan Qada' dan Qadā r yang telah ditetapkan oleh Allah Taala dengan menerima hidup seadanya.

#### d. Konsep Hubungan Dakwah Berdasarkan Layanan Untuk Mempengaruhi

Antara perkara utama dalam dakwah ialah mempengaruhi kumpulan sasar supaya dapat menerima dakwah yang disampaikan. Dengan itu, usaha mempengaruhi perlu dilakukan agar sasaran menerima dakwah dengan lebih baik dan berkesan. Usaha tersebut dilakukan sepanjang hayat Rasulullah SAW dalam menyampaikan dakwah Islam. Lantaran itu, keperibadian Rasulullah SAW yang ditunjukkan sangat mempengaruhi kumpulan sasar untuk menerima agama yang dibawa.

Teladan dari diri Rasulullah SAW tersebut merupakan contoh hidup yang berkualiti, sempurna, terbaik dan diredai.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Maksudnya:

Sesungguhnya dalam diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik

Surah al-Ahzab (33): 21

Ayat tersebut menunjukkan bahawa hubungan Nabi SAW dengan umatnya adalah contoh teladan yang baik sebagai metode mempengaruhi sasarannya.

Norma orang pekak adalah meniru dan mengikut contoh teladan yang ditunjukkan kepada mereka. Masalah sosial yang berlaku adalah atas kehendak mereka untuk meniru

perbuatan rakan-rakan lain. Adalah tanggungjawab setiap pendakwah untuk menyediakan *role model* yang mampu membimbing mereka ke jalan kebaikan.

e. Keistimewaan Orang Cacat

Allah SWT menciptakan manusia dengan pelbagai kelebihan walaupun setiap manusia mempunyai kelemahan yang tersendiri sebagai sifat makhluk. Oleh itu, orang cacat terutamanya tidak perlu risau atau sedih dengan kekurangan yang diberikan oleh Allah SWT kerana di sebalik kekurangan tersebut, terdapat hikmah di sebaliknya. Allah SWT berfirman:

وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا  
وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

Maksudnya:

... mungkin kamu membenci sesuatu perkara sedangkan ia membawa kebaikan kepadamu dan mungkin kamu menyukai sesuatu sedangkan ia membawa keburukan kepada kamu, dan Allah mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui.

Surah al-Baqarah (2):216

Secara umumnya, ayat tersebut menjelaskan bahawa tidak semua perkara yang pada zahirnya dibenci atau disukai mendatangkan keburukan atau kebaikan kerana di sebaliknya terdapat hikmah tertentu yang belum diketahui. Dalam konteks orang pekak, walaupun mereka tidak menyukai atau berat menerima kecacatan yang dialami, tetapi kecacatan tersebut, mungkin membawa kelebihan dan kebaikan kepada mereka.

Dalam kitab *Madārij al-Sālikīn*, Imam Ibn al-Qayyim mengatakan setengah ulama berpendapat pahala yang diterima dalam ibadat tergantung kepada tingkat kesulitan yang kita lakukan. Mereka meriwayatkan hadis yang maksudnya *amal ibadat yang paling afdal*



*ialah yang paling sulit dan sukar dilakukan.*<sup>171</sup> Oleh itu, golongan yang lemah seperti orang miskin, anak yatim, janda dan orang yang cacat itu akan diletakkan di tempat yang istimewa dari sudut pelaksanaan ibadat, walaupun mereka melakukan dengan serba kekurangan dan kelemahan.

Berdasarkan konsep-konsep di atas, maka pelaksanaan metode dakwah terhadap orang pekak sewajarnya difokuskan kepada perkara berikut iaitu,

- a. membina motivasi dan pegangan hidup
- b. pelaksanaan tanggungjawab, banyak dalam bentuk amalan dan praktikal tanpa membanyakkan penerangan lisan
- c. menggunakan bahasa hubungan yang sesuai dan mudah difahami.

Kesimpulannya, orang pekak turut tergolong dalam golongan yang berhak menerima dakwah Islamiyah. Ini kerana mereka juga dituntut untuk melaksanakan ibadah yang membawa kepada keperluan untuk mempunyai guru yang mampu memberi penerangan yang baik dalam proses melaksanakan ibadah. Oleh kerana mereka berada dalam kelasnya yang tersendiri, ia menyebabkan pendakwah perlu mempunyai metode yang khusus dalam menyampaikan dakwah kepada mereka. Penggunaan metode yang betul akan membantu memaksimumkan potensi orang pekak dalam menerima dakwah Islam.

### **2.2.3 Program Dakwah**

Program membawa maksud rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan dalam pembangunan negara, perekonomian dan sebagainya.<sup>172</sup> Program yang berkesan mampu memberi impak yang bukan sedikit dalam kehidupan seseorang individu.

---

<sup>171</sup> Lihat *Kashf al Khāfa*, j.1, h. 155

<sup>172</sup> *Kamus Dewan* (2005), *op. cit.*, h. 1233

Program motivasi misalnya mampu menaikkan semangat peserta dalam menjalani kehidupan.

Program dakwah pula merupakan seruan atau ajakan yang mengandungi mesej ataupun dasar yang mempunyai pengisian berkenaan Islam dalam seluruh aspek kehidupan. Ia sesuai dengan pendapat Abd. al-Karim Zāyḍān bahawa program dakwah hendaklah dilaksanakan mengikut landasan yang telah ditetapkan oleh Allah dengan menyeru manusia supaya beriman kepadaNya dengan melaksanakan amal makruf dan menjauhi kemungkaran.<sup>173</sup> Pendakwah perlu memiliki bahan-bahan yang konkrit dan menggunakan kaedah yang tepat sehingga dakwahnya kena pada sasaran dalam melaksanakan sesuatu program dakwah.<sup>174</sup>

Selain itu, program dakwah juga mempunyai matlamat tertentu yang telah ditetapkan. Antara matlamat tersebut menurut al-Qarāḍawī ialah untuk membawa orang lain kepada agama Allah dan mengikut petunjukNya dengan mengesakan Allah dengan beribadat, membebaskan pemikiran manusia dari perkara tahyul dan mengajak manusia ke arah pemikiran logik dan rasional serta menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berjihad ke jalanNya.<sup>175</sup>

Manakala Dr. Rauf Syalabi pula berpendapat bahawa matlamat dakwah ialah untuk membawa perubahan kepada manusia; dari bukan Islam kepada Islam, dari kegelapan kepada cahaya iman selain membentuk akidah manusia yang sedia ada kepada akidah tauhid yang bersih.<sup>176</sup>

---

<sup>173</sup> Zaydān, Abd. Al-Karim (1976), *Usul al-Da'wah*, Baghdād: al-Manār al-Islāmiyyah, h. 269

<sup>174</sup> A. Suad MZ, Drs. (1985), *Konsep Peranan Dakwah*, Petaling Jaya: Insular Publishing House, h.1

<sup>175</sup> Qaradawī (1983), *Thaqāfat al-Dā'iyyah*, Beirut: Mu'assasat al-Risālah, h.1

<sup>176</sup> Ra'uf Syalabi (1982), *Sikulusiyat al-Rā'ī Wa al-Da'wah*, Kuwait: Dār al-Qalām, h.49

Ia bersesuaian dengan tujuan Allah mencipta manusia di muka bumi iaitu sebagai khalifah di muka bumi ini semata-mata untuk beribadat dan mentauhidkanNya seperti firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku.

Surah al-Dhariyat (51): 56

Oleh itu boleh dinyatakan bahawa matlamat program dakwah adalah untuk membawa manusia ke jalan kebaikan dan mencegah mereka dari melakukan kemungkaran. Dengan melaksanakan pelbagai program dakwah, manusia dipandu untuk mempunyai nilai hidup yang lebih baik.

Terdapat pelbagai bentuk program dakwah yang dianjurkan oleh institusi-institusi dakwah di Malaysia antaranya aktiviti harian, mingguan, bulanan atau tahunan yang dilihat dari aspek akidah, syariah dan akhlak melalui pembangunan kerohaniannya.<sup>177</sup> Tiga aspek tersebut penting kerana ia merupakan asas pengajaran dalam Islam bagi menjamin kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat.<sup>178</sup>

#### i. Dilihat Dari Aspek Pembangunan Akidah

Perkataan akidah berasal dari perkataan Arab; *āl-āqīdāt* yang bermaksud simpulan atau ikatan kukuh. Dari sudut syarak pula bermaksud mempercayai dan meyakini dengan keimanan yang teguh tanpa ragu kepada Allah SWT dan rasul-rasulnya serta

---

<sup>177</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2006) *et al.*, h. 87

<sup>178</sup> Abdullah Muhammad Zin (1997), "Akidah Asas Kesempurnaan Insan", dlm. Che Yusof Che Mamat *et.al. Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*, Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam:UKM, h.2. Lihat juga Farid Ma'ruf Noor (1981), *Dinamika Dan Akhlak Da'wah*, Surabaya: PT. Bina Ilmu, h. 53-58.

mempengaruhi perbuatan, tingkahlaku dalam kehidupan harian berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan hadis.<sup>179</sup> Hassan al-Banna memberikan definisi akidah sebagai hal yang berhubung kepercayaan dan keyakinan dalam hati dan jiwa berasa tenang, tidak bimbang dan ragu, bersih dan murni daripada segala perasaan syak wasangka. Ia dapat melahirkan suatu keyakinan yang kuat dan teguh dalam menghayati seluruh aspek kehidupan dan amal ibadah kepada Zat yang Maha Kuasa.<sup>180</sup>

Perkara pokok yang menjadi asas bagi akidah Islam ialah beriman dengan Allah, beriman dengan para malaikat, beriman dengan kitab-kitab Allah, beriman dengan nabi-nabi serta rasulnya, beriman dengan hari kiamat dan beriman dengan qada dan qadar Allah.<sup>181</sup>

Manusia perlu memahami konsep akidah dalam Islam untuk menghasilkan ketaatan dalam beragama kerana hanya melalui ketaatan yang jitu akan memastikan manusia mengamalkan segala ajaran yang telah ditetapkan.<sup>182</sup> Ia merupakan asas kepada pembentukan segala aspek kehidupan yang lain sama ada yang merupakan hubungan manusia dengan manusia atau manusia dengan Allah serta dengan alam sekitarnya.<sup>183</sup> Kesatuan akidah juga akan memastikan kesatuan misi dalam meletakkan Islam sebagai agama tertinggi di seluruh alam semesta. Oleh sebab pembangunan masyarakat Islam berasaskan kepada akidah, perlu ada program pembangunan akidah yang dilaksanakan dalam masyarakat.

Program pembangunan akidah boleh diaplikasikan melalui penganjuran program yang bertujuan untuk memantapkan akidah umat manusia terhadap agama Islam iaitu

---

<sup>179</sup> Muhammad Isa Selamat (1997), *Sifat-sifat Allah dan Mentauhidkan Diri KepadaNya*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 319

<sup>180</sup> Hassan al-Banna(t.t), *Al-Aqīdah*, Kuwait: Maktabah al-Manār al-Islam, h. 7

<sup>181</sup> Sayid Sābiq (1991), *al-Aqā'id al-Islāmiyat*, M. Addai Rathomy(terj.), Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 8

<sup>182</sup> Ab. Aziz Mohd Zin *et al.* (2006), *op. cit.*, h. 86

<sup>183</sup> Mustafa Haji Daud (1990), *op. cit.*, h. 59

penekanan kepada pengetahuan berkaitan enam prinsip rukun iman seperti yang telah dinyatakan di atas. Antaranya ialah kuliah kefahaman Islam, ceramah berkaitan akidah, kursus kemantapan akidah, kursus penghayatan dan keindahan Islam dan sebagainya.

## ii. Dilihat Dari Aspek Pembangunan Syariah

Syariah merupakan implementasi kepercayaan dan pegangan akidah yang mantap.<sup>184</sup>

Pengamalan dan pelaksanaan syariah yang lengkap dikalangan umat Islam menjadi kayu ukur kepada teguh atau rapuh pegangan akidah seseorang individu. Ia juga dimensi amali yang membicarakan peraturan yang disyariatkan oleh Allah bagi mengatur kehidupan insan tentang cara-cara berinteraksi dengan Allah, manusia dan alam seluruhnya.<sup>185</sup>

Ia merupakan syariat yang telah lengkap yang berperanan penting dalam memajukan umat manusia secara keseluruhan serta membantu untuk memimpin ke jalan kebenaran dan kebaikan serta menghindar kerosakan dan kemudaratan seperti firman-Nya:<sup>186</sup>

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا

يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

Kemudian kami jadikan kamu berada di atas suatu syariat (peraturan) dari urusan (agama itu), maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui.

Surah al-Jathiyah (45):18

<sup>184</sup> Ab. Aziz Mohd Zin *et al.* (2006), *op. cit.*, h. 250

<sup>185</sup> Abdullah Muhammad Zin (1997), *op.cit.*, h.2

<sup>186</sup> Abdul Monir Yaacob (1999), "Sifat-sifat dan Implikasi Syariat: Suatu Sorotan Umum", *Jurnal Syariah*, bil. 1, j. 14, Jan-Jun 2006, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h.112

Syariah Islam bersifat duniawi dan ukhrawi iaitu berhubungkait dengan kepercayaan dan keimanan, hukuman atau balasan di dunia dan akhirat.<sup>187</sup> Ia menekankan kepada melaksanakan perkara yang dituntutNya dan meninggalkan perkara yang dilarang kepada umatnya<sup>188</sup> dengan tujuan untuk memelihara hak-hak asasi manusia yang dikategorikan sebagai *daruriyāt* iaitu mencakupi perkara-perkara agama, jiwa atau nyawa, keturunan dan kehormatan, harta benda serta akal fikiran.<sup>189</sup>

Program pembangunan dari sudut syariah kepada orang peka penting untuk memberi pemahaman yang jelas tentang pelaksanaan syariah yang boleh dilaksanakan mengikut kemampuan mereka. Antara program yang boleh dilaksanakan untuk pembangunan syariah ialah kem ibadat, kursus solat jenazah, ihya' Ramadhan, Nisfu Syaaban, kuliah fardhu ain, kursus ibadat puasa dan sambutan Maal Hijrah.

### iii. Dilihat Dari Aspek Pembangunan Akhlak

Akhlak berasal daripada bahasa Arab dan merupakan jamak kepada perkataan *khuluq*. Ia merujuk kepada sifat semula jadi, tabiat, adat, kebiasaan, maruah dan gaya hidup seseorang individu.<sup>190</sup>

Akhlak menjadi penyebab kepada berlakunya sesuatu perbuatan manakala perbuatan pula memanifestasikan keadaan atau adanya situasi kejiwaan tersebut. Akhlak yang baik akan merealisasikan perbuatan baik dan sebaliknya jika keadaan berlawanan. Ini bermakna akhlak akan memandu kepada perbuatan manusia sama ada baik atau buruk.<sup>191</sup> Seseorang yang berakhlak terpuji mampu untuk bermuamalah dengan orang lain, hidup

---

<sup>187</sup> *Ibid.*, h. 112

<sup>188</sup> Syatibi Center (2007), *Strategi & Kiat Dakwah Fardiyah*, Jakarta: Al-I'tishom Cahaya Umat, h.1. Lihat juga Ab. Aziz Mohd Zin *et al.* (2006), *op. cit.*, h. 86

<sup>189</sup> Abdul Monir Yaacob (1999), *op. cit.*, h. 113

<sup>190</sup> Mohd. Nasir Omar (2005), *Akhlak Dan Kaunseling Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 12

<sup>191</sup> *Ibid.*, h.13

bahagia, tenteram dan melangkah dengan maju serta hubungannya sesama manusia menjadi lebih baik.<sup>192</sup>

Rasulullah SAW yang menjadi *role model* akhlak terbaik turut menekankan pembinaan akhlak sebagai asas utama pembentukan sesebuah masyarakat. Malahan beliau diutuskan ke dalam masyarakat Arab Jahiliyah dengan akhlaknya yang terpuji untuk memperbetulkan kepincangan moral yang berlaku ketika itu. Ia selari dengan firmanNya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٦٨﴾

Maksudnya:

Dan Sesungguhnya kamu (wahai Muhammad) benar-benar memiliki akhlak yang agung.

Surah al-Qalam (68): 4

Dakwah melalui akhlak boleh menghalang dari penularan kejahatan sosial yang berlaku pada hari ini. Akhlak yang baik tidak hanya ditekankan dalam agama Islam sahaja namun turut diiktiraf oleh agama lain seperti Buddha dan Kristian. Prinsip utama akhlak Islam yang mengiktiraf akhlak baik dan tidak mengiktiraf akhlak buruk akan membantu membina dan memperbaiki akhlak masyarakat yang tercemar dengan pelbagai masalah sosial.<sup>193</sup>

Jika akhlak yang terpuji diganti dengan akhlak yang keji maka masyarakat akan dilanda kepincangan dan huru hara. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa akhlak Islam adalah penting sebagai asas pembentukan sesebuah masyarakat hingga menyebabkan perlu ada program yang dilaksanakan dengan tujuan untuk membangunkan akhlak masyarakat.

---

<sup>192</sup> Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman *et al.* (2008), "Peranan Akidah Dalam Pembangunan Akhlak Insan", (Kertas Kerja Seminar Pembangunan Insan di Malaysia, 8 Januari 2008), h. 10

<sup>193</sup> Ab. Aziz Mohd Zin *et al.* (2006), *op. cit.*, h. 87

Program pembangunan akhlak masyarakat boleh diaplikasikan melalui tuntutan ilmu, pembelajaran sendiri dan sosial, latihan, penerapan nilai-nilai positif dan mengamalkan cara hidup sihat.<sup>194</sup> Antara program yang boleh dilaksanakan ialah ceramah penerapan nilai-nilai Islam, kursus kepimpinan, kursus pembentukan sahsiah remaja, kem bina insan dan lain-lain. Namun, program-program ini tidak akan berjalan dengan baik sekiranya tidak dilaksanakan menggunakan metode yang sesuai.

#### a. Bentuk Program Dakwah

Program dakwah mempunyai beberapa jenis dan bentuk mengikut kesesuaian sasaran dakwah. Rukiah Kamaruddin dalam kajian beliau menggariskan program dakwah kepada beberapa bentuk iaitu program dakwah berbentuk ceramah, kursus dan seminar, aktiviti, pengurusan surau dan penerbitan.<sup>195</sup>

Mahmudah Nawawi pula menggariskan jenis atau bentuk program dakwah kepada ceramah, bimbingan usrah, menjalankan ekspedisi, mengadakan diskusi atau perbincangan, melaksanakan seminar dan penyusunan kursus bina insan.<sup>196</sup>

Manakala Munir Md Amin menerangkan antara bentuk program dakwah yang dijalankan di masjid yang menjadi pusat penyebaran Islam ketika zaman Rasulullah ialah program keilmuan dan dakwah, pengurusan dan pentadbiran, perundangan, kemasyarakatan, ibadah, latihan dan strategi ketenteraan serta ekonomi dan perdagangan.<sup>197</sup>

Ab Aziz Mohd. Zin *et. al* dalam kajian beliau pula menyatakan program dakwah yang dilaksanakan di Malaysia adalah yang sesuai dengan tuntutan agama Islam, iaitu

---

<sup>194</sup> *Ibid.*, h.87

<sup>195</sup> Rukiah Binti Kamaruddin (2005), "Keberkesanan Program Dakwah Kepada Kakitangan Perodua Sungai Choh, Rawang Selangor" (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 60-74

<sup>196</sup> Mahmudah Nawawi (2004), "Keberkesanan Program Dakwah Tenaga Nasional Berhad, Bangsar, Kuala Lumpur Di Kalangan Kakitangannya" (Disertasi: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h.35-43

<sup>197</sup> Munir Bin Md Amin (2005), "Program Dakwah Masjid Di Daerah Gombak: Suatu Kajian Tentang Keberkesanan" (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h.10



*menitikberatkan soal pembangunan umatnya dari aspek pembangunan mental, fizikal atau pembangunan kerohanian bagi memelihara kesucian Islam.*<sup>198</sup>

Abdul Karim Zaidan pula menerangkan antara bentuk penyampaian dakwah *bil lisan* ialah ceramah, kelas pengajian, kuliah, dialog dan menyampaikan amar makruf nahi mungkar serta melalui penulisan terutama bagi orang yang tidak dapat dihubungi secara lisan.<sup>199</sup>

Kesimpulannya terdapat pelbagai bentuk program dakwah yang boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian masyarakat setempat. Program-program ini mestilah meliputi aspek pembangunan mental, fizikal dan kerohanian untuk membantu meningkatkan pengamalan Islam dalam kehidupan seharian. Melalui bentuk-bentuk program yang telah digariskan, program dakwah secara lisan kebanyakannya berbentuk berikut:

#### 1) Ceramah

Ia biasanya dilakukan dengan menghimpunkan orang-orang yang tidak dikenali oleh pendakwah atau hanya sebahagian sahaja dikenali dengan mengetengahkan persoalan tertentu tanpa waktu yang tetap.<sup>200</sup> Sebaiknya tajuk ceramah yang diutarakan perlu relevan dengan masyarakat setempat dan mempunyai nilai tarikan kepada audien. Ucapan pendakwah hendaklah mudah difahami kerana tidak semestinya pendengar mempunyai tahap ilmu dan kemampuan yang sama dengan pendakwah. Malahan pendakwah perlu memahami masalah yang dihadapi oleh sasaran untuk memberi impak keberkesanan kepada ceramah yang dilaksanakan. Kebiasaannya program ceramah dianjurkan ketika

---

<sup>198</sup> Ab. Aziz Mohd Zin *et al* (2006), h. 243

<sup>199</sup> Abdul Karim Zaidan (t.t), *Islam dan Dakwah*, Solehan Ayub (terj.)(2002), Kuala Lumpur:Pustaka Salam, h. 528

<sup>200</sup> *Ibid.*,h. 528

meraikan hari-hari kebesaran dalam Islam seperti Ma'al Hijrah, Maulidur Rasul dan sebagainya.<sup>201</sup>

## 2) Kelas Pengajian

Kelas pengajian kebiasaannya diadakan secara tetap dan dianjurkan oleh pihak tertentu dengan mengenakan bayaran atau tidak. Kebiasaannya pengajar akan menetapkan silibus pengajian secara berjadual dengan kehadiran sasaran secara tetap dengan merangkumi tajuk-tajuk berkaitan fiqh, solat, akidah dan sebagainya. Pendakwah disarankan agar menyampaikan pengajaran dalam nada yang bersemangat dan mengelakkan penyampaian yang meleret-leret untuk mengelakkan kebosanan pendengar.<sup>202</sup> Kehadiran sasaran yang sama secara tetap dalam kelas pengajian akan memudahkan pendakwah untuk lebih memahami masalah yang dihadapi sasaran dan seterusnya mampu menanganinya dengan lebih baik.

## 3) Seminar

Seminar diadakan untuk menyelesaikan sesuatu isu atau topik melalui perbincangan dan pertukaran pandangan dan pendapat berkaitan topik yang telah ditetapkan. Ia boleh dikatakan sebagai satu perkumpulan besar manusia dengan seorang atau lebih bercakap mengenai sesuatu perkara atau tajuk tertentu<sup>203</sup> yang bersifat akademik dan kebiasaannya disertai oleh ahli akademik yang pakar dalam bidang berkaitan. Biasanya seminar dianjurkan oleh mana-mana institusi berdasarkan kertas-kertas kerja yang akan dibentangkan.

---

<sup>201</sup> Mahmudah Nawawi (2004), *op. cit.*, h. 36

<sup>202</sup> Abdul Karim Zaidan (t.t), *op. cit.*, h. 531

<sup>203</sup> Ahmad Mahmud Abu Zaid, Usamah Hussein (terj.) (1996), *Pendakwah Masa Kini, Sikap dan Pendekatan*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 160

Setiap seminar atau persidangan perlu mempunyai badan khas yang dilantik untuk melancarkan perjalanan program yang telah diaturkan. Seminar yang tidak mempunyai pembahagian tugas yang baik kebiasaannya akan merencatkan perjalanan seminar tersebut.

Beberapa sesi pembentangan dan soal jawab dilakukan sebelum resolusi seminar ditetapkan diakhir sesebuah seminar.<sup>204</sup> Penganjuran sesuatu seminar penting untuk mendapatkan pandangan pakar terhadap sesuatu isu berbangkit namun yang lebih penting ialah bagaimana sesebuah seminar atau persidangan mampu memberi kesan dan impak terhadap perkara yang menjadi mauduk perbincangan .

#### 4) Kem Bina Insan dan Kem Ibadah

Kem bina insan dan kem ibadah kebiasaannya melibatkan peserta secara berkumpulan yang dianjurkan selama beberapa hari mengikut kesesuaian program yang dianjurkan. Kursus bina insan dan kem ibadah kebiasaannya menekankan sudut kefahaman dan latihan amali ibadah seperti solat jenazah, solat fardhu selain menekankan pembinaan akhlak yang mulia.<sup>205</sup> Ia dikendalikan dengan bantuan para fasilitator terlatih yang membantu dalam pelaksanaan sesuatu program. Trend penganjuran kem-kem ini semakin berkembang pada hari ini memandangkan ia antara program latihan tubi yang disediakan untuk meningkatkan kefahaman Islam dikalangan masyarakat.

Kesimpulannya, bentuk-bentuk program dakwah yang telah dinyatakan diatas mempunyai objektif dan fungsi penganjuran yang tersendiri. Setiap program juga mempunyai kumpulan sasarannya dan pendakwah perlu memilih bentuk program mana yang bersesuaian dengan keadaan sasaran untuk meningkatkan keberkesanan program yang dianjurkan.

---

<sup>204</sup> Mahmudah Nawawi (2004), *op. cit.*, h. 41

<sup>205</sup> *Ibid.*, h. 42

## 2.2.4 Masalah Dakwah

Ab. Aziz Mohd Zin menggariskan pecahan masalah dakwah masa kini kepada pendakwah, jentera dakwah atau organisasi dakwah, sasaran dakwah dan musuh dakwah.<sup>206</sup>

Mahmudah Nawawi pula menggariskan masalah dakwah kepada masalah pendakwah, golongan sasaran, pengurusan organisasi dan masalah kewangan.<sup>207</sup>

M. Natsir pula menekankan masalah dakwah kepada umat Islam itu sendiri. Perselisihan dikalangan umat Islam akan menyebabkan perpecahan berlaku. Dakwah tidak boleh berkembang sekiranya umat Islam tidak bersatu.<sup>208</sup>

Pendapat Ab Aziz Mohd Zin berkaitan masalah dakwah dilihat lebih teratur kerana telah mengelaskan masalah kepada beberapa bahagian. Berbanding dengan pendapat Mahmudah Nawawi, pembahagian beliau meliputi aspek yang lebih luas. Contohnya pecahan organisasi dakwah boleh dilihat dari sudut masalah pengurusan dan kewangan sekaligus. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan pecahan masalah dakwah yang telah disarankan oleh beliau.

### a. Masalah Berkaitan Pendakwah

Pendakwah merupakan pewaris kepada ulama dan para nabi (a.s) yang bertanggungjawab menyampaikan ajaran Islam.<sup>209</sup> Pendakwah juga merupakan jambatan dan juga penerus kepada usaha dakwah yang dilakukan oleh para Rasul, Sahabat, Tabi' Tabi'in dan para ulama' sejak dulu hingga kini.

---

<sup>206</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (1997), *op.cit.*, h. 135. Lihat juga dalam \_\_\_\_\_(2001)*Metodologi dakwah*, h. 234. Beliau turut menggariskan masalah dakwah kepada masalah yang terdapat pada pendakwah, sasaran bukan Islam dan sasaran Islam.

<sup>207</sup> Mahmudah Nawawi (2004), *op. cit.*, h. 44

<sup>208</sup> M. Natsir (1991), *Percakapan antara Generasi*, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, h. 11

<sup>209</sup> Berhanundin bin Abdullah (1997), "Sifat-Sifat Pendakwah yang Terpuji", dlm. Che Yusof Che Mamat *et.al. Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*, Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam:UKM. h. 52

Usaha dakwah yang dilakukan oleh para pendakwah bukanlah satu kerja yang mudah memandangkan cabaran yang sedia terbentang dalam dunia hari ini. Oleh itu, para pendakwah disarankan agar mempunyai sifat-sifat yang terpuji. Berhanundin Abdullah menyarankan agar pendakwah mempunyai sifat yang menghubungkan pendakwah dengan Allah, sifat yang menghubungkan pendakwah dengan manusia serta mempunyai wawasan dan pengetahuan sebagai pendakwah.<sup>210</sup> Mereka juga seharusnya berwibawa dari sudut akademik, jelas pemikiran dan mempunyai penghayatan yang menyeluruh berkaitan hukum-hukum Allah.<sup>211</sup> M. Natsir menyatakan seorang pendakwah perlu menyiapkan diri dari aspek pembinaan mental dan ilmiah yang merangkumi *tafaqquh fiddīn*. Seorang pendakwah melaksanakan dakwah dengan tujuan untuk membina peribadi dan membangun umat sehingga sesuai dengan tujuan kewujudan manusia di muka bumi oleh itu sepatutnya mereka mempunyai peribadi yang mulia terlebih dahulu.<sup>212</sup>

Masalah yang timbul pada pendakwah hari ini biasanya adalah kerana kurangnya kemahiran asas dalam kepimpinan dan komunikasi, kurang penguasaan dalam ilmu dakwah, tidak menggunakan metode yang jelas, kurang pengetahuan latar belakang sasaran, kurang perancangan dakwah dan tiadanya usaha yang gigih untuk melaksanakan dakwah.<sup>213</sup>

Malah, mereka juga tidak mempunyai kelengkapan yang secukupnya untuk bergerak sebagai pendakwah. Walhal setiap pendakwah seharusnya melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu berikut iaitu pengetahuan Islam secara keseluruhan, ilmu tentang sejarah

---

<sup>210</sup> *Ibid.*, h. 53

<sup>211</sup> Ahmad Asnawi Hj. Hassan (1997), "Prinsip-prinsip Pengucapan Awam Dan Khutbah", dlm. Che Yusof Che Mamat *et al.*, *Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*, Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam:UKM, h. 95. Lihat juga Mazlan Ibrahim (2003), "Analisis Tema dan Pendekatan Dakwah dalam Kitab Tafsir al-Azhar", dlm. Zulkiple Abd Ghani (ed), *Dakwah Dalam Perspektif Sosio-Budaya: Malaysia-Indonesia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 176

<sup>212</sup> M. Natsir (1969), *Fiqhud-Da'wah*, Jakarta: Majalah Islam Kiblat, c.2, h. 143

<sup>213</sup> Ab Aziz Mohd Zin (2001), *op. cit.*, h. 235

dan ketamadunan manusia, ilmu berhubung kesusasteraan dan bahasa, ilmu berhubung dengan kemanusiaan, ilmu asas berhubung sains dan teknologi dan pengetahuan semasa dalam semua perkara khususnya yang melibatkan umat Islam.<sup>214</sup> Pendakwah perlu menyediakan diri selengkap mungkin kerana mereka perlu berdepan dengan latar sasaran yang pelbagai. Mereka juga perlu menyediakan satu tahap ketahanan jiwa yang jitu untuk membolehkan mereka mendepani sebarang cabaran yang mendatang.<sup>215</sup>

Kemahiran yang baik dalam berkomunikasi akan membantu pendakwah untuk berhubung dengan sasaran mereka. Orang pekak misalnya akan mendekati mana-mana pendakwah yang mahir berbahasa isyarat kerana merasakan hanya individu yang memahami bahasa mereka mampu memahami perasaan dan keperluan mereka. Namun apa yang berlaku pada hari ini adalah hampir tidak ada pendakwah yang mahir berbahasa isyarat.<sup>216</sup> Walhal, pendakwah turut disarankan agar mengetahui bahasa penuturan sasaran masing-masing supaya matlamat dan hasrat yang hendak disampaikan boleh difahami maksudnya.<sup>217</sup>

Para pendakwah yang tidak menunjukkan teladan yang baik juga memberi kesan kepada nama baik Islam. Ini kerana para pendakwah secara tidak langsung menjadi cerminan kepada agama Islam dan masyarakat akan berpendapat bahawa apa yang dilakukan oleh mereka itu adalah seperti yang dianjurkan oleh Islam walaupun yang berlaku adalah sebaliknya.<sup>218</sup> Ini kerana masyarakat akan dapat melihat kecantikan Islam melalui tingkahlaku dan keperibadian pendakwah sebagai seorang Muslim.

---

<sup>214</sup> Ab Aziz Mohd Zin (1997), *op. cit.*, h. 136

<sup>215</sup> Berhanundin bin Abdullah (1997), *op. cit.*, h. 64

<sup>216</sup> Ustaz Saifullah Yuslizam Yakar merupakan satu-satunya pendakwah di Malaysia yang boleh berbahasa isyarat. Beliau sekarang berkhidmat dengan Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu sebagai mubaligh sepenuh masa.

<sup>217</sup> Berhanundin bin Abdullah (1997), *op. cit.*, h. 63

<sup>218</sup> Ab Aziz Mohd. Zin (1997), *op. cit.*, h. 138

Terdapat juga pendakwah yang hanya melaksanakan aktiviti dakwah kerana dorongan kehidupan dan bukannya dorongan tanggungjawab mereka untuk berdakwah. Ia menyebabkan kebanyakan daripada mereka tidak melaksanakan tugas dakwah secara bersungguh-sungguh dan melaksanakannya pada waktu pejabat. Ini menyebabkan usaha dakwah yang dilakukan tidak dapat berkembang dengan baik.<sup>219</sup> Sepatutnya seseorang pendakwah perlu memelihara diri dari terhutang budi dengan sasarannya dan menjadikan dakwah mereka sebagai sumber kekayaan dirinya kerana kedua-dua perkara ini menjatuhkan martabat peribadinya sebagai pendakwah.<sup>220</sup>

Pendakwah seharusnya juga bersiap siaga dalam apa jua keadaan dan berfikir untuk melaksanakan usaha dakwah semaksimum mungkin. Kecemerlangan para pendakwah akan membantu menaikkan agama Islam di mata masyarakat.

#### b. Masalah Berkaitan Sasaran Dakwah

Bagi mempertingkatkan martabat Islam, usaha dakwah harus dilakukan secara menyeluruh. Pendakwah yang berjaya ialah pendakwah yang dapat mengenal pasti sasaran mereka dengan baik. Ini bermakna dakwah harus disampaikan kepada semua golongan tanpa mengira warna kulit, keturunan malahan pangkat mereka di dunia.

Dalam pelaksanaan program dakwah, pasti terdapat pelbagai masalah berkaitan sasaran yang terdiri dari latar berbeza. Antaranya ialah sikap tidak berminat dengan program agama. Pendekatan dakwah yang berbentuk ceramah dan bagaikan berkhotbah kadangkala akan membuatkan sasaran cepat berasa bosan. Stigma masyarakat bahawa

---

<sup>219</sup> *Ibid.*, h. 138

<sup>220</sup> M. Natsir (1969), *op. cit.*, h.139

program agama adalah program membosankan turut menyumbang kepada masalah ini.<sup>221</sup> Ini menyebabkan kebanyakan mereka mengelakkan diri untuk mengikuti sebarang program agama.

Terdapat juga sasaran yang memilih pendakwah yang digemari sahaja dan tidak akan mengikuti program agama jika pendakwah tersebut tidak mereka gemari.<sup>222</sup> Biasanya pendakwah yang diminati berupaya menyampaikan dakwah dalam keadaan santai dan banyak memasukkan unsur lelucon tanpa terlalu berusaha mengubah sasaran dalam masa yang singkat. Sasaran juga lebih tertarik kepada pendakwah yang mempunyai nilai peribadi yang tinggi selain mendapat liputan yang meluas di media perdana.<sup>223</sup>

Masalah pada sasaran juga berlaku apabila terdapat pendakwah turut memilih sasaran yang ingin mereka dekati. Pendakwah kurang mengambil orang kurang upaya sebagai sasaran dakwah mereka kerana lebih banyak menumpukan perhatian kepada masyarakat normal. Ini terbukti apabila tidak terdapat ramai pendakwah yang mahir Bahasa Isyarat Malaysia atau Inggeris yang menjadi entiti perhubungan yang paling penting kepada orang pekak.<sup>224</sup>

Kekurangan ini membawa kepada kurangnya usaha dakwah kepada orang pekak dilakukan seterusnya menyebabkan kelompongan guru yang mampu mengajar mereka cara beribadah dengan betul yang menjadi matlamat utama dalam dakwah. Walhal kewajipan

---

<sup>221</sup> Dzulkifli b. Md Ali, guru agama Pendidikan Khas, SMK Tun Mutahir, Melaka. Temubual pada 24 Januari 2007 dan Syukri b. Abdullah, guru agama, Pusat Latihan Perindustrian dan Kemahiran (PLPP) Bangi. Temubual pada 6 April 2007. Pelatih PLPP Bangi diwajibkan untuk menghadiri program agama untuk mengelakkan ketidakhadiran mereka dalam program yang dianjurkan.

<sup>222</sup> Mahmudah Nawawi (2004), *op. cit.*, h. 46

<sup>223</sup> *Ibid.*, h.46

<sup>224</sup> Mohamad Daniel Mohd. Pengurus, Bengkel Lembah Kinta, Ipoh. Temubual pada 10 September 2007. Observasi penulis menunjukkan hanya terdapat lebih kurang 20 orang jurubahasa rasmi orang pekak dan jarang sekali golongan agama mempunyai kemahiran berbahasa isyarat.



untuk beribadah menjadi tanggungjawab kepada setiap orang yang mukalaf selagi mana mereka tidak kehilangan lebih dari dua pancaindera dan berakal.<sup>225</sup>

Penggemblengan tenaga secara bersama antara pendakwah dan badan berkaitan akan membantu memantapkan lagi program-program dakwah yang bakal dilaksanakan. Tiada gunanya melaksanakan pelbagai program jika tidak mendapat sambutan daripada sasaran.

### c. Masalah Berkaitan Organisasi Dakwah

Setiap penganjur menginginkan agar program yang dilaksanakan berjalan dengan lancar. Namun begitu, pasti terdapat beberapa masalah yang timbul ketika melaksanakan program dakwah ini.

Terdapat pelbagai jentera dakwah yang memainkan peranan utama dalam menyebarkan dakwah pada hari ini. Antaranya ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jamaah Islah Malaysia (JIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), pejabat-pejabat agama negeri dan lain-lain.

Jentera atau organisasi dakwah ini berperanan untuk melicinkan usaha dakwah yang melibatkan sasaran yang agak ramai. Jabatan agama Islam negeri misalnya merupakan institusi pemerintah yang memainkan peranan utama untuk melaksanakan tuntutan dakwah.<sup>226</sup>

Pengurusan organisasi yang cekap akan membantu kepada usaha pengembangan dakwah yang maksima. Kelemahan dalam pengurusan organisasi akan menyebabkan usaha

---

<sup>225</sup> Norshahida Baharudin, Penyelaras Program Pendidikan Khas, SMK Tasek Damai, Ipoh. Temubual pada 10 September 2007

<sup>226</sup> Ab Aziz Mohd Zin (2006), *op. cit.*, h. 119

dakwah yang dilakukan terbantut dan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dan ia seterusnya menyebabkan pelbagai masalah berlaku dalam proses menyebarkan dakwah.<sup>227</sup>

Antara masalah pengurusan organisasi ialah tidak mempunyai perancangan dan strategi yang baik serta teratur hingga menyebabkan program dakwah yang dilaksanakan menjadi tidak tersusun dan kurang mendapat sambutan daripada orang ramai.<sup>228</sup> Masalah ini berlaku berikutan tiada tenaga pakar dalam kerja-kerja pengurusan dan perancangan strategik setiap organisasi. Pengemblengan tenaga antara golongan pengurusan dan golongan agama akan membantu melicinkan lagi pengurusan sesuatu organisasi.<sup>229</sup>

Kekurangan sumber kewangan juga menjadi antara kekangan utama dalam melaksanakan program dakwah.<sup>230</sup> Sumber kewangan yang kukuh akan membantu penganjuran program yang lebih baik dari sudut logistik dan dana yang perlu diperuntukkan pada peserta. Ketidacukupan kewangan menyebabkan sesuatu badan dakwah terpaksa memohon derma dan sumbangan daripada masyarakat bagi membiayai kos penganjuran program.<sup>231</sup> Ia juga menyebabkan keterbatasan dari sudut penggunaan teknologi terkini dalam menjalankan misi dakwah kerana setiap peralatan memerlukan jumlah dana tertentu.

Kesimpulannya program dakwah hari ini menghadapi pelbagai masalah dari sudut pengurusan, penganjuran dan kewangan. Masalah ini perlu di atasi untuk mengelakkan usaha dakwah yang dilakukan menemui jalan buntu.

---

<sup>227</sup> Ab. Ghafar Don *et al.* (2000), *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia, Konsep dan Pelaksanaannya*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 37-39

<sup>228</sup> Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*, Selangor: Ummah Media Sdn. Bhd., h. 62-64

<sup>229</sup> Ab Aziz Mohd Zin (1997), *op. cit.*, h. 140

<sup>230</sup> Abdullah Muhammad Zin *et al.* (1998), *op. cit.*, h. 175-176

<sup>231</sup> Mahmudah Nawawi (2004), *op. cit.*, h. 51

### **BAB 3**

## **INSTITUSI TERLIBAT DENGAN ORANG PEKAK**

### **DI TERENGGANU**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini akan menjawab objektif kedua kajian ini iaitu untuk mengenalpasti pihak yang terlibat dengan orang pekak. Perbincangan dalam bab ini akan menjurus kepada lokasi kajian, pengenalan kepada institusi orang pekak di Malaysia dan institusi yang terlibat dengan orang pekak di Terengganu. Responden yang terlibat hanya melibatkan orang pekak berdaftar dengan JKM. Metode yang digunakan dalam mendapatkan data dan menganalisis data adalah melalui kajian perpustakaan, interview dan observasi di institusi tersebut sendiri.<sup>232</sup>

##### **3.1.1 Negeri Terengganu Darul Iman**

Sebelum dibincangkan dengan lebih lanjut berkaitan institusi orang pekak, terlebih dahulu akan dibincangkan berkaitan negeri Terengganu iaitu lokasi kajian ini dijalankan. Pengenalan ini penting untuk mengetahui serba sedikit susur galur sejarah negeri dan keadaan masakini lokasi kajian.

Negeri Terengganu terletak di pantai Timur Semenanjung Malaysia yang terdiri dari tujuh buah daerah dengan pantainya memanjang dari Besut ke Kemaman sejauh 244km.<sup>233</sup>

---

<sup>232</sup> Maklumat lanjut mengenai metode yang digunakan boleh dirujuk dalam bab 1 di bahagian metodologi kajian.

<sup>233</sup> KUSTEM (2002), *Warisan Terengganu*, Kuala Terengganu: Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), h. 5

Bancian yang dibuat pada tahun 2001 mencatatkan jumlah penduduk adalah lebih dari 800 ribu orang iaitu mewakili 3.8% jumlah populasi penduduk Malaysia.<sup>234</sup>

Terengganu pada satu masa dahulu digambarkan sebagai pulau berbentuk tiga segi; tercerai daripada daerah-daerah jirannya oleh sebatang sungai dan sungai itu penting bagi perjalanan di air oleh pengembara dan penulis dari Negara China iaitu Wang Ta Yuan.<sup>235</sup> Nama 'Terengganu' dikatakan berasal daripada perkataan *taring anu* yang merujuk kepada taring binatang yang ditemui di kawasan tersebut oleh pemburu dari Pahang. Oleh kerana tidak mengetahui nama taring tersebut maka mereka menyebutnya sebagai *taring anu*. Daripada perkataan tersebut maka lahirlah nama negeri Terengganu.<sup>236</sup>

Khoo Kay Kim turut merakamkan laporan pedagang terkenal Kapten Alexander Hamilton pada tahun 1719 berkaitan Terengganu yang dikatakan terkenal sebagai pusat pelabuhan antarabangsa yang terletak berdekatan dengan laut.<sup>237</sup> Negeri ini juga dikatakan negeri pertama yang menerima Islam berdasarkan bukti penemuan batu bersurat di Kuala Berang yang terpahat dengan tulisan jawi pada tahun 1889.<sup>238</sup>

Sesuai dengan namanya Terengganu Darul Iman, penghayatan keagamaan pada waktu itu boleh dikenalpasti dari kewujudan sistem pelajaran pondok yang berterusan

---

<sup>234</sup> Kerajaan Negeri Terengganu, <http://www.trg.gov.my> bertarikh 4 Februari 2009

<sup>235</sup> Buyong bin Adil (1982), *Sejarah Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 8. Negeri Terengganu banyak disebut dalam lipatan sejarah Negara China. Ia diriwayatkan oleh beberapa pengembara dan penulis China pada zaman dahulu. Antaranya buku "*Ling-wai Tai-ta*" oleh Chao Chu-Fei pada tahun 1178, buku "*Chu-fan-chih*" karangan Chao Ju-kua (1226) dan "*Tao-i Chih-leo*" karangan Wang Ta-Yuan (1349). Masing-masing meriwayatkan berkaitan sebuah negeri di sebelah timur yang aman dan makmur dipercayai sebagai Terengganu. Antara nama yang diberikan termasuklah "*Teng-ya-nung*" dan "*Ting-chia-lu*" yang dikatakan hampir sebutannya dengan negeri Terengganu.

<sup>236</sup> KUSTEM (2002), *op. cit.*, h. 6

<sup>237</sup> Khoo Kay Kim (1984), "Kuala Terengganu: Pusat Perdagangan Antarabangsa", dlm. Abdullah Zakaria Ghazali (ed), *Terengganu Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, h. 57-58

<sup>238</sup> Buyong Adil, *op. cit.*, h. 9. Batu bersurat yang ditemui berhampiran Kampung Buluh di Sungai Tersat, Kuala Berang di Ulu Terengganu mengandungi beberapa larangan dalam agama Islam. Pada batu tersebut juga tertulis tarikhnya iaitu bulan Rejab Hijrah 702. Berdasarkan bukti tersebut bolehlah dikatakan agama Islam telah wujud di Terengganu dalam abad ke-14 iaitu kira-kira 100 tahun terdahulu daripada kedatangan agama Islam ke Melaka. Nyata juga bahawa rakyat Terengganu pada ketika itu merupakan orang yang mula-mula memeluk agama Islam di Semenanjung Tanah Melayu.

hingga abad ke-20 sebelum pondok-pondok tersebut diambil alih oleh pihak kerajaan untuk dijadikan sekolah agama. Malah ketika itu, undang-undang Islam menjadi asas kepada sistem pentadbiran di Terengganu.<sup>239</sup>

Pada zaman tersebut, Terengganu terkenal sebagai sebuah negeri maju dengan perkembangan ilmu pengetahuan keagamaan (keislaman). Abdullah Munshi yang membuat pelayaran ke Pantai Timur dan singgah ke Terengganu pada Dzhulhijjah hingga Muharram 1253 atau pada 4 Mac hingga April 1838 melaporkan bahawa pada masa tersebut institusi-institusi pengajian di Terengganu kebanyakannya menggunakan kitab-kitab Arab dan kurang menggunakan kitab-kitab Melayu (jawi). Bacaan Quran penduduknya sangat baik hingga terkenal di luar Terengganu dan tulisan jawi mereka sangatlah elok. Di setiap kampung disediakan madrasah-madrasah untuk memperkembangkan ilmu pengetahuan dan pengajian Quran di ajar di rumah-rumah.<sup>240</sup>

Gambaran Abdullah Munshi tentang negeri Terengganu amat berbeza berbanding kritik pedas beliau pada negeri-negeri Melayu lain yang dilawatinya. Ini secara tidak langsung memberi pengiktirafan bahawa negeri Terengganu pernah menjadi antara pusat penyebaran ilmu serantau pada zaman tersebut.<sup>241</sup>

Sheikh Abdul Malik bin Abdullah (Tok Pulau Manis), Haji Wan Abdullah bin Wan Muhammad Amin (Tok Sheikh Duyung), Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus (Tok Ku Tuan Besar ) dan Syed Abdul Rahman bin Syed Muhammad al-Idrus (Tok Ku

---

<sup>239</sup>Abdullah Zakaria Ghazali (1984), *Terengganu Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, h. xi

<sup>240</sup>Abdullah bin Abdul Kadir Munshi (1965), *Kesah Pelayaran Abdullah*, Singapura: Malaysia Publications Ltd., h. 32-33

<sup>241</sup>Shafie Abu Bakar (1984), "Latar Belakang Keagamaan Di Terengganu", dlm. Abdullah Zakaria Ghazali (ed), *Terengganu Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, h. 1-3

Paloh) merupakan antara tokoh ulama yang menyemarakkan perkembangan Islam di Terengganu pada ketika itu.<sup>242</sup>

Kini Terengganu telah berubah dari sudut pembangunan fizikal dan pembangunan insan. Walaupun tidak semaju negeri di pantai barat dari sudut pembangunan material, namun aspek pendidikan di negeri ini mencatat perkembangan yang memberangsangkan. Pelbagai institusi pengajian tinggi tersedia buat kemudahan pendidikan rakyat antaranya Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Darul Iman (UDM) dan pelbagai kolej swasta lain.<sup>243</sup>

Kuala Terengganu merupakan ibu negeri dengan sektor perikanan, petroleum dan pelancongan menjadi antara sumber ekonomi penduduknya. Negeri ini juga memberi tumpuan kepada industri berkaitan maritim antaranya ialah pembuatan bot yang bertempat di Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Selain itu, penumpuan turut diberikan kepada industri kraftangan berasaskan warisan dan tradisi iaitu songket, batik, tembaga dan ukiran kayu.

Pentadbiran kerajaan negeri Terengganu berasaskan kepada modul agenda '*Islam Hadhari Terengganu Bestari*'. Ia adalah aspirasi Kerajaan Negeri untuk merealisasikan Islam dalam kehidupan umat Islam bersesuaian dengan cabaran-cabaran alaf baru. Agenda ini menjurus kepada penterjemahan praktis umat Islam kepada lapan nilai Islam Hadhari. Terengganu Bestari adalah hasrat kerajaan negeri untuk mewujudkan kemajuan peradaban dengan menggalakkan rakyat untuk mesra teknologi maklumat dan komunikasi sebagai wadah untuk mencapai ketinggian peradaban; pemfokusan kepada tadbir urus baik (*good governance*) agar lebih telus, lebih cekap, penyertaan rakyat yang lebih meluas serta

---

<sup>242</sup> KUSTEM(2002), *op. cit.*, h. 21

<sup>243</sup> *Ibid.*, h. 22

pentadbiran awam 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan peningkatan infrastruktur bagi dimanfaatkan oleh seluruh lapisan masyarakat.<sup>244</sup>

Selari dengan itu pihak pentadbiran berusaha menyediakan program-program perubahan minda dan sikap rakyat secara berterusan untuk menerapkan nilai-nilai syumul Islam. Antaranya mengembalikan semula elaun guru al-Quran/fardhu ain dan hafiz Quran, menubuhkan institut al-Quran, melaksanakan khutbah secara multimedia, menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan lain-lain.<sup>245</sup>

Pentadbiran kerajaan juga berusaha memberikan perkhidmatan kebajikan yang terbaik kepada warga Terengganu yang memerlukan. Dengan bantuan pelbagai pihak, kerajaan negeri berusaha menyalurkan bantuan kepada beberapa institusi yang menempatkan pelbagai tahap orang kurang upaya di Terengganu antaranya ialah Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang, Taman Sinar Harapan dan juga kepada individu. Dua persatuan orang pekak di sini juga menjadi pusat untuk menjalankan pelbagai aktiviti untuk orang pekak.<sup>246</sup>

Walaupun tidak mempunyai banyak institusi untuk OKU amnya dan orang pekak khasnya seperti di bandar-bandar besar namun kewujudan institusi-institusi ini dilihat sudah mencukupi. Ini kerana data tahun 2007 menunjukkan jumlah OKU yang berdaftar di Terengganu adalah seramai 2152 orang manakala orang pekak berdaftar berjumlah 192 orang.<sup>247</sup>

---

<sup>244</sup> Kerajaan Negeri Terengganu, <http://www.trg.gov.my/bajet2008> pada 2 Mac 2009

<sup>245</sup> Observasi penulis di institusi berkaitan orang pekak di Terengganu bermula 2007-2009

<sup>246</sup> Sit bin Ching, Penolong Pegawai Masyarakat JKM Kuala Terengganu. Temubual pada 17 September 2008. Dua persatuan pekak tersebut ialah Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu (PKPT) dan Persatuan Kebajikan Orang Cacat Pendengaran Terengganu (PKOPCT).

<sup>247</sup> Shabariah bt Ab Latif, Pegawai Pembangunan Masyarakat, JKM Negeri Terengganu. Temubual pada 13 November 2008

### 3.1.2 Institusi Terlibat Dengan Orang Pekak Di Malaysia

Kajian ini juga akan menjelaskan berkenaan pihak yang terlibat dengan orang pekak di Malaysia secara umum. Institusi orang pekak secara umum di Malaysia perlu diketahui terlebih dahulu sebelum mengetahui institusi berkaitan orang pekak di Terengganu untuk memberi gambaran yang lebih jelas berkaitan kedudukan institusi yang tersebut disamping fungsinya dalam membantu orang pekak. Ia juga akan memberi penjelasan kepada pemilihan institusi orang pekak yang tertentu sahaja sebagai institusi yang dikaji dalam penyelidikan ini.

Berdasarkan observasi pengkaji, terdapat pelbagai institusi yang berkaitan dengan orang pekak di Malaysia secara langsung atau tidak langsung yang terdiri dari badan kerajaan dan bukan kerajaan. Secara langsung bermakna orang pekak berada di institusi tersebut dalam satu jangkamasa manakala secara tidak langsung bermakna orang pekak hanya berurusan tanpa tinggal atau berada di institusi tersebut. Perkhidmatan kepada orang pekak di bawah badan kerajaan menjadi tanggungjawab beberapa badan kerajaan iaitu, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat dan Kementerian Pelajaran Malaysia, JAKIM, YADIM, IKIM dan pejabat agama Islam negeri. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perkembangan pendidikan dan kemahiran orang pekak manakala Kementerian Kesihatan hanya memantau dari aspek perubatan sahaja. Badan kerajaan berorientasikan agama pula bertanggungjawab memantau dan membantu dalam hal ehwal agama berkaitan orang pekak. Selain badan kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang perihatin turut mengambil peluang bekerjasama untuk meningkatkan taraf perkhidmatan kepada orang pekak.



Walaupun tiada pertubuhan dakwah khusus untuk orang pekak diwujudkan, namun masih terdapat pertubuhan bukan kerajaan yang berorientasikan dakwah turut menyumbang kepada peningkatan pelaksanaan aktiviti dakwah dikalangan orang pekak di Malaysia.

a. Institusi Kerajaan

Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia merupakan tulang belakang kepada perkhidmatan OKU di Kementerian Pelajaran. Ditubuhkan pada 1 Oktober 1995, ia bertanggungjawab untuk merancang dan mengurus semua sekolah pendidikan khas rendah dan menengah.<sup>248</sup>

Jabatan ini menyediakan beberapa program khas di sekolah khas bagi murid bermasalah penglihatan dan bermasalah pendengaran dan pembelajaran (menengah).<sup>249</sup> Antaranya ialah Program Pendidikan Khas Integrasi yang diwujudkan di sekolah harian biasa dan menengah dan sekolah menengah teknik vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif. Program Pendidikan Inklusif pula disediakan untuk murid-murid berkeperluan khas di sekolah

---

<sup>248</sup> Norzah binti Abd. Ghani, Penolong Pengarah, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia. Temubual pada 6 Januari 2007. Pendidikan Khas di Malaysia bermula pada tahun 1920-an di kalangan sukarelawan yang terlibat dalam pembukaan sekolah-sekolah cacat penglihatan dan pendengaran. Ia diteruskan dengan pembukaan kelas pendidikan khas di Jalan Northam, Pulau Pinang dan pembukaan Sekolah Kanak-kanak Pekak Persekutuan (Rendah dan Menengah), Tanjong Bunga, Pulau Pinang pada tahun 1954 sehinggalah kepada penubuhan jabatan pendidikan khas dan kewujudan pelbagai sekolah khas pada hari ini.

<sup>249</sup> Rahman b. Hamdan, Ketua Pendidikan Khas, Pejabat Pelajaran Johor. Temubual pada 12 Disember 2007

harian biasa rendah dan menengah, menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara bercampur dengan murid-murid yang normal.<sup>250</sup>

Program-program dakwah di sekolah-sekolah khas pula kebiasaannya diuruskan oleh unit pendidikan khas sekolah dengan diselia oleh guru-guru agama sekolah tersebut. Antara program yang dianjurkan ialah sambutan hari kebesaran dalam Islam, kem ibadat, kem imam muda, tilawah dan hafazan al-Quran dan lain-lain.<sup>251</sup> Program-program ini dijalankan dengan objektif untuk memberi pemahaman agama yang lebih baik kepada pelajar pendidikan khas.<sup>252</sup>

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,<sup>253</sup> (JKMM) pula telah ditubuhkan dalam tahun 1946. JKM mempunyai cawangan pentadbiran di peringkat negeri bertujuan agar sistem pengurusan dan sokongan dijalankan dengan cekap dan berkesan.<sup>254</sup> Perkhidmatan orang kurang upaya di JKM telah diwujudkan untuk membantu OKU berdikari. JKM telah mengkhususkan

---

<sup>250</sup> Shadan Yahaya, Ketua Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pelajaran Perlis. Temubual pada 19 September 2007.

<sup>251</sup> Aznan bin Hj. Alias, Ketua Unit Pendidikan Khas, Perak. Temubual pada 24 Januari 2007

<sup>252</sup> Dzulkifli b. Mohd Ali, guru agama Pendidikan Khas, SMK Tun Mutahir, Melaka. Temubual pada 20 Jun 2008. Lihat juga Jabatan Pendidikan Khas, <http://www.moe.gov.my/jpkhas> bertarikh 2 September 2008. Kini, terdapat empat buah pusat perkhidmatan yang beroperasi di seluruh negara iaitu Pusat Perkhidmatan Alor Setar Kedah, Pusat Perkhidmatan Johor Bahru, Pusat Perkhidmatan K. Terengganu dan di SKPK Selangor, Shah Alam. Manakala yang lain belum beroperasi iaitu Pusat Perkhidmatan Ipoh, Perak, Pusat Perkhidmatan Melaka, Pusat Perkhidmatan Kuching dan Pusat Perkhidmatan K. Kinabalu.

<sup>253</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat, <http://www.jkm.gov.my/> bertarikh 2 September 2008

<sup>254</sup> Antara JKM di peringkat negeri ialah JKMN Perlis, JKMN Pulau Pinang, JKMN Perak, JKMN Selangor, JKMN W/P Kuala Lumpur, JKMN Negeri Sembilan, JKMN Melaka, JKMN Johor, JKMN Pahang, JKMN Terengganu, JKMN Kelantan, JKMN Sarawak, JKMN W/P Labuan dan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah

perkhidmatan ini kepada dua jenis perkhidmatan iaitu perkhidmatan luar dan perkhidmatan dalam institusi.<sup>255</sup>

Perkhidmatan luar dibentuk untuk mewujudkan dan menyusun pelbagai aktiviti dan skim bantuan yang bertujuan membantu OKU berdikari dari segi ekonomi dan sosial seterusnya membawa kepada pengintegrasian mereka ke dalam masyarakat. Program-program yang dilaksanakan di bawah perkhidmatan ini ialah Pendaftaran dan Kad Kenal Diri, Bantuan alat tiruan / Sokongan (*Assisstive Devices*), Geran Pelancaran dan Elaun Pekerja Cacat (EPC).<sup>256</sup>

Manakala perkhidmatan dalaman pula bermatlamat untuk membantu memulihkan dan mempertingkatkan kualiti dan taraf hidup OKU supaya mereka dapat hidup berdikari dengan memberi pemulihan dan latihan kemahiran yang sesuai. Antara perkhidmatan dalam institusi yang disediakan ialah Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi,<sup>257</sup> Taman Sinar Harapan (TSH),<sup>258</sup> Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)<sup>259</sup> dan Bengkel Terlindung.<sup>260</sup>

---

<sup>255</sup> Mahani Abdul Wahab, Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat, Negeri Sembilan. Temubual pada 23 Januari 2007.

<sup>256</sup> Faizah bt Abd Rahim, Pegawai JKM Batu Pahat, Johor. Temubual pada 20 Februari 2007

<sup>257</sup> Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi ditubuhkan bertujuan untuk memberi latihan vokasional dan pemulihan perubatan. Kursus yang ditawarkan terbahagi kepada dua bahagian iaitu kursus Vokasional dan kursus Pra-Vokasional. Antara kursus yang ditawarkan ialah kursus vokasional (komputer dan teknologi. Elektronik, rekaan fesyen dan jahitan, membuat roti dan pastry dan lain-lain) dan pra-vokasional (IT Komputer, membaiki TV dan Komputer, jahitan dan lukisan).

<sup>258</sup> TSH memberi latihan kepada individu kurang upaya yang mempunyai masalah pembelajaran sehingga tahap sempurna mengikut kemampuan dan kebolehan masing-masing dan juga memberi perlindungan dan jagaan kepada mereka yang mengalami kecacatan akal yang teruk. Ibu bapa dan keluarga boleh memilih memasukkan anak atau ahli keluarga mereka ke mana-mana TSH tidak hanya mengikut zon yang telah ditetapkan dengan alasan tertentu dan mengikut budi bicara JKM. Pemohon yang hendak mendaftar di TSH hendaklah berkelayakan iaitu bermasalah pembelajaran tanpa mengira peringkat usia, jantina dan tahap kecacatan dari negeri-negeri berdekatan mengikut zon antaranya Zon A di TSH Jitra, Kedah yang mewakili negeri Perlis, Kedah, pulau Pinang, Perak; zon B di TSH Kuala Terengganu yang mewakili negeri Kelantan, Terengganu, Pahang; zon C di TSH kuala Kubu Bharu, Selangor yang mewakili negeri Selangor, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Perak dan zon D di TSH Tuanku Ampuan Najihah, Seremban yang mewakili Negeri Sembilan, Melaka, Selangor dan Kuala Lumpur.

<sup>259</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat, <http://www.jkm.gov.my/>, bertarikh 4 September 2008. Program PDK pula satu program yang diwujudkan sebagai alternatif kepada perkhidmatan pemulihan di dalam institusi. Ia

Selain perkhidmatan yang berbentuk fizikal, JKM turut menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada golongan OKU dan ahli keluarga mereka yang memerlukan bimbingan dalaman. Apa yang dimaksudkan ialah perkhidmatan yang ditawarkan bagi mereka yang mengalami masalah emosi, keyakinan diri dan psikologi. Mereka boleh mendapatkan bantuan daripada pegawai/Pembantu Kebajikan Masyarakat yang berkelayakan atau berjumpa terus dengan kaunselor di Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri.<sup>261</sup>

Kementerian Kesihatan Malaysia pula menjalankan Program Pengesanan Awal (*Early Intervention*) yang memberi rawatan dan pemeriksaan untuk kemasukan ke institusi kebajikan. Warga OKU akan menerima penilaian awal yang dilakukan oleh doktor pakar untuk mengenalpasti jenis ketidakupayaan kanak-kanak. Penilaian tersebut dilakukan oleh pengamal perubatan di peringkat klinik kesihatan/Klinik Pakar Kanak-kanak dan akan dirujuk ke Klinik Pakar Kanak-kanak/Klinik Pakar Perubatan Pemulihan. Apabila pengesanan dilakukan, cadangan penempatan kanak-kanak dengan keperluan khas akan

---

merupakan atau kaedah dalam pembangunan komuniti untuk golongan OKU menjalani pemulihan dalam keluarga dan masyarakat sendiri. PDK memberi peluang kepada OKU menjalani pemulihan, mengecapi peluang sama rata dan berinteraksi dengan masyarakat. Program ini memerlukan penyertaan dan penglibatan aktif OKU, ibubapa, keluarga, penjaga dan masyarakat setempat dengan memaksimumkan penggunaan sumber tempatan yang sedia ada dalam komuniti. PDK ini juga diwujudkan agar dapat mengeratkan lagi hubungan keluarga dengan golongan OKU yang melibatkan diri kerana mereka tidak dipisahkan daripada keluarga dan masyarakat semasa menjalani proses pemulihan. Terdapat 379 buah PDK di seluruh Malaysia yang memberi manfaat kepada 9,514 OKU.

<sup>260</sup> Zaiton Abdullah, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Kelantan. Temubual pada 9 April 2007. JKM turut berusaha mendapatkan peluang pekerjaan di sektor awam/swasta untuk OKU atau menempatkan OKU di Bengkel Terlindung (*Sheltered Workshop*) seperti Bengkel Daya Klang dan Bengkel Daya Sungai Petani, Kedah atau di 13 buah bengkel terlindung yang diuruskan oleh pertubuhan sukarela. Bengkel Terlindung terbahagi kepada tiga iaitu bengkel terlindung di bawah kendalian jabatan kebajikan masyarakat (Bengkel Daya Klang, Selangor; Bengkel Daya Sg. Petani, Kedah dan Bengkel Kebajikan Pemulihan, Marang.), dibawah kendalian persatuan (Bengkel Sri Sembilan, Mambau N. Sembilan; Bengkel Bakti Murni, Chuping Perlis; Bengkel Lembah Kinta, Perak; Bengkel Jayadiri, Tunjang Kedah; Bengkel Perusahaan kecil Air Keroh dan Bengkel Jaya Melaka; Bengkel Sg. Lembing, Pahang; Bengkel Mini desa Rembau; Bengkel Sri Perkasa, Negeri Sembilan; Bengkel Terlindung Semangat Maju, Perak; Bengkel Terlindung PERKOBP, K.L dan Rumah Insaniah, P.J) dan yang dibawah kendalian majlis negeri (Bengkel Sampul surat Jayadiri, Johor dan Bengkel Daya Pemulihan, Kelantan).

<sup>261</sup> Erlina bt Othman, Kaunselor Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi. Temubual pada 12 Oktober 2006

diberikan. Pada masa ini, kanak-kanak akan didaftarkan dengan jabatan Kebajikan Masyarakat.<sup>262</sup>

Kementerian Sumber Manusia (Jabatan Tenaga Kerja) pula menggalakkan pihak swasta menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan OKU melalui Jawatankuasa Penggalakan Penggajian OKU di sektor swasta. OKU yang berdaftar dengan JTK akan dibantu dengan mencari majikan yang memerlukan pekerja. OKU akan menerima temuduga di pejabat Tenaga Kerja atau tempat pekerjaan yang menawarkan peluang pekerjaan tersebut. Majikan akan menawarkan pekerjaan kepada OKU yang berjaya. Calon yang berjaya perlu memaklumkan kepada JTK mengenainya supaya status calon dapat dikemaskini. Calon yang gagal juga perlu memaklumkan kepada JTK agar nama mereka akan dimasukkan semula ke dalam senarai pekerjaan.<sup>263</sup>

Hanya JKM dibawah institusinya iaitu bengkel-bengkel terlindung, PLPP, PDK dan TSH yang menyediakan program dan pendidikan berbentuk dakwah kepada orang kurang upaya. Pelatih diberi pendidikan asas dalam mengurus diri, pelajaran iaitu kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira), kelas-kelas kemasyarakatan (komunikasi, interaksi dengan masyarakat, adat resam, penggunaan kemudahan awam dan lain-lain) dan kelas agama dan moral.<sup>264</sup> Kelas agama dan moral didedahkan untuk memberi pelatih peluang mengenal asas tauhid, latihan mengerjakan solat, cara berwudhuk, berpuasa, membaca muqaddam dan al-Quran bagi yang beragama Islam dan pendidikan moral bagi yang bukan beragama Islam.<sup>265</sup> Jabatan Tenaga Kerja dan Kementerian Kesihatan Malaysia pula tidak

---

<sup>262</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat, <http://www.jkm.gov.my/> bertarikh 20 September 2008

<sup>263</sup> Persatuan Pekak Kebangsaan Malaysia(t.t), *Buku Panduan Perkhidmatan untuk Orang-Orang Cacat Pendengaran di Malaysia*, h. 12

<sup>264</sup> Observasi penulis di institusi orang kurang upaya Semenanjung Malaysia dari tahun 2006-2008

<sup>265</sup> Norhashimah bt Ibrahim, Pegawai JKM Kedah. Temubual pada 10 September 2007

menyediakan sebarang program berbentuk dakwah secara langsung kepada orang pekak khasnya dan OKU amnya kerana diluar bidang kerja mereka.

Jabatan Agama Islam Negeri pula merupakan institusi kerajaan yang berperanan untuk melaksanakan tuntutan dakwah Islam dengan kuasa dan kekuatan yang ada. Ia menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dalam mewujudkan keselarasan pentadbiran dan pelaksanaan program agama. Terdapat 12 jabatan agama negeri selain tiga institusi yang menyokongnya iaitu JAKIM, YADIM dan IKIM.<sup>266</sup>

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berperanan penting dalam menguruskan hal ehwal agama bagi memelihara kesucian akidah dan ajaran Islam di Malaysia. Ia ditubuhkan pada 1 Januari 1997 setelah melalui beberapa transformi oleh Kerajaan Malaysia. JAKIM bertanggungjawab untuk menganjurkan program-program dakwah Islamiah kepada masyarakat awam dengan harapan untuk mendekatkan masyarakat dengan program yang mampu mengisi rohani mereka. Ia terlibat untuk merangka, menyelaras membiayai, memantau dan melaksanakan program dakwah yang turut melibatkan agensi dakwah lain seperti jabatan agama Islam negeri serta NGO dakwah lain. Program yang dianjurkan oleh JAKIM kebiasaannya berbentuk ceramah, kelas pengajaran, melalui kebajikan dan sosial, media cetak, radio, TV dan IT serta melalui kesenian.<sup>267</sup>

JAKIM dibawah unit Dakwah menyediakan pelbagai program dakwah kepada semua golongan masyarakat termasuklah orang pekak. Dakwah kepada OKU dijalankan

---

<sup>266</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2006) *et. al*, h. 120

<sup>267</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2003), *Sambutan JAKIM 35 Tahun*, (1968-2003), Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur, h. 47. Organisasi JAKIM diketuai oleh ketua pengarah yang mengetuai sektor pengurusan dan operasi bahagian-bahagiannya yang terdiri daripada Bahagian Undang-Undang, Unit Audit Dalam, Pentadbiran & Kewangan, Keurusetiaan & Perhubungan Antarabangsa, Media Elektronik & Penyiaran, Perkhidmatan ICT, Penerbitan, KESUMA, Dakwah, Darul Quran, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Jabatan Agama Islam Wilayah, Cawangan Sabah & Sarawak, Pembangunan Pendidikan Islam, Penyelidikan, Latihan, Penyelarasan & Penguatkuasaan Undang-undang serta bahagian Kajian Makanan dan Barangan Gunaan Islam. Kewujudan JAKIM secara tidak langsung telah menjadi *center* kepada badan-badan dakwah yang ada di Malaysia selain mensistematikkan pengurusan hal ehwal agama Islam di Malaysia.

untuk menambah baik nilai kefahaman OKU kepada agama Islam. Selain menganjurkan program, JAKIM turut memberi dana kepada mana-mana institusi OKU yang ingin menganjurkan program yang berkaitan dengan dakwah.<sup>268</sup>

Malah, JAKIM amat mengambil berat masalah yang melanda orang pekak dan berusaha mencapai objektif untuk memantapkan akidah dan sahsiah mereka. Pelbagai program disediakan untuk mereka antaranya kelas fardhu ain untuk kanak-kanak pekak di bawah usia 12 tahun dan dewasa serta berusaha menyediakan jurubahasa isyarat untuk memudahkan komunikasi pihak JAKIM dan orang pekak dalam pelbagai majlis yang dilangsungkan tertakluk kepada permohonan.<sup>269</sup>

Yayasan Dakwah Islam Malaysia ditubuhkan pada tahun 1974 untuk menyelaraskan dan menyatukan badan-badan dakwah supaya mampu membangunkan umat dan meningkatkan kefahaman Islam dikalangan masyarakat. Visi YADIM untuk membangunkan pandangan hidup (*world view*) masyarakat Islam berlandaskan minda Quranik boleh dicapai melalui program-program yang dibangunkan oleh YADIM. Ia relevan kerana program-program yang dijalankan oleh YADIM kebanyakannya berbentuk program kemasyarakatan.<sup>270</sup>

Manakala berpegang kepada dasar pemanfaatan sepenuhnya tenaga profesional menyebabkan tertubuhnya unit penerbitan yang berfungsi menerbitkan pelbagai bahan media iaitu laman web YADIM, penerbitan VCD, DVD, majlis ceramah, penerbitan buku,

---

<sup>268</sup> Maziana Mat Hassan, Pegawai Hal Ehwal Agama, JAKIM. Temubual pada 20 Januari 2009

<sup>269</sup> Rahana MD (2004), "Orang Pekak: Masyarakat Sering Abaikan", *Utusan Malaysia*, Selasa 5 Oktober 2004

<sup>270</sup> Ab. Aziz Mohd Zin *et. al*, (2006) *op. cit.*, h. 14. Malah YADIM membahagikan unit-unitnya berdasarkan kepada keperluan masyarakat antaranya ialah Unit Amal Islami & Sukarelawan al-Falah dan Unit Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM). Unit amal Islami berperanan menyatukan badan-badan amal melalui Majlis Amal Islami YADIM. Ia berperanan sebagai jurubicara yang menyuarakan pandangan mewakili badan-badan amal yang ada selain merancang pelbagai program bersama. Unit Majlis Perunding Wanita pula berperanan antaranya menyuarakan pandangan wanita Islam mengenai pelbagai isu secara konstruktif dan beradab.

majalah dan jurnal. Program-program YADIM setakat ini lebih tertumpu kepada golongan profesional dan masyarakat awam namun masih belum mencakupi golongan orang kurang upaya.<sup>271</sup>

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pula berperanan untuk membina *think-tank* bagi memahami perkara berkaitan agama Islam supaya dapat memberi gambaran yang jelas mengenai Islam kepada seluruh masyarakat Islam dan juga bukan Islam. Ia tertubuh hasil buah fikir Tun Mahathir Mohamad dengan perbincangan bersama Dato' Dr. Ismail Ibrahim pada 1 September 1991. Dengan visi untuk menjadi sebuah institusi cemerlang dalam merangka dan melaksanakan agenda kerja strategik, IKIM kini mula mengorak langkah cemerlang kerana semakin dikenali ramai. Selain menjalankan aktiviti penyelidikan dan perundingan, ia juga menjadi medan forum bagi sarjana Islam dan bukan Islam untuk membincangkan dan menganalisis isu yang menjadi kepentingan bersama. Ia dikukuhkan lagi dengan kewujudan Radio IKIM yang menjadi wadah pelebaran misi yang ingin dicapai oleh IKIM.<sup>272</sup> IKIM turut menyumbang kepada pelaksanaan dakwah kepada OKU dengan menyediakan slot khas buat mereka iaitu melalui program *Ramadhan untuk yang teristimewa* di Radio IKIM. Ia diadakan sebagai rasa tanggungjawab IKIM kepada golongan ini.<sup>273</sup>

Kesimpulannya, badan-badan kerajaan yang telah disebutkan diatas mempunyai fungsi dan peranan masing-masing dalam memberikan mutu perkhidmatan terbaik kepada OKU. Walaupun berbeza fungsi, mereka masih boleh menjalankan pelbagai program kepada orang kurang upaya amnya dan orang pekak khususnya. Melalui kerjasama yang

---

<sup>271</sup> Norsalmah binti Mohd Noordin, Pegawai Unit PRO YADIM. Temubual pada 12 April 2009

<sup>272</sup> Pamphlet IKIM, 2004

<sup>273</sup> Shazryn Mohd. Faizal (2006), "Golongan OKU diberi siaran sempena Ramadhan di IKIM.fm", *Utusan Malaysia*, Selasa 17 Oktober 2006, h. 9



dijalankan, secara tidak langsung ia mampu menampung lompong kekurangan dalam pelaksanaan program berbentuk dakwah kepada golongan tersebut.

b. Institusi Bukan Kerajaan (NGO)

Selain badan kerajaan, pertubuhan kebajikan sukarela turut mengadakan Pusat Harian<sup>274</sup> dan Pusat latihan bagi OKU sebagai perkhidmatan sokongan terhadap program-program kerajaan dan juga sebagai memenuhi tanggungjawab masyarakat dalam pemulihan golongan tersebut.

Kebanyakannya terdiri daripada persatuan-persatuan yang menyediakan latihan-latihan kemahiran dan latihan pengurusan diri kepada ahli agar mampu menghadapi cabaran hidup yang mendatang. Terdapat beberapa badan bukan kerajaan (Non Government Organisation) yang menyokong kerajaan dalam menjalankan kerja-kerja kebajikan terhadap OKU, antaranya Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD)<sup>275</sup>, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan lain-lain.

---

<sup>274</sup> Mohammad Affendy Bin Mat Sani, Penolong Pegawai Kebajikan, JKM Negeri Sembilan. Temubual pada 26 Januari 2007. Pusat harian di sini ialah satu tempat yang disediakan oleh pihak sukarela setelah menerima geran tahunan dan kebenaran kerajaan melalui JKMM

<sup>275</sup> Sariah Ibrahim, Setiausaha Malaysian Federation of The Deaf (MFD). Temubual pada 15 Disember 2008. Lihat juga Mfd, <http://www.mfd.org.my>, 18 Oktober 2006 dan 2 September 2008. MFD merupakan persatuan induk bagi persatuan orang pekak di Malaysia dan mempunyai beberapa ahli gabungan yang bernaung di bawahnya iaitu Persatuan Orang Pekak Perlis, Persatuan Orang Pekak Kedah Darul Aman, Persatuan Orang Cacat Pendengaran Selangor, Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang, Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur, Persatuan Ibu Bapa dan Penjaga Anak-anak Pekak Kuala Lumpur, Persatuan Orang Pekak Perak, Persatuan Orang Pekak Melaka, Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan, Persatuan Orang Pekak Johor, Kelab Pekak Kuantan Pahang, Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu, Persatuan Orang Cacat Pendengaran Kelantan, Persatuan Orang Pekak Miri Sarawak, Sarawak Society for The Deaf dan Sabah Society for the Deaf. Matlamat MFD ialah untuk mempertingkatkan taraf hidup orang pekak di Malaysia, menggalakkan perpaduan di antara organisasi orang pekak, merancang dan merangsangkan pertukaran pengalaman dan penerangan di antara organisasi orang pekak, untuk orang pekak dan untuk para pakar kepekakan, menyediakan bantuan teknikal dan nasihat kepekakan secara langsung atau tidak langsung, mengedarkan penerangan yang berhubungkait dengan kepekakan dan keperluan orang pekak dalam bentuk bahan percetakan dan media yang lain, dan melicinkan segala usaha orang pekak dalam menyumbang ke arah pertumbuhan kekayaan budaya orang pekak di negara ini.

MFD contohnya diberi mandat untuk mewakili semua pasukan yang bergabung di bawahnya untuk menyuarakan pendapat orang pekak kepada kerajaan berkaitan isu-isu kewarganegaraan orang pekak Malaysia, dan kemajuan sistem komunikasi untuk orang pekak seperti bahasa isyarat. Persatuan ini ditadbir sepenuhnya oleh orang pekak dengan bantuan beberapa pegawai dan penasihat yang boleh mendengar untuk memberikan pendapat kepada orang pekak tersebut.<sup>276</sup>

MFD juga menjadi satu-satunya persatuan orang pekak yang telah melancarkan siri solat untuk orang pekak dalam bentuk VCD sebagai usaha meningkatkan kefahaman orang pekak dalam melaksanakan ibadat solat. Selain itu MFD turut menganjurkan Seminar Mengenai Isu Dan Keperluan Warga Pekak Islam dengan kerjasama badan dakwah lain.<sup>277</sup>

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) ditubuhkan pada 6 Ogos 1972 dan diasaskan oleh sekumpulan belia Islam yang aktif untuk mewujudkan satu gerakan belia yang berorientasikan dakwah.<sup>278</sup> Ia merupakan sebuah pertubuhan Islam yang lazimnya dikaitkan secara langsung dengan kebangkitan Islam atau dakwah di negara ini.<sup>279</sup>

ABIM bergerak di atas kemantapan asas fikir berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah dan menolak pendekatan sesetengah pendukung Islam yang ghairah menjadi penghukum. Mereka juga mengambil pendekatan mengamalkan sikap terbuka dalam perjuangan harakirinya yang memungkin berlakunya dialog dengan golongan bukan Islam. Ia mengukuhkan kedudukannya dalam ruang dakwah negara dengan menjalankan pelbagai

---

<sup>276</sup> Siti Zubaidah Mat Lani, Pembantu Program, Malaysian Federation of The Deaf (MFD). Temubual pada 15 November 2007

<sup>277</sup> Khairiyah binti Sharudin, "Persepsi Orang Pekak Terhadap Dakwah: Kajian Di Persekutuan Orang Pekak Malaysia, Puchong, Selangor" (Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, UM), h. 20

<sup>278</sup> *Risalah ABIM: Gerakan Islam di Malaysia, Satu Tinjauan Sepintas Lalu (1980)*, Biro Penerangan ABIM Pusat, h. 25

<sup>279</sup> Badlishisham Mohd Nasir (2000), *Dakwah Gerakan Islam Tanahair: Sorotan Terhadap PAS, ABIM dan JIM, Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*, Ahmad Redzuwan Mohd Yunus *et.al* (ed.), Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, UKM, h. 9

aktiviti yang memberi manfaat kepada pelbagai golongan sasar.<sup>280</sup> ABIM turut menyumbang kepada dakwah terhadap orang pekak terutamanya melalui penglibatan tenaga penceramah dalam program-program berkaitan orang pekak dalam Malaysia.

Kewujudan persatuan dan pertubuhan NGO yang terlibat dalam memberi perkhidmatan kepada orang pekak bukan sahaja membantu memenuhi keperluan mereka malah mampu menjadi mata dan telinga kepada badan kerajaan dalam usaha menambah baik perkhidmatan tersebut. Resmi warga pekak yang gemar menyertai persatuan kerana berasa lebih dekat dengan rakan sekumpulan memudahkan usaha ini.

### **3.2 Institusi Kerajaan Yang Terlibat Dengan Orang Pekak di Terengganu**

Badan kerajaan yang terlibat dengan orang pekak terbahagi kepada dua iaitu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Dua institusi kerajaan yang terlibat secara langsung dengan orang pekak ialah Bahagian Pendidikan Khas, Sekolah Menengah Ibrahim Fikri dan Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang (BPKM) Pulau Kerengga, Marang. Manakala institusi yang terlibat secara tidak langsung kepada orang pekak khususnya dalam pelaksanaan program dakwah ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu, Jabatan Pendidikan Khas Negeri Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu, Yayasan Islam Terengganu dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Terengganu.

---

<sup>280</sup> Ab. Aziz Mohd Zin *et al.* (2006) *op. cit.*, h. 169-182. ABIM telah mewujudkan Biro Dakwah, Penerangan, Perhubungan, Pendidikan, Kebajikan, Ekonomi dan Penerbitan untuk menjalankan pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti penubuhan Taski, Sekolah Rendah Islam, Sekolah Menengah Islam, Kelas Tahfiz, Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam, mengadakan usrah, tamrin, program pada saudara baru, serta program pembangunan remaja.

### 3.2.1 Terlibat Secara Langsung

#### a. Bahagian Pendidikan Khas, Sekolah Menengah Ibrahim Fikri

Sekolah ini mula dinamakan Sekolah Menengah Seberang Takir yang dibina di atas sebidang tanah seluas 11,9093 ekar di Lot 6860 dalam Mukim Kuala Nerus pada tahun 1965. Pada 23 Jun 1966 Sekolah Menengah Seberang Takir dibuka dengan rasminya oleh YB. En. Mohd. Khir Johari, Menteri Pelajaran Malaysia pada masa itu. Sekolah ini ditukar nama kepada SM Ibrahim Fikri pada tahun 1978 bagi mengenangkan jasa Allahyarham Tan Sri Ibrahim Fikri, bekas Menteri Besar Terengganu pada (1961-1973). Pada tahun 1977, kelas pendidikan khas cacat pendengaran telah ditubuhkan untuk pelajar-pelajar cacat pendengaran di Terengganu.<sup>281</sup>

Program Integrasi Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) di SMK Ibrahim Fikri pula bermula pada tahun 1978. Pemilihan SMKIF sebagai sekolah integrasi dibuat kerana lokasinya yang bersesuaian dan keupayaan fizikal sekolah yang lengkap untuk menampung keperluan pelajar.<sup>282</sup>

Program ini bermula untuk peringkat sekolah menengah rendah (tingkatan 1 hingga 3). Pada awal penubuhannya, hanya terdapat sebuah kelas dengan bilangan pelajar seramai lapan orang. Seorang guru dilantik untuk membimbing pelajar-pelajar ini. Mereka telah diintegrasikan bersama-sama pelajar normal di dalam kelas biasa dengan dibantu oleh guru pendidikan khas sebagai pembimbing.<sup>283</sup>

Program Integrasi Pendidikan Khas SMKIF diuruskan oleh bahagian Pendidikan Khas SMKIF yang terdiri dari seorang penyelia dan guru-guru pendidikan khas. Terdapat sembilan orang guru siswazah yang mendapat latihan dalam pendidikan khas iaitu lima

---

<sup>281</sup> *Majalah Sekolah Al-Fikri*, SMKIF, Edisi 2006, h.10

<sup>282</sup> Faridah Awang, Penyelarasan Program Pendidikan Khas, Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri, Kuala Terengganu. Temubual pada 12 November 2008

<sup>283</sup> Pamphlet SMKIF

lelaki dan empat orang guru perempuan. Manakala guru siswazah tanpa latihan pendidikan khas terdiri dari empat orang guru perempuan selain seorang guru bukan siswazah menjadikan jumlah keseluruhan guru adalah seramai 14 orang. Jumlah keseluruhan pelajar yang merangkumi tingkatan satu hingga lima adalah 89 orang dan berubah mengikut keadaan semasa.<sup>284</sup>

Guru pendidikan Islam yang ada di SMKIF merupakan guru Pendidikan Islam bukan dari opsyen Pendidikan Khas. Ini bermakna guru tersebut terpaksa mempelajari bahasa Isyarat iaitu keperluan utama untuk pengajaran kepada pelajar bermasalah pendengaran selepas ditempatkan di sekolah ini.<sup>285</sup>

Pelajar pendidikan khas di sini dan di seluruh negara menggunakan modul atau silibus pelajaran yang sama dengan pelajar normal. Ia kadangkala menyebabkan dilema dikalangan guru sama ada untuk berusaha menghabiskan silibus atau memberi pelajar faham sesuatu pelajaran terlebih dahulu. Secara amnya, keputusan peperiksaan pelajar pendidikan khas berada di tahap lemah lebih-lebih lagi jika ia melibatkan subjek yang abstrak seperti Pendidikan Islam.<sup>286</sup>

Sebagai sekolah menengah tunggal di Terengganu yang mempunyai program pendidikan khas, ia turut melibatkan pelajar normal dalam proses pembelajaran pelajar bermasalah pendengaran.<sup>287</sup> Penubuhan kelab Kod Tangan Bahasa Melayu yang dibuka kepada pelajar normal memberi peluang kepada mereka mempelajari bahasa isyarat

---

<sup>284</sup> Roslan Awang, Pengetua SMKIF. Temubual pada 12 November 2008

<sup>285</sup> Keluaran Khas Kementerian Pelajaran (2008), "Pendidikan Holistik Pendidikan Khas", *Utusan Malaysia*, 30 Oktober 2008. Walaupun Jabatan Pendidikan Khas berusaha menambah guru terlatih dalam pendidikan khas, namun masih banyak kelompondan yang perlu dipenuhi dalam subjek Pendidikan Islam. Malah elauun guru Pendidikan Khas turut ditambah menjadi RM250 sebulan berbanding RM100 sebulan dalam Bajet 2008

<sup>286</sup> Faridah Awang, Penyelaras Program Pendidikan Khas, Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri, Kuala Terengganu. Temubual pada 24 November 2008

<sup>287</sup> Sila rujuk bahagian pengenalan orang pekak di bab 2 untuk mengetahui lebih jelas berkaitan penggunaan istilah pekak dan bermasalah pendengaran.

seterusnya mengurangkan jurang komunikasi antara pelajar pendidikan khas dan pelajar normal.<sup>288</sup>

Pelajar-pelajar normal juga bertindak menjadi pemudahcara atau jurubahasa kepada pelajar bermasalah pendengaran dalam memahami pelajaran mereka lebih-lebih lagi jika ia melibatkan perkara-perkara abstrak. Malah mereka turut membantu dalam perkara berkaitan dakwah iaitu membantu menunjukkan cara solat yang betul, mengingatkan tentang masa solat dan sebagainya.<sup>289</sup> Ia lebih mudah kerana rakan sebaya mempunyai ruang masa bersama yang lebih lama iaitu di asrama dan sekolah berbanding dengan guru yang hanya ditemui ketika waktu persekolahan.<sup>290</sup>

Guru-guru bahagian pendidikan khas sentiasa berusaha mendekatkan diri dengan pelajar bermasalah pendengaran kerana secara psikologinya mereka lebih sensitif daripada pelajar normal.<sup>291</sup> Pelajar biasanya akan berkongsi masalah dengan rakan-rakan sahaja namun turut berkongsi dengan guru jika dirasakan boleh dipercayai. Oleh itu, guru-guru perlu mempunyai kemahiran atau strategi untuk mendekatkan diri kepada pelajar. Mereka biasanya menggunakan pendekatan yang lebih terarah kepada dakwah iaitu memudahkan berbanding menyusahkan pelajar selagi mana mereka tidak melanggar peraturan sekolah. Contohnya peraturan untuk pulang ke rumah kepada pelajar pendidikan khas lebih fleksibel agar mereka sentiasa berada dalam keadaan bersedia bila berada di sekolah. Ia berkesan dan terbukti tahap disiplin pelajar pendidikan khas juga amat baik dan tiada sebarang salah laku serius yang dilakukan. Jika ada salah laku yang dilakukan ia biasanya terjadi di luar

---

<sup>288</sup> Mohd. Fauzi Ahmad, Pelajar Tingkatan Empat SMKIF. Temubual pada 12 November 2008

<sup>289</sup> Mohd Sofiuddin bin Razali, Pelajar Tingkatan Lima SMKIF. Temubual pada 13 Ogos 2007

<sup>290</sup> Shamsiah bt Ab Hamid, Guru agama, SMKIF, Kuala Terengganu. Temubual pada 12 November 2008

<sup>291</sup> Sila rujuk bahagian psikologi orang pekak di bab 2 untuk mendapatkan lebih pemahaman berkaitan psikologi mereka

kawasan sekolah dan pada waktu cuti sekolah kerana terpengaruh dengan persekitaran berbeza.<sup>292</sup>

Oleh itu, pelbagai program<sup>293</sup> telah diatur oleh pihak sekolah sama ada berbentuk dakwah atau lebih kepada memberi pengalaman sosial kepada pelajar. Antaranya ialah Kursus Imam dan Bilal, Majlis sambutan hari kebesaran dalam Islam (Maulidur Rasul, Maal Hijrah, Hari Raya, Sambutan Ambang Ramadhan dan Sambutan Isra' dan Mikraj), solat berjemaah setiap waktu zohor, kelas Fardhu Ain berkala dan bacaan al-Quran setiap pagi.<sup>294</sup>

Program-program ini kebiasaannya mendapat peruntukan kewangan daripada Kementerian Pelajaran. Malah terdapat juga program yang dijalankan dengan kerjasama persatuan orang pekak di Terengganu. Program biasanya berlangsung di kawasan sekolah atau pusat kursus tertentu dalam masa dua hingga tiga hari.<sup>295</sup>

## ii. Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang (BPKM) Pulau Kerengga, Marang

Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang (BPKM) dibuka pada 24 Mac 1985 dibawah kelolaan Jawatankuasa Pembangunan Manusia Negeri Terengganu. Ia dilaksanakan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dengan pengawasan Lembaga Tadbir Taman Rahmat dan Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang.<sup>296</sup> Bengkel ini terbuka kepada pelatih cacat anggota, cacat penglihatan, cacat pendengaran dan terencat akal ringan. Belia dan

---

<sup>292</sup> Meriam bt Omar, Guru agama, SMKIF, Kuala Terengganu. Temubual pada 12 November 2008

<sup>293</sup> Maklumat lanjut berkaitan program akan dijelaskan dalam bab 4, bahagian program dakwah

<sup>294</sup> Mohamad b. Abd Rahman, Guru agama, SMKIF, Kuala Terengganu. Temubual pada 12 November 2008

<sup>295</sup> Tengku Noriani bt Abd Rahman, Guru agama, SMKIF, Kuala Terengganu. Temubual pada 12 November 2008

<sup>296</sup> Khamzah bt Mohd, Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat, JKM Kuala Terengganu. Temubual pada 20 Jun 2007

beliawanis dari keluarga yang miskin/gagal/tercicir di dalam pendidikan juga dipertimbangkan untuk kemasukan.<sup>297</sup>

Seramai 100 orang pelatih boleh diterima pada satu-satu masa iaitu dengan kadar 70 orang lelaki dan 30 orang wanita. Antara syarat kemasukan ialah rakyat negeri Terengganu yang berumur 15 hingga 40 tahun dan sihat tubuh badan. Mereka juga perlu mendapatkan kelulusan daripada Pengarah kebajikan Masyarakat terlebih dahulu dengan setiap permohonan perlu dibuat melalui pegawai kebajikan masyarakat daerah yang berdekatan. Setiap peserta pula disediakan kemudahan tempat tinggal dan makan percuma disamping disediakan elaun sebanyak RM80.00 sebulan.<sup>298</sup>

Bengkel ini diuruskan oleh seorang pengurus dengan dibantu oleh 15 orang kakitangan. Sumber kewangan untuk pentadbiran dan pengurusan bengkel diperolehi daripada kerajaan negeri.<sup>299</sup> Objektif penubuhan bengkel ini adalah untuk memberi latihan dan peluang pekerjaan kepada semua kategori orang-orang cacat dan juga belia/beliawanis dari keluarga yang miskin/gagal/tercicir di dalam pendidikan selain membimbing pelatih ke arah berdikari dan disiplin diri. Ia juga bermatlamat untuk mendedahkan pelatih-pelatih kepada kaedah kerja pengeluaran dan pemasaran dalam usaha meningkatkan pendapatan mereka.<sup>300</sup>

Antara latihan kemahiran yang disediakan oleh bengkel ini ialah pertukangan kayu perabot, kimpalan/pagar dawai dan jahitan. Selain itu, mereka juga disediakan aktiviti seperti nasihat dan kaunseling, latihan sambil bekerja, penempatan kerja, sukan/riadah, perubatan dan kesihatan serta aktiviti kerohanian.<sup>301</sup>

---

<sup>297</sup> Pamphlet Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang

<sup>298</sup> Nik Mohd Latif Nik Man, Penolong Pegawai Latihan Vokasional Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang (BPKM) Pulau Kerengga, Marang. Temubual pada 21 Jun 2007

<sup>299</sup> *Ibid.*

<sup>300</sup> Fauzi Fatah, Pegawai Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang (BPKM) Pulau Kerengga, Marang. Temubual pada 21 Jun 2007

<sup>301</sup> Pamphlet Bengkel Kebajikan Marang, *op. cit.*



Kebiasaannya pelatih bengkel ini aktif dalam sukan dan terlibat dalam pelbagai program anjuran bengkel atau JKM. Oleh kerana bengkel ini mengumpulkan pelatih daripada kecacatan pelbagai maka setiap program yang dilaksanakan adalah secara umum sahaja.

Program dakwah anjuran bengkel misalnya akan melibatkan semua peserta dari pelbagai kecacatan. Oleh itu penceramah menggunakan pendekatan berceramah secara umum dan menerangkan perkara-perkara asas dalam Islam kerana khuatir ceramah yang disampaikan tidak kena dengan sasaran. Setiap penceramah yang dijemput kebiasaannya menerima bayaran saguhati mengikut kesediaan pihak pentadbir. Ini kerana setiap program yang dilaksanakan mendapat dana bantuan daripada pihak bengkel dan JKM.<sup>302</sup>

Oleh kerana bengkel ini kekurangan tenaga pakar dari sudut jurubahasa isyarat maka ia memberi masalah untuk memahami keperluan pelatih pekak. Personaliti mereka yang agak sensitif juga menyebabkan petugas bengkel perlu lebih memahami mereka. Kekurangan ini juga menyebabkan ada perancangan untuk menghantar pelatih pekak ke kelas Fardhu Ain, Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu untuk memaksimumkan pelajaran mereka dalam fardhu ain.<sup>303</sup>

---

<sup>302</sup> Ahmad Irham b. Mohd, Pembantu Hal Ehwal Islam, Unit Dakwah Yayasan Islam. Temubual pada 20 Jun 2008

<sup>303</sup> Mohd. Amin bin Shafie, Pegawai Hal Ehwal Agama Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang. Temubual pada 13 November 2008. Ia selari dengan temubual bersama Ustaz Saifullah Yuslizam Yakar, Guru Agama di PKPT di mana Ustaz Amin berbincang tentang penghantaran pelatih bengkel ke kelas-kelas Fardhu Ain anjuran PKPT

### 3.2.2 Terlibat Secara Tidak Langsung

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu mempunyai fungsi yang sama sepertimana Jabatan Kebajikan pusat yang bertempat di Kuala Lumpur dan negeri-negeri lain. JKM melaksanakan pendaftaran orang pekak, memberi bantuan kewangan (dalam bentuk dana) dan khidmat nasihat serta hal-hal berkaitan perkhidmatan kepada orang pekak.<sup>304</sup>

Jabatan Pendidikan Khas Negeri Terengganu pula membantu sekolah yang melaksanakan program inklusif dan integrasi di sekolah masing-masing dari sudut penempatan pelajar, pemberian dana bantuan dan sebagainya.<sup>305</sup>

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu pula berfungsi merangka program-program yang akan dilaksanakan kepada masyarakat awam. Malah, jabatan akan bergabung tenaga dengan institusi yang terlibat dengan orang pekak secara langsung dalam melaksanakan sesuatu program. Kelas agama anjuran PKPT misalnya mendapat sokongan padu daripada JHEAT. Jabatan ini mula ditubuhkan pada tahun 1912 M/1331 H dengan nama Pejabat Pesuruhjaya Agama Dan Keadilan.

Antara objektifnya ialah untuk melahirkan masyarakat yang menjadikan Islam sebagai cara hidup meliputi aspek-aspek akidah, akhlak, ekonomi, sosial, pendidikan dan kebudayaan, menegak keadilan mengikut hukum-hukum Islam serta mengawal dan membasmi kemungkaran murtad, maksiat, khurafat dan lain-lain yang menjejaskan kesucian Islam. Terdapat pelbagai bahagian yang mempunyai fungsi-fungsinya yang

---

<sup>304</sup> Fungsi JKM Terengganu sama seperti JKM Pusat dan boleh dirujuk di bahagian pengenalan; Institusi Terlibat Dengan Orang Pekak di Malaysia

<sup>305</sup> Fungsi Jabatan Pendidikan Khas Negeri Terengganu sama seperti Jabatan Pendidikan Khas pusat dan boleh dirujuk di bahagian pengenalan; Institusi Terlibat Dengan Orang Pekak di Malaysia

tersendiri namun bahagian dakwah merupakan bahagian yang paling banyak terlibat dalam pelaksanaan program berbentuk dakwah di Terengganu.<sup>306</sup>

Antara fungsi bahagian dakwah ialah mengurus semua aktiviti keagamaan seperti permohonan kelas pengajaran, ceramah, kuliah, kursus-kursus, forum, usrah, seminar, simposium dan lain-lain, menyediakan majalah, risalah dan sebaran penerangan keagamaan kepada masyarakat, mengurus hari-hari perayaan agama seperti Majlis Tilawah, Maal Hijrah, Maulidur Rasul dan sebagainya, memberi khidmat kaunseling kepada pesakit di hospital serta mengurus kebajikan Saudara Baru.<sup>307</sup>

JHEAT juga sangat mengambil berat kepada dakwah terhadap orang pekak dengan memberi arahan supaya para pendakwah di jabatan ini berusaha mempelajari bahasa isyarat untuk memudahkan proses dakwah dilakukan.<sup>308</sup>

Malah Negeri Terengganu menjadi satu-satunya negeri yang mempraktikkan terjemahan bahasa Isyarat untuk Khutbah Jumaaat di Masjid Al-Abrar, Seberang Takir, Terengganu hasil usaha JHEAT. Jurubahasa Isyarat ini dibayar oleh JHEAT dengan kiraan RM100 sejam x 1 jam dan dibayar secara mengumpulkan ia kepada 4 jam setiapkali bayaran.<sup>309</sup>

---

<sup>306</sup> Samsiah bt Hj. Awang, Ketua Penolong Pesuruhjaya (Dakwah), Jabatan Hal Ehwal Agama. Temubual pada 13 April 2009

<sup>307</sup> *Ibid.*

<sup>308</sup> Memo daripada Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu kepada KPP Dakwah, no.fail: JHEAT.02-009/19bhg.2-(6), bertarikh 24 Mei 2007 untuk perkara iv) mempelajari bahasa isyarat. Pihak unit dakwah bersetuju untuk mengambil perjalanan untuk memaklumkan agar para mubaligh, guru pelawat dan juga guru agama mempelajari bahasa isyarat. Tindakan akan diambil untuk mengadakan kelas atau mencari tempat pengajaran bahasa isyarat untuk dimaklumkan kepada mereka.

<sup>309</sup> Memo bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, kepada Bendahari BERKAT, daripada Penolong Pesuruhjaya (Dakwah & Tarbiyah), no. Fail: JHEAT.02-009/19 Bhg. 2 (45) bertarikh 9 April 2008 bertajuk 'Tuntutan Imbuhan Jurubahasa Isyarat' di bawah peruntukan sewa menara masjid oleh ustaz Saifullah Yuslizam Yakar, Jurubahasa Isyarat (khutbah) bagi bulan Mac berjumlah RM400. Ustaz Saiful merupakan Pegawai Komunikasi Komuniti di PKPT dengan gaji pokok RM1500. Bayaran sebagai jurubahasa khutbah sebanyak RM100 sejam berlangsung selama 1 jam setiapkali khutbah.

Walaubagaimanapun, tidak semua permohonan daripada pihak persatuan diterima oleh JHEAT memandangkan ia hanya berperanan untuk memberi konsultasi program agama kepada masyarakat. Fungsi memberikan dana adalah dibawah tanggungjawab pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Terengganu (MAIDAM).<sup>310</sup>

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Terengganu (MAIDAM) ditubuhkan pada tahun 1949 apabila Undang-undang Bil.1 Tahun 1949 diwartakan pada 16 Februari tahun yang sama. Fungsi utamanya ialah bertujuan untuk membantu dan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam semua perkara yang berhubung dengan hal ehwal Islam dan adat Melayu amnya. Misinya ialah untuk memastikan MAIDAM menjadi sebuah Institusi Majlis Agama Islam yang unggul dan cemerlang di Malaysia. MAIDAM juga memastikan agar pengurusan dan perjalanan hal ehwal Islam di negeri ini berada pada landasan yang betul. Ia juga berusaha untuk mempertingkatkan dan meneguhkan sosio-ekonomi umat Islam selain memastikan harta-harta Islam terpelihara, berkembang dan membangun sesuai menurut tuntutan syara'.<sup>311</sup>

MAIDAM turut berperanan memberikan dana kepada program-program yang telah mendapat kelulusan daripada pihak JHEAT selain agihan zakat kepada yang memerlukan. MAIDAM terlibat dengan orang pekak melalui pemberian dana untuk aktiviti yang berkaitan dengan dakwah. Ia mempunyai bahagian khusus yang menyelaras pemberian bantuan kepada badan-badan NGO.<sup>312</sup> Peruntukan untuk NGO biasanya diberi dibawah

---

<sup>310</sup> Lihat surat JHEAT kepada POPT Ruj:JHEAT.02-009/19 Bhg. 2(70) bertarikh 17 Februari 2009 bertajuk Permohonan untuk mendapatkan sumbangan untuk membiayai Program Kelas fardhu ain dan Al-Quran untuk Ahli-Ahli dan Anak-Anak Persatuan Bagi Tahun 2009 berjumlah RM10 ribu ditolak kerana jabatan tiada peruntukan. Lihat juga surat permohonan daripada POPT pada 11 Februari 2009, Ruj: POPT/01-06(bil.06)/09

<sup>311</sup> Lihat Ideris Endot, Dr *et al.* (2009), "Dasar dan Sistem Pentadbiran Hal Ehwal Islam di Malaysia: Analisis Khusus Pengurusan Kewangan MAIDAM" (Kertas Kerja Bicara Dakwah Ke-VIII, UKM), h. 2

<sup>312</sup> Nur Amida Danyal, Pembantu Tadbir Unit Agihan Zakat, MAIDAM. Temubual pada 10 Januari 2009

agihan zakat untuk *fisabilillāh*.<sup>313</sup> *Fīsabilillāh* ditakrifkan kepada apa-apa kerja yang dilakukan ke arah kebaikan dan ke arah jalanNya. Oleh itu MAIDAM mengambil pendekatan apa-apa program yang membawa kebaikan akan dipertimbangkan untuk pemberian dana. Malah MAIDAM memperuntukkan sejumlah besar dana yang diberikan dengan tujuan untuk melaksanakan program dakwah dibawah agihan yang tersebut.<sup>314</sup> Namun demikian, MAIDAM tidak mencampuri urusan pentadbiran atau urusan pelaksanaan program walau menjadi antara pemberi dana terbesar bagi persatuan kerana beranggapan pihak persatuan lebih memahami keperluan dan kebajikan ahli-ahlinya.

Pemberian dana biasanya berdasarkan permohonan oleh pihak persatuan dan diberi setelah meneliti kertas kerja program tahunan.<sup>315</sup> Dana yang diberi adalah secara *one-off* iaitu setahun sekali dalam jumlah yang besar<sup>316</sup> dan boleh ditambah mengikut keperluan program yang dijalankan.<sup>317</sup>

Jelas bahawa MAIDAM memainkan peranan yang penting dalam pembangunan program-program dakwah kepada orang pekak khususnya di Terengganu. Ia sekaligus membantu survival program dakwah di Terengganu.

---

<sup>313</sup> Yaacob b. Abdullah, Penolong Setiausaha (Agihan Zakat) MAIDAM. Temubual pada 15 April 2009

<sup>314</sup> Cabutan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Zakat, Wakaf dan Baitulmal kali ke-4, 2007 pada 17 Disember 2007 bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM1.5 juta sebagai pendahuluan dibawah peruntukan *fīsabilillāh*. Jika tidak mencukupi JHEAT boleh memohon menambah bantuan berdasarkan program yang ingin dilaksanakan. Kertas cadangan telah dikemukakan kepada MAIDAM oleh Bahagian Dakwah JHEAT antaranya Program-Program Aktiviti Dakwah (RM149 ribu), Program Pembangunan Insan Saudara Kita (RM1,173,030.00), Program Kelas Fardhu Ain Untuk OKU (pekak bisu), Cacat Penglihatan dan Orang Tua sebanyak RM158,400.00.

<sup>315</sup> Yaacob b. Abdullah, *loc. cit.*

<sup>316</sup> Surat kelulusan tahun kewangan 2007 bagi POPT iaitu melibatkan kelulusan permohonan sumbangan sebanyak RM11 ribu untuk membiayai program Kelas Fardhu Ain dan Al-Quran untuk Anak dan Ahli Persatuan Ruj:MAIDAM 07-013/7/73 (2) bertarikh 11 mac 2007 dan Permohonan Sumbangan Kewangan untuk Melaksanakan Aktiviti/ Program Sepanjang tahun 2008 sebanyak RM15ribu Ruj: PKOCPT/02-01(bil:02)/08 bertarikh 2 januari 2008. Antaranya cadangan program kelas Al-Quran dan Fardhu Ain tiap-tiap hari Jumaat dan Sabtu jam 9 pagi hingga 11 tengahari untuk ahli persatuan dan dari jam 2.30ptg-4.30ptg hari Sabtu untuk anak2 ahli

<sup>317</sup> Lihat surat PKPT kepada MAIDAM bertajuk Tuntutan bagi Program Agama PKPT, Ruj: PKPT/07/PA (9) bagi bulan Disember 2007 berjumlah RM1740

Yayasan Islam Terengganu pula merupakan institusi di bawah kendalian kerajaan Terengganu yang melaksanakan pelbagai aktiviti dakwah kepada masyarakat termasuklah kepada OKU. Penubuhannya pada Ogos 1976 adalah hasil daripada Seminar Alim Ulama Negeri Terengganu. Objektif penubuhannya adalah sebagai membantu Majlis Agama Negeri menyebarkan dakwah Islam di dalam negeri. Antara bahagiannya ialah bahagian khidmat masyarakat, dakwah, MARPA & MARPANITA dan pendidikan.<sup>318</sup>

Bahagian dakwah bertanggungjawab merancang, mengatur dan melaksanakan kegiatan dakwah antaranya termasuklah kursus Tanmiah Syaksiah Pelajar, Kursus Tanmiah Mukminah, Kursus Kepimpinan Islam, Kursus Pemantapan Kefahaman Islam dan sebagai penceramah jemputan. Bahagian ini turut terlibat sebagai penceramah jemputan kepada golongan OKU di Bengkel Pemulihan Marang. Walaupun merupakan antara badan dakwah utama di Terengganu, namun unit dakwahnya tidak pernah melaksanakan sebarang program dakwah khusus kepada orang pekak kerana ketiadaan jurubahasa isyarat yang merupakan komponen penting dalam pelaksanaan dakwah kepada orang pekak.<sup>319</sup>

### **3.3 Instituti Bukan Kerajaan (NGO) Yang Terlibat Dengan Orang Pekak di Terengganu**

Secara jelas, tidak banyak NGO yang ditubuhkan khusus untuk orang pekak di Terengganu. Hanya terdapat dua buah persatuan untuk orang pekak iaitu Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu (PKPT) dan Persatuan Orang Pekak Terengganu (POPT). POPT merupakan pecahan daripada PKPT dan mula membawa haluan sendiri sejak tahun 2004. Ini bermakna orang pekak di Terengganu berpecah kepada dua persatuan yang menaungi mereka. Badan-badan dakwah NGO seperti ABIM dan MFD pula hanya

---

<sup>318</sup> Pamphlet Yayasan Islam Terengganu

<sup>319</sup> Mohd Ezri b. Abd Rahman, Penolong Pengarah Dakwah Yayasan Islam Terengganu. Temubual pada 16 April 2009

bekerjasama dengan pihak persatuan dan institusi lain untuk melaksanakan sebarang aktiviti dakwah manakala institusi tersebut akan menjadi penganjur utama.<sup>320</sup> Kerjasama ini termasuklah dalam memberi bantuan kewangan, tenaga pakar atau khidmat nasihat.

a. Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu (PKPT)

PKPT telah didaftarkan pada 20 Jun 1974 atas idea Tuan Hj Mohamad yang mempunyai anak cacat pendengaran dan menjadi pengerusi PIBG Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman 1, Kuala Terengganu. PKPT menjalankan aktiviti di waktu petang dan hujung minggu di kelas integrasi cacat pendengaran sekolah tersebut.<sup>321</sup>

Pada tahun 1998, persatuan ini berpindah ke Taman Awam Tok Jembal, Kuala Terengganu. Berkat kesungguhan persatuan ini, pada 30 Januari 2001, Jabatan Pendidikan Terengganu telah menyerahkan sebuah bangunan yang tidak lagi digunakan di Sekolah Kebangsaan Gong Kapas, Kuala Terengganu. Bangunan ini terdiri daripada beberapa bahagian seperti pejabat, dewan belajar, dapur, dewan makan, asrama perempuan dan asrama lelaki.<sup>322</sup>

PKPT telah mengembangkan skopnya bukan sahaja untuk warga pekak malah ia turut dibuka kepada keluarga mereka dan juga individu yang menghadapi kecacatan yang lain seperti kecacatan anggota dan kecacatan penglihatan dan kini jumlah ahlinya menjangkau lebih daripada 200 orang.<sup>323</sup> Persatuan ini juga berjaya menjalin hubungan yang rapat dengan Jabatan Pelajaran Kuala Terengganu, Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan Majlis Kebajikan Terengganu selain Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.<sup>324</sup>

---

<sup>320</sup> Saifullah Yuslizam bin Yakar, Mubaligh sepenuh masa di PKPT. Temubual pada 7 November 2008

<sup>321</sup> Ismail Muda, Presiden PKPT, Temubual pada 17 Jun 2007

<sup>322</sup> <http://www.epekak.net.my>, pada 21 Ogos 2006

<sup>323</sup> Laporan Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu (2000)

<sup>324</sup> Sit bin Ching, Penolong Pegawai Masyarakat JKM Kuala Terengganu. Temubual pada 25 Disember 2008

Sesi pembelajaran dan pengembangan bahasa dan budaya orang pekak dan pelbagai kecacatan lain diwujudkan termasuk yang melibatkan *down sindrom*, *slow learner* dan cacat penglihatan. Guru-guru terlatih dan ahli keluarga turut terlibat dalam sesi ini. PKPT juga menyediakan perkhidmatan sosial untuk ahlinya seperti membantu mereka mencari jodoh, perkhidmatan kaunseling, kursus perkahwinan, khidmat nasihat selepas perkahwinan dan pembentukan keluarga bahagia, membantu kanak-kanak pekak bersekolah menyiapkan kerja sekolah mereka dan memberi khidmat vokasional seperti menjahit, memasak dan memasarkan produk-produk keluaran mereka.<sup>325</sup>

Selain itu, ia juga telah melengkapkan alatan keperluan seperti perabot untuk dewan, pejabat dan alatan dapur untuk memasak, menjalankan aktiviti untuk ahli setiap hari Jumaat, memberi peluang kepada ahli menyertai program luar dengan peruntukan PKPT, menyertai Perhimpunan Remaja Pekak Sedunia di Portugal dan menyertai Sukan Orang Pekak Malaysia.<sup>326</sup>

Visi PKPT ialah untuk memperkemaskan diri orang pekak dengan memberi pelajaran agama secukupnya dan sefaham-fahamnya supaya mereka memiliki asas-asas keagamaan yang kukuh dan menjadikan mereka insan yang soleh dan berpegang kuat pada agama Islam, serta memberi pelbagai ilmu, informasi, latihan, pelajaran, vokasional, teknikal dan hal-hal yang berkaitan dengan perniagaan kepada mereka. Ia juga bermatlamat untuk menjadikan warga pekak dan lain-lain kecacatan sebagai seorang individu yang berdikari, dimana masyarakat tidak akan memandang rendah kepada mereka dan mengelakkan mereka daripada bergantung kepada orang lain serta menjadikan mereka insan yang mampu menyumbang kepada masyarakat.<sup>327</sup>

---

<sup>325</sup> Observasi Penulis di PKPT bermula Januari- Disember 2008

<sup>326</sup> Ismail Muda, Presiden PKPT. Temubual pada 15 Mac 2007

<sup>327</sup> Laporan PKPT, *op. cit.*



PKPT ditadbir oleh beberapa ahli yang komited dengan tanggungjawab untuk menyediakan persekitaran yang lebih baik buat orang pekak. Mempunyai orang pekak dari pelbagai tahap, PKPT dipengerusikan oleh En. Ismail Muda dengan dibantu oleh Pn. Kutong bt Othman. PKPT juga komited dalam melaksanakan tugas-tugas dakwah kerana 99% ahlinya merupakan orang pekak Muslim.<sup>328</sup> Ia dibuktikan dengan menjadi satu-satunya persatuan orang pekak yang mempunyai mubaligh sepenuh masa yang mampu berbahasa isyarat di Malaysia iaitu Ustaz Saifullah Yuslizam bin Yakar.<sup>329</sup>

Sebagai sebuah persatuan, PKPT bertindak sebagai pemudahcara orang pekak dengan masyarakat awam. Ia menyediakan pelbagai program untuk kemaslahatan orang pekak dan ahli keluarga mereka. PKPT lebih menitikberatkan program keagamaan kerana merasakan ia akan lebih membantu menambah keyakinan ahli dalam menjalani kehidupan mereka.<sup>330</sup>

Antara bentuk program agama yang dilaksanakan di PKPT ialah sambutan hari kebesaran dalam Islam (sambutan hari raya, Ihya Ramadhan, Maulidur Rasul, Maal Hijrah), kelas Fardhu Ain, Kursus Perkahwinan dan ceramah bulanan.<sup>331</sup>

PKPT dapat melaksanakan program-program yang dirancang apabila mendapat peruntukan dana tahunan daripada MAIDAM dan JKM.<sup>332</sup> Mereka juga mampu mengadakan program dalam jangka masa yang kerap kerana menjadi satu-satunya persatuan pekak yang mempunyai tenaga penceramah dalaman iaitu Ustaz Saifullah

---

<sup>328</sup> Observasi penulis di PKPT pada 12 Disember 2008

<sup>329</sup> Amran b. Abu Bakar, Setiausaha PKPT. Temubual pada 17 November 2008

<sup>330</sup> Lihat Surat kepada JHEAT bertajuk Pertukaran Tempat Khutbah Jumaat Bahasa Isyarat Sempena Program Ihya Ramadhan bersama Warga Pekak dan Warga Kurang Upaya 2007/1428h, Ruj: PKPT/07/prgm/IR(37) bertarikh 19 september 2007 untuk rujukan antara program yang dijalankan PKPT. Program berlangsung pada Jumaat dan Sabtu 21, 22 september 2007 di Masjid Padang Luas, Jerreh, Terengganu.

<sup>331</sup> Jusoh b. Abdullah, ahli PKPT. Temubual pada 15 November 2008

<sup>332</sup> Surat kelulusan permohonan daripada MAIDAM bertajuk Tuntutan bagi Program Agama Anjuran dan Pelaksanaan Persatuan PKPT, Ruj: MAIDAM.07-013/7/78 (6) bertarikh 22 mac 2009. Kelulusan permohonan adalah sebanyak RM21,560.00

Yuslizam Yakar. Ia juga menjadi antara sebab utama kenapa kebanyakan program yang dijalankan bersifat *inhouse* iaitu tidak melibatkan kerjasama dengan badan NGO dan badan kerajaan lain dari segi penceramah.<sup>333</sup> Ini kerana agak sukar untuk mencari penceramah yang boleh berbahasa isyarat dan juga jurubahasa isyarat di Terengganu. Oleh kerana mempunyai kemahiran berbahasa isyarat, beliau dapat memberikan pengajaran dengan lebih baik dan berkesan.<sup>334</sup>

b. Persatuan Orang Pekak Terengganu (POPT)

Persatuan ini ditubuhkan pada tahun 1994 atas inisiatif En. Yusof Awang dengan nama Persatuan Kebajikan Orang Cacat Pendengaran Terengganu (PKOCPT). Ia kemudian bertukar nama kepada Persatuan Orang Pekak Terengganu (POPT).<sup>335</sup> Ia merupakan fragmen daripada persatuan PKPT yang kemudiannya berkembang menjadi sebuah persatuan orang pekak terbesar di Terengganu. Persatuan ini dipengerusikan dan diurus tadbir secara keseluruhan oleh warga pekak. Pengerusi persatuan iaitu Tengku Arman Harris Tengku Ismail mengemudi persatuan dengan bantuan penasihat iaitu En. Yusof Awang.<sup>336</sup>

Setelah beberapa lama berusaha, bermula 26 Julai 2000, POPT mampu memiliki premis sendiri di Kuarters Kerajaan, Batu Burok Kuala Terengganu. Premis ini dijadikan rumah persatuan dan pusat melaksanakan pelbagai aktiviti, perancangan dan tempat

---

<sup>333</sup> Saifullah Yuslizam Yakar, Pegawai Komunikasi Komuniti PKPT dan mubaligh sepenuh masa. Temubual pada 17 April 2009

<sup>334</sup> Observasi penulis yang dilakukan dalam kelas-kelas Fardhu Ain setiap hari Jumaat di PKPT.

<sup>335</sup> Laporan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Orang Pekak Terengganu (POPT) Kali Ke-9 pada 23 Januari 2009, bertempat di Dewan Mandalika, Muzium Negeri Terengganu. Lihat juga edaran surat kepada MAIDAM bertajuk Pertukaran Nama dan Logo Persatuan, no. Ruj:Popt/01-05(bil.05)/09 bertarikh 11 Januari 2009. Surat-surat POPT sebelum tarikh 23 Januari 2009 yang menjadi rujukan penyelidik masih menggunakan nama PKOCPT namun demikian secara rasminya nama POPT akan diguna pakai.

<sup>336</sup> Tengku Arman Harris Tengku Ismail, Pengerusi POPT. Temubual pada 7 November 2008

berkumpul pada hujung minggu. Rumah lot banglo ini dimanfaatkan sepenuhnya dengan bilik mensyuarat, bilik rehat, dapur, kafe siber dan bilik pendidikan anak-anak.<sup>337</sup>

Persatuan ini merupakan satu-satunya persatuan pekak di Malaysia yang tidak berada dibawah MFD. Namun demikian, usaha untuk menyerap masuk persatuan ini berjaya dilakukan pada Januari 2009.<sup>338</sup>

Objektifnya ialah untuk mengumpulkan warga pekak di Terengganu dalam satu pusat yang akan memudahkan mereka melaksanakan sebarang program. Malahan setiap ahli persatuan diusahakan untuk mempunyai pekerjaan, memiliki harta dan berkeluarga. Usaha ini dijalankan untuk mengelakkan stigma masyarakat bahawa OKU tidak pandai mengurus diri dan menjadi beban kepada masyarakat.<sup>339</sup> Malah ahli persatuan juga diberi bantuan melalui elaun pekerja cacat (EPC) dan dana bantuan dari JKM untuk memulakan sebarang perniagaan. Antara penerimanya ialah Tengku Arman sendiri yang menjadi antara pengusaha batik dari golongan pekak yang berjaya.<sup>340</sup>

Ahli persatuan yang menghampiri 300 orang merupakan orang pekak dari semua daerah di Terengganu. Malahan terdapat juga permohonan dari orang pekak Kelantan yang ingin menyertai persatuan ini. Ia dikenali sebagai sebuah persatuan yang aktif dalam menganjurkan aktiviti sosial kepada ahlinya seperti lawatan dan sukan.<sup>341</sup>

Persatuan ini juga berusaha menjaga kebajikan peserta dan juga ahli keluarga mereka kerana beranggapan pendidikan dan kebajikan anak-anak ahli adalah amat penting.

---

<sup>337</sup> Observasi penulis pada 7 November 2008

<sup>338</sup> Laporan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-9 dan Pelancaran Nama dan Logo Baru POPT (2009), Muzium Negeri Terengganu, op. cit.

<sup>339</sup> En. Yusof Awang, Penasihat POPT. Temubual pada 2 November 2008

<sup>340</sup> Penerima bantuan dana boleh dirujuk di bahagian lampiran

<sup>341</sup> Yusof Awang, Penasihat POPT. Temubual pada 15 Jun 2009

Oleh itu, mereka dalam rangka usaha untuk mewujudkan tabung pendidikan anak-anak orang pekak untuk manfaat masa depan.<sup>342</sup>

POPT mendapat suntikan dana untuk menjalankan program dakwah daripada MAIDAM secara keseluruhannya.<sup>343</sup> Namun demikian, ia juga mendapat sumbangan daripada badan korporat lain seperti UMW Toyota dan orang perseorangan.<sup>344</sup> Sumbangan dana ini digunakan untuk menguruskan aktiviti serta belanja pengurusan bangunan persatuan di Batu Burok, Terengganu.

Antara bentuk program dakwah yang dilaksanakan oleh persatuan ini adalah sambutan hari kebesaran dalam Islam (Hari raya, Ihya Ramadhan, Maulidur Rasul, Isra' Mikraj, Maal Hijrah), Kursus Kepimpinan, Kelas Fardhu Ain dan ceramah agama.<sup>345</sup>

Kesimpulannya, terdapat institusi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung kepada orang pekak. Institusi ini bukan sahaja menjaga kebajikan warga pekak, malah turut merencanakan dan melaksanakan pelbagai program berbentuk dakwah dan bukan dakwah untuk kemaslahatan orang pekak di Terengganu. Walaupun tidak sebanyak persatuan dan badan bertanggungjawab pada orang pekak di bandar besar namun institusi yang ada dilihat mampu memacu orang pekak untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan orang lain.

---

<sup>342</sup> Tengku Arman Harris Tengku Tengku Ismail, *loc. cit.*

<sup>343</sup> Surat kelulusan daripada MAIDAM bertajuk Kelulusan Permohonan Sumbangan Sebanyak RM11 ribu untuk Membiayai Program Kelas Fardhu Ain dan Al-Quran untuk Anak dan Ahli Persatuan bagi tahun 2007 Ruj:MAIDAM 07-013/7/73 (2) bertarikh 11 Mac 2007

<sup>344</sup> Laporan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-8 PKOCPT (2008), Dewan Penyayang, Taman Sinar Harapan Bukit Besar

<sup>345</sup> Laporan Perbelanjaan Program/Aktiviti POPT Yang Melibatkan Peruntukan Kewangan MAIDAM Bagi Tahun 2008

## **BAB 4**

### **PELAKSANAAN DAKWAH**

#### **KEPADA ORANG PEKAK DI TERENGGANU**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian berkaitan pelaksanaan dakwah di Terengganu. Ia sekaligus menjawab objektif kedua dan objektif ketiga iaitu mengkaji pelaksanaan dakwah terhadap orang pekak di Terengganu dan mengenal pasti masalahnya. Di samping itu, analisis terhadap program dakwah di kalangan orang pekak di Terengganu juga akan dibincangkan.

Metode yang digunapakai dalam mendapatkan data bagi bab ini ialah metode observasi, metode temubual dan metode soal selidik. Data-data dari soal selidik yang telah diedarkan dianalisis menggunakan program SPSS.<sup>346</sup> Responden kajian terdiri daripada peserta dari institusi yang dikaji (SMKIF, PKPT, POPTT dan Bengkel Pemulihan Marang)<sup>347</sup> iaitu seramai 56 orang. Sample pula dipilih berdasarkan penyertaan ketika dalam program dakwah dan mesyuarat persatuan ketika soal selidik diedarkan. Skop kajian hanya melibatkan orang pekak yang berdaftar dengan JKM serta orang pekak yang berada dibawah institusi OKU terpilih di Terengganu iaitu Bengkel Pemulihan Marang, Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fitri, Persatuan Orang Pekak Terengganu dan Persatuan Kebajikan Orang Pekak Terengganu yang terdiri dari semua paras kategori kecacatan dengan datanya diambil dari tahun 2007 hingga 2008 sahaja.

---

<sup>346</sup> Penggunaan metode untuk mendapatkan data dan analisis data secara lanjut boleh dirujuk pada bab 1

<sup>347</sup> Maklumat lanjut berkaitan institusi yang dikaji boleh dirujuk dalam bab 3

## **4.2 Program Dakwah Kepada Orang Pekak di Terengganu**

Program dakwah kepada orang pekak di Terengganu boleh diklasifikasikan kepada program secara bulanan, mingguan dan harian. Klasifikasi ini dibuat berdasarkan tempoh program yang dijalankan di institusi yang terlibat dengan orang pekak di Terengganu iaitu di PKPT, POPT, SMKIF dan Bengkel Pemulihan OKU Marang. Program yang dinyatakan tidak semestinya berlangsung sekitar institusi malah terdapat juga program yang berlangsung dengan kerjasama badan kerajaan dan NGO lain di lokasi yang berbeza.

Bentuk program agama kepada orang pekak yang telah dilaksanakan di Terengganu sepanjang tahun 2007-2008 terbahagi kepada:

- a. Program Bulanan
- b. Program Mingguan
- c. Program Harian

### **a. Program Bulanan**

Program bulanan merupakan program yang dilaksanakan pada bulan tertentu seperti Maal Hijrah yang dilaksanakan pada setiap kedatangan tahun baru. Ia meliputi program sambutan hari kebesaran dalam Islam (Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Nuzul Quran dan khatam Quran, sambutan Aidilfitri dan Aidiladha), Program Ihya' Ramadhan, Kursus Imam dan Bilal, Kursus pra perkahwinan, Majlis Tilawah Al Quran peringkat kebangsaan dan Kem Ibadat.<sup>348</sup>

Program menyambut hari kebesaran dalam Islam kebiasaannya akan dilaksanakan dengan beberapa acara yang dijalankan dalam tempoh tertentu. Antara acaranya ialah

---

<sup>348</sup> Program-program yang dinyatakan di atas merupakan antara program yang telah dilaksanakan di institusi berkaitan orang pekak di Terengganu yang merangkumi sekolah, persatuan dan bengkel.

ceramah yang disampaikan mengikut tajuk berkaitan. Ia kebiasaannya akan meliputi aspek akidah, syariah, akhlak dan sirah seperti berkaitan akhlak Rasulullah, sebab Nuzul Quran dan sebagainya. Objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada peserta dalam mengingati hari-hari kebesaran dalam Islam. Kebiasaannya ia mendapat sambutan yang baik dikalangan orang pekak kerana ia merupakan antara program yang dianjurkan diperingkat negeri.<sup>349</sup>

Selain itu terdapat juga institusi yang menyertai perarakan sempena sambutan yang dijalankan. POPT pernah memberikan kelainan dalam perarakan sambutan Maulidur Rasul dengan menggunakan *sign language* untuk mengalunkan selawat bersama peserta-peserta lain.<sup>350</sup> Ia bukan sahaja menarik perhatian pengunjung dan dif terhormat malah lebih penting memberi faham kepada masyarakat bahawa orang pekak juga mempunyai keistimewaannya dan tidak boleh dipinggirkan daripada menyertai program-program agama yang ada.<sup>351</sup>

Observasi yang dilakukan oleh penyelidik menunjukkan Program Ihya' Ramadhan pula berlangsung dalam waktu sebulan yang membabitkan peserta orang pekak. Sambutan yang diberikan amat baik kerana orang pekak memang gemarkan program yang disertakan dengan jamuan. Kebiasaannya ia akan dimulakan dengan sambutan ambang Ramadhan iaitu penyampaian ceramah serta jamuan makan berkaitan kedatangan Ramadhan dan kemudiannya disusuli Program Ihya' Ramadhan.<sup>352</sup>

---

<sup>349</sup> Mohd. Amin bin Shafie, Pegawai Hal Ehwal Agama Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang. Temubual pada 10 Mac 2009

<sup>350</sup> Yusof Awang, Penasihat POPT. Temubual pada 12 Mac 2009

<sup>351</sup> Musa bin Isa, pekerja syarikat swasta. Temubual pada 12 Julai 2007. Beliau pernah menghadiri sambutan Maulidur Rasul peringkat Kebangsaan di Kuala Terengganu dan melihat perarakan unik yang dilaksanakan oleh salah sebuah persatuan orang pekak di Terengganu yang berselawat menggunakan bahasa isyarat. Selain terhibur, ia turut menyuntik rasa keinsafan dalam diri beliau untuk lebih komited melaksanakan tanggungjawab agama.

<sup>352</sup> Observasi penulis sepanjang bulan Ramadhan 2008 di institusi-institusi berkaitan orang pekak yang terlibat dalam kajian.

Dana diperolehi daripada sumbangan orang ramai serta daripada pihak tertentu. Antara sumbangan yang biasa diterima ialah sumbangan buah Kurma dan Beras. Malah terdapat juga pihak yang menaja jamuan berbuka atau moreh.<sup>353</sup>

Menu Jamuan Berbuka Puasa kebiasaannya hidangan berat seperti nasi putih, ayam masak merah, acar rampai, sayur campur, kari daging, buah tembikai, buah kurma dan air sirap. Kebiasaannya hidangan ini akan ditempah melalui katerer yang telah dipilih oleh pihak institusi. Majlis berbuka puasa kebiasaannya menggunakan peruntukan dana daripada MAIDAM dan JKM mengikut anggaran RM10 sekepala x jumlah peserta.<sup>354</sup>

Bayaran penceramah pula ditetapkan sebanyak RM100 x 1 jam x 1 orang penceramah atau mengikut budi bicara institusi. Penceramah terdiri daripada mubaligh yang berdaftar dengan JHEAT atau guru agama institusi tersebut. Kebiasaannya institusi akan menjemput penceramah luar untuk program di bulan Ramadhan pada waktu tertentu untuk memberi variasi kepada program yang dijalankan.<sup>355</sup>

Solat terawikh dijalankan sebagai rutin setiap malam<sup>356</sup> selain qiamullail pada hujung minggu. Biasanya Imam akan membacakan surah-surah pendek untuk memudahkan makmum mengikutinya dan untuk mengelakkan mereka merasa bosan dengan bacaan yang panjang. Walaupun ada makmum yang tidak mengikuti sepenuhnya solat terawikh yang dijalankan namun kebanyakan daripadanya menunggu sehingga program selesai.<sup>357</sup> Peserta di institusi bengkel dan persatuan kebiasaannya dibantu oleh jurubahasa isyarat manakala

---

<sup>353</sup> Surat Permohonan Sumbangan Buah Kurma dan Beras ruj: PKOCPT/01-03(bil:065)07 bertarikh 22 September 2007 untuk 240 orang bagi Majlis Berbuka Puasa pada 5/10/2007

<sup>354</sup> Kertas Cadangan Untuk Majlis Berbuka Puasa PKOCPT Tahun 2007, Fail Aktiviti

<sup>355</sup> Zulkifli Muda, Dr, Penceramah Bebas. Temubual pada 2 Februari 2009

<sup>356</sup> Solat Terawikh secara tetap hanya dilakukan di institusi yang mengambil pelatih secara tetap iaitu di Bengkel Marang dan SMKIF manakala persatuan hanya menjalankan jamuan berbuka pada hujung minggu berserta solat terawikh pada hujung minggu.

<sup>357</sup> Observasi Penyelidik, loc. cit



peserta sekolah biasanya dibantu oleh pelajar normal serta para guru yang akan menjadi jurubahasa dan pengawas program.<sup>358</sup>

Peserta yang mengikuti program-program sepanjang Ramadhan dilihat mampu turut serta dalam pelaksanaan ibadah puasa di siang hari. Ini kerana mereka memahami konsep dosa dan pahala yang akan diperolehi sekiranya tidak menjalankan amanah yang telah diperintahkan.<sup>359</sup>

Kursus Pra Perkahwinan pula dijalankan oleh persatuan dengan kerjasama JHEAIT untuk bakal pasangan pengantin yang akan mendirikan rumahtangga. Objektifnya ialah untuk memberi pengetahuan dan kefahaman tentang konsep rumahtangga dalam Islam serta memberi lebih pendedahan dalam meneguhkan kefahaman orang pekak dari aspek akidah dan akhlak orang pekak. Ia sebagai panduan kepada bakal pengantin sebelum melayari alam rumahtangga. Bezanya, terdapat banyak perkara berkaitan pasangan pekak yang perlu diterangkan dengan jelas kepada mereka. Mereka akan diterangkan berkaitan tanggungjawab suami isteri, keperluan dalam rumahtangga dan sebagainya.<sup>360</sup> Peserta biasanya lebih memahami tanggungjawab masing-masing sebagai suami isteri sebelum melayari alam rumahtangga.<sup>361</sup> Biasanya jumlah peserta tidak begitu ramai kerana hanya melibatkan pasangan pekak dari seluruh Terengganu pada satu-satu masa.

Kursus Imam dan Bilal pula biasanya dianjurkan oleh sekolah bagi membantu pelajar memperkukuhkan pelaksanaan ibadah mereka melalui latih tubi dalam bacaan al-

---

<sup>358</sup> Shamsiah bt Ab Hamid, Guru agama, SMKIF, Kuala Terengganu. Temubual pada 13 Februari 2009

<sup>359</sup> Zarina Halim, 43 tahun, ahli persatuan POPT. Temubual pada 12 Disember 2009. Cik Zarina sering mengikuti program keagamaan yang dijalankan oleh pihak persatuan.

<sup>360</sup> Sailfullah Yuslizam Yakar, Guru Agama PKPT. Temubual pada 15 Disember 2008. Lihat juga Sulma Abdullah (2006), "OKU Ikuti Kursus Pra Perkahwinan Anjuran PPKI", *Utusan Malaysia*, 26 Mei 2006

<sup>361</sup> Nordin Yusuf dan Azura Zakaria, ahli persatuan POPT. Temubual pada 11 November 2008. Pasangan ini turut mengikuti kursus pra perkahwinan dan mereka menggalakkan rakan-rakan lain turut serta kerana merasakan mereka memperoleh banyak manfaat daripada kursus tersebut

Fatihah, bacaan Yasin, solat dan sebagainya.<sup>362</sup> Ia bagaikan kem ibadat namun dikhususkan kepada pemimpin sekolah. Pelajar pekak dan normal yang terpilih akan diajar untuk menjadi pemimpin bukan sahaja di dalam solat malah diluar lingkungan kehidupan. Pelajar juga akan diteliti bacaan dalam solat mereka. Bagi pelajar pekak pula, mereka hanya akan diteliti dari sudut gerakan dan bacaan asas untuk solat. Pelajar yang menyertai kursus ini kebiasaannya dapat memperbaiki bacaan dan gerakan mereka dalam solat.<sup>363</sup>

Majlis Tilawah Al Quran Peringkat Kebangsaan yang diadakan setiap tahun pula melibatkan pendidikan khas dari seluruh negara. Ia diadakan untuk menerapkan budaya kesenian Islam, meningkatkan tahap keyakinan diri, memperkembangkan bakat dan potensi pelajar dalam semua bidang kurikulum dan kokurikulum serta meningkatkan hubungan silaturrahim antara keluarga pendidikan khas. Pelajar daripada masalah pendengaran, pembelajaran dan penglihatan berjumlah 50 orang dikumpulkan dalam satu majlis yang diadakan di negeri berlainan setiap tahun. Antara acara yang dipertandingkan ialah Tilawah, Hafazan al-Quran, Bercerita Kisah Nabi, Nasyid, Azan Subuh dan Khat Jawi.<sup>364</sup>

Pelajar pekak bertanding dalam Bercerita Kisah Nabi dan juga Khat Jawi yang tidak menggunakan alunan suara untuk dilaksanakan. Kebanyakan pelajar memberikan persembahan yang sangat kreatif dengan dibantu oleh guru-guru pengiring. Pertandingan Bercerita Kisah Nabi dengan tajuk ‘Nabi Musa dan Ahli Sihir’ misalnya disampaikan dengan penuh kreatif menggunakan prop yang sesuai iaitu latar belakang padang pasir dan pemakaian ala orang Arab dengan ular sebagai prop tambahan.<sup>365</sup>

---

<sup>362</sup> Faridah Awang, *loc. cit.*

<sup>363</sup> Tg Noriani Bt Tg Abd Rahman, Guru Agama SMKIF. Temubual pada 12 November 2008

<sup>364</sup> Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Kerjasama Jabatan Pelajaran Terengganu, *Buku Aturcara Majlis Tilawah Al-Quran Pendidikan Khas Kebangsaan Kali Ke-5*, 18-21 Jun 2007

<sup>365</sup> Observasi Penulis di Majlis Tilawah Al-Quran Pendidikan Khas Kebangsaan Kali Ke-5, 18-21 Jun 2007, di UiTM Dungun, Terengganu

Malah terdapat juga peserta yang hadir dengan diiringi oleh ibubapa masing-masing yang ingin memberikan sokongan dan motivasi untuk membuat persembahan dengan lebih baik lagi. Bagi mereka, anak-anak kurang upaya memerlukan dorongan dan kepercayaan yang lebih lagi daripada ibu bapa. Disebalik mengongkong dan tidak membenarkan mereka terlibat dengan aktiviti, ibubapa yang hadir lebih suka mendorong anak-anak mereka untuk terlibat dengan aktiviti. Cara ini membantu anak-anak untuk lebih yakin dengan kehidupan.<sup>366</sup>

Kem Ibadat dilaksanakan untuk memberi latihan tubi kepada orang pekak berkaitan pelaksanaan ibadah yang lengkap. Ia juga bertujuan untuk memberi pemahaman, penerapan dan pemantapan motivasi diri dan nilai murni sendiri setiap individu dalam proses hubungan sesama insan serta dengan Allah. Ia menerapkan kaedah teori dan amali dengan visi untuk melahirkan insan berperibadi mulia dan mantap ilmu agama.<sup>367</sup>

Ia berlangsung selama 3 hari 2 malam di Taman Pertanian Negeri (Sekayu), Hulu Terengganu pada 13-15 April 2008. Antara isi kandungan program ialah ceramah bertajuk ‘Tanggungjawab Seorang Insan’, Taaruf dan Latihan Dalam Kumpulan (LDK) ‘Bina Organisasi’, Ceramah ‘Syukur dan Kepimpinan’, LDK ‘Bina Akhlak Mulia’ dan LDK ‘Nilai Diri’.<sup>368</sup>

Kem ibadat yang dilaksanakan setiap tahun ini mendapat suntikan kewangan daripada MAIDAM dan JKM. JKM meluluskan dana sebanyak RM5000 yang mewakili

---

<sup>366</sup> Adam Ibrahim, salah seorang ibu bapa peserta Majlis Tilawah Kebangsaan Kali Ke-5, 18-21 Jun 2007. Temubual pada 19 Jun 2007

<sup>367</sup> Proposal Khemah Ibadat di Taman Pertanian Sekayu, Terengganu anjuran Bengkel Oku Marang dan JKM

<sup>368</sup> Mohd. Amin bin Shafie, Pegawai Hal Ehwal Agama Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang. Temubual pada 15 November 2008

bayaran untuk sewaan chalet (untuk urusetia) dan asrama (untuk peserta), saguhati penceramah sebanyak RM100 dan jamuan makan untuk 6 kali sehari.<sup>369</sup>

Program bulanan kebiasaannya mendapat sambutan yang baik dengan disertai oleh ahli dari pelbagai peringkat.<sup>370</sup> Ini kerana program bulanan dianjurkan dalam skala yang besar dan ia merupakan medan untuk orang pekak berkumpul dan bertemu rakan-rakan. Bagi ahli yang berkeluarga, mereka biasanya akan membawa ahli keluarga bersama-sama untuk menyertai acara yang dianjurkan oleh persatuan.<sup>371</sup>

Pihak persatuan pula biasanya akan menyediakan jamuan setiap kali menganjurkan sesuatu program sebagai salah satu usaha tarikan kepada ahli untuk menyertai program yang dianjurkan. Pihak persatuan kebiasaannya mendapat dana daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM setelah melalui proses permohonan di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu<sup>372</sup> dan sumbangan daripada JKM. Sumbangan yang diperolehi kadangkala berbentuk kewangan, bahan mentah atau penyediaan penceramah.

Penceramah pula kebiasaannya menggunakan metode penceritaan dengan ayat yang mudah untuk memudahkan pemahaman sasaran yang terdiri daripada orang pekak. Tempoh ceramah kebiasaannya tidak lebih daripada dua jam kerana kebiasaannya orang pekak tidak mampu bertahan untuk mendengar satu-satu ceramah dalam tempoh yang lama. Mereka akan mula bosan dan bertindak keluar masuk dewan ceramah. Mereka juga amat menggemari penceramah yang pandai membuat lawak dan tidak terlalu formal.<sup>373</sup> Malah

---

<sup>369</sup> Surat Kelulusan JKM kepada Bengkel OKU Marang berkaitan penganjuran Khemah Ibadat di Taman Pertanian Sekayu Ruj: JKMN.Trg.100/02/2 Jld. 3 (1), bertarikh 1 April 2008.

<sup>370</sup> Observasi penulis, *op. cit.*

<sup>371</sup> Azura Zakaria, isteri salah seorang peserta program agama di PKPT. Temubual pada 7 November 2008. Beliau berpendapat perlu untuk ikut serta dalam program kerana ia memberi banyak faedah contohnya berpeluang untuk bertanya kemusykilan dalam masalah agama. Selain itu, ia memberi mereka peluang untuk bersosial bersama rakan wanita lain.

<sup>372</sup> Samsiah bt. Haji Awang, Ketua Penolong Pesuruhjaya (Dakwah), Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Temubual pada 5 Mac 2009

<sup>373</sup> Observasi penulis, sepanjang tahun 2007-2008 di institusi orang pekak di Terengganu

ada juga penceramah yang menggunakan bantuan multimedia untuk memberi lebih variasi dalam penyampaian ceramah mereka. Ia secara tidak langsung dapat menarik minat audien yang terdiri dari orang pekak khususnya dan orang kurang upaya amnya untuk mengikuti program yang disampaikan dengan pemahaman yang lebih maksimum. Penceramah terdiri daripada penceramah jemputan secara sukarela atau dengan bayaran.<sup>374</sup>

b. Program Mingguan

Program mingguan dilaksanakan pada waktu hujung minggu atau selang seminggu yang terdiri daripada Khutbah Jumaat, Program Pembelajaran Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan Kelas Fardu Ain. Khutbah yang dilaksanakan setiap kali Solat Jumaat akan dialih bahasa ke Bahasa Isyarat oleh jurubahasa untuk memberi kemudahan kepada orang pekak memahami apa yang ingin disampaikan oleh Khatib. Masjid Al-Abrar, Seberang Takir, Terengganu merupakan satu-satunya masjid yang menggunakan khidmat jurubahasa untuk khutbah selepas Masjid Sultan Zainal Abidin Ladang menamatkan perkhidmatan ini setelah kekurangan jurubahasa isyarat di Terengganu.<sup>375</sup>

Sesuai dengan perkembangan dunia digital, masjid-masjid di Terengganu mula menggunakan Khutbah Jumaat secara multimedia.<sup>376</sup> Slaid khutbah ditayangkan untuk memudahkan orang ramai lebih memahami khutbah yang disampaikan manakala Imam pula membacakan khutbah daripada komputer riba. Namun demikian, masih terdapat masalah kerana tidak semua jemaah memahami khutbah yang disampaikan secara langsung

---

<sup>374</sup> Ahmad Irham bin Mohd, Pembantu Hal Ehwal Islam (unit Dakwah), Yayasan Islam Terengganu. Temubual pada 18 Disember 2008

<sup>375</sup> Saifullah Yuslizam b. Yakar, Mubaligh sepenuh masa di PKPT. Temubual pada 8 Mei 2008

<sup>376</sup> Kerajaan Negeri Terengganu (2008), *Memahat Sejarah Mencipta Tamadun; Suatu Perjalanan*, h.37

atau melalui bantuan multimedia lebih-lebih lagi orang pekak. Terdapat orang pekak yang tidak mampu membaca tulisan yang dipaparkan dan hanya boleh berbahasa isyarat.<sup>377</sup>

Ia selari dengan pendapat Radziewicz dan Antonellis menyatakan bahawa orang pekak banyak bergantung kepada penglihatan untuk memasukkan maklumat dalam fikiran, oleh itu mereka banyak bergantung pada imej berbanding dengan bunyi. Mereka dikatakan terserlah dalam perkara yang konkrit berbanding abstrak. Bahasa isyarat lebih berbentuk konkrit kerana dilahirkan berdasarkan dunia penglihatan orang pekak.<sup>378</sup> Walaupun khutbah multimedia boleh diklasifikasikan sebagai bahan berbentuk visual, namun kelemahannya masih ketara kerana terdapat orang pekak yang tidak pandai membaca.

Atas usaha JHEAT, Jurubahasa Isyarat dilantik setiap kali Khutbah Jumaat diperdengarkan.<sup>379</sup> Bayaran diberikan mengikut jam bekerja iaitu RM100 x 1 Jam. Khutbah Jumaat yang dialih bahasa Isyarat berlangsung selama 1 jam setiap hari Jumaat di Masjid Al-Abrar, Seberang Takir sahaja. Wang saguhati ini diberi dibawah peruntukan Menara Masjid JHEAT.<sup>380</sup> Masjid Al-Abrar menjadi pilihan utama kerana kedudukannya yang berdekatan SMKIF yang mempunyai pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran. Malah terdapat juga komuniti orang pekak di kampung-kampung berhampiran.

---

<sup>377</sup> Talib bin Abdul Rahman, Pensyarah Universiti Darul Iman dan pendakwah orang pekak. Temubual pada 17 Oktober 2008

<sup>378</sup> Radziewicz & Antonellis (1993), dlm. Abdullah Yusof (1995), "Fikiran, Persekitaran dan Pembentukan Bahasa Isyarat Orang Pekak", *Jurnal Dewan Bahasa*, Edisi Julai 2005, h. 245

<sup>379</sup> Saifullah Yuslizam bin Yakar, Mubaligh sepenuh masa di PKPT. Temubual pada 7 November 2008. Saifullah mula menyertai PKPT pada tahun 2006 setelah tamat pengajian ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan minor Al-Quran dan Sunnah dari Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM). Beliau kemudiannya menyertai kursus bahasa isyarat hingga mahir dan mampu mengajar kelas fardu ain kepada warga pekak. Beliau memperolehi elaun dari pejabat agama Terengganu di bawah skim mubaligh. Kini beliau berperanan menyelaraskan semua program agama di bawah persatuan selain menjadi jurubahasa rasmi persatuan untuk semua acara termasuk menjadi jurubahasa setiap kali khutbah jumaah berlangsung di Masjid Al-Abrar, Bukit Tok Beng, Kuala Terengganu. Beliau juga merupakan satu-satunya pendakwah yang mampu berbahasa isyarat di Malaysia.

<sup>380</sup> Memo Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, kepada Bendahari BERKAT, daripada Penolong Pesuruhjaya (Dakwah & Tarbiyah), no. Fail: JHEAT.02-009/19 Bhg. 2 (45) bertarikh 9 April 2008 bertajuk Tuntutan Imbuhan Jurubahasa Isyarat yang berada di bawah peruntukan sewa menara masjid oleh Saifulah Yuslizam Yakar, Jurubahasa Isyarat (Khutbah) bagi bulan Januari-Mac berjumlah RM400.

Melalui Khutbah yang dialih ke Bahasa Isyarat, makmum daripada golongan pekak dilihat mudah untuk memahami apa yang disampaikan oleh Khatib. Ia juga menyaksikan kehadiran yang baik di kalangan mereka berbanding sebelumnya.<sup>381</sup>

Menyedari masalah yang berlaku dari sudut jurang komunikasi, institusi kerajaan di Terengganu turut menyokong pembelajaran Bahasa Isyarat kepada para pendakwah. Malah, pihak institusi juga akan menyediakan hadiah khas kepada pegawai-pegawai berkecuali yang dapat menguasai bahasa tersebut dengan baik.<sup>382</sup> Ia diharapkan dapat meramaikan lagi pendakwah yang mampu berbahasa isyarat di Terengganu. Ini kerana pendakwah yang pandai berbahasa isyarat tidak mencukupi berbanding jumlah orang pekak yang ada.

Kelas Fardu Ain yang dijalankan pada hujung minggu pula kebiasaannya dilaksanakan oleh pihak persatuan dengan dihadiri oleh ahli secara sukarela. POPT dan PKPT mendapat dana bantuan daripada MAIDAM untuk melaksanakan Kelas Fardu Ain setiap hari Jumaat petang. Dalam surat permohonan kepada MAIDAM, POPT menggariskan tujuan mengadakan Kelas Fardu Ain untuk memberi pendidikan Agama Islam dengan lebih mendalam terutamanya berhubung ibadat solat, perkahwinan dan juga ajaran tauhid. Ahli persatuan dikatakan amat lemah dan tidak memahami Islam sepenuhnya. Kelas yang bermula pada 2 Mac 2007 jam 3.30 petang hingga 5 petang dibuka untuk semua ahli persatuan. Jamuan Minum Petang dihidangkan sebaik sahaja kelas pengajian tamat untuk menarik perhatian ahli menyertai kelas yang dianjurkan. Pihak

---

<sup>381</sup> Salleh bin Che Long, Setiausaha Masjid Al-Abrar. Temubual pada 21 Mei 2008

<sup>382</sup> Cabutan keputusan mesyuarat MAIDAM kali pertama 2007 pada 13/2/07, Perkara 6.14 bertajuk Mempelajari Bahasa Isyarat. Majlis menyarankan agar Mubaligh dan Jurunikah supaya mempelajari bahasa isyarat.

persatuan mendapat peruntukan untuk minum petang sebanyak RM2 x jumlah peserta, elaun 1 orang pengajar dan elaun 1 orang jurubahasa.<sup>383</sup>

Silibus kelas biasanya akan meliputi aspek akidah, syariah, ibadat dan akhlak. Namun demikian, ahli akan diajar perkara asas sahaja pada satu-satu masa dan luang masa yang ada akan diisi dengan soal jawab daripada ahli yang datang. Observasi yang dilakukan menunjukkan ahli berminat menyertai kelas yang dianjurkan dan menghadiri kelas dalam jumlah yang kerap. Mereka juga kerap bertanya soalan terus kepada pengajar ketika sesi kelas berlangsung kerana pengajar mampu berbahasa isyarat. Ketika mempelajari tajuk ‘Salam’, peserta dilihat gembira dengan penerangan yang diberikan oleh Ustaz. Mereka kadangkala akan ketawa mendengar lelucon yang disampaikan. Jika ada sesuatu yang tidak difahami, mereka akan menepuk meja untuk menarik perhatian Ustaz. Selain mengajar berkaitan teori, Ustaz yang terbabit akan turut menerangkan secara praktikal contohnya dalam persoalan solat untuk memberi lebih pemahaman kepada mereka. Mereka juga akan berbincang sesama sendiri walaupun ketika Ustaz sedang mengajar.<sup>384</sup>

Peserta program kebiasaannya datang dengan pengetahuan yang kosong berkaitan agama dan mereka diajar perkara seperti menunaikan solat dan perkara asas lain terlebih dahulu. Pada mulanya terdapat peserta takut untuk mempelajarinya kerana tidak mempunyai pengetahuan langsung namun kini keadaan semakin berubah dengan peningkatan program agama yang telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak.<sup>385</sup>

Kini ahli yang hadir ke kelas Fardu Ain akan hadir dengan kerelaan mereka kerana kelas yang dianjurkan dapat menambahkan ilmu pengetahuan disamping memberi peluang

---

<sup>383</sup> Surat Permohonan POPT bertajuk Memohon Sumbangan Sebanyak RM11 ribu untuk Membiayai Program Kelas Fardu Ain dan Al-Quran untuk Ahli-Ahli dan Anak-Anak Ahli Persatuan bagi Tahun 2007 Ruj:PKOPCT/01-03(bil:008)/07 bertarikh 22 Januari 07

<sup>384</sup> Observasi penulis, 2007-2008, *loc. cit.*

<sup>385</sup> Ismail Muda, *loc. cit.* Program agama di PKPT bermula pada tahun 1994



untuk mereka bertemu rakan-rakan lain.<sup>386</sup> Malah mereka juga semakin patuh dalam melaksanakan ibadah yang dituntut oleh Allah SWT.<sup>387</sup>

Melalui observasi yang dilakukan dapat dinyatakan kesemua institusi melaksanakan program mingguan yang dirancang dengan baik kecuali POPT. Program kelas Fardu Ain berada dalam keadaan kurang memuaskan. Kekangan jurubahasa isyarat yang dihadapi menyebabkan kelas tertangguh dalam jangka waktu yang agak kerap. POPT juga tidak mempunyai guru agama tetap yang boleh berbahasa isyarat sepertimana PKPT dan ia menyebabkan pergantungan kepada jurubahasa isyarat adalah tinggi. Ahli persatuan kebiasaannya hanya bersembang sesama mereka di rumah persatuan sekiranya kelas dibatalkan tanpa sebarang pengisian program yang khusus.<sup>388</sup>

#### c. Program Harian

Program harian pula meliputi program perjumpaan dengan keluarga pekak, pusat pembelajaran Bahasa Isyarat Malaysia untuk kanak-kanak dan dewasa dan kelas Fardu Ain. Perjumpaan dengan keluarga pekak akan membantu pihak persatuan mengenalpasti masalah yang dihadapi mereka dalam menangani anak-anak pekak selain mengeratkan hubungan antara ibu bapa dan persatuan. Selain itu, mereka juga boleh mencari jalan penyelesaian dan bertukar idea tentang cara untuk mengendalikan masalah yang berkaitan. Pembukaan pusat pembelajaran juga akan membantu pasangan pekak yang mempunyai

---

<sup>386</sup> Yushaida Yusof, 23 Tahun, Pelajar Pekak di Politeknik Johor. Beliau akan menyertai kelas yang dianjurkan oleh PKPT apabila pulang bercuti daripada Politeknik kerana disamping menambah ilmu agama, beliau juga dapat bertemu rakan yang telah lama tidak berjumpa.

<sup>387</sup> Pani bt Mamat, Ibu salah seorang peserta kelas Fardu Ain PKPT. Beliau melihat perkembangan yang baik dalam diri anaknya yang mengikuti kelas ini.

<sup>388</sup> Observasi Penyelidik, 2007-2008, loc. cit.

anak normal untuk menyiapkan kerja sekolah mereka dengan bantuan ahli persatuan yang ada.<sup>389</sup>

Kelas Fardu Ain secara harian pula dijalankan di dua institusi iaitu sekolah dan Bengkel Oku secara formal. Kelas di sekolah dijalankan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Ia juga termasuklah bacaan Al-Quran sebelum memulakan sesi persekolahan dan solat jemaah setiap waktu Zohor di surau sekolah. Walaupun kebanyakan pelajar pekak tidak memahami perkara abstrak dalam pengajian agama namun para pengajar berusaha memberikan kefahaman maksimum dalam pelaksanaan ibadah seharian.<sup>390</sup>

Bengkel OKU pula mengadakan kelas pengajian Fardu Ain secara formal pada setiap hari dan Kuliah Maghrib setiap hari Rabu dan Khamis. Kelas pengajian dan kuliah Maghrib wajib dihadiri oleh setiap penghuni.<sup>391</sup> Melalui kelas yang dijalankan, penghuni berpeluang mempelajari asas-asas fadhu ain disamping boleh bertanya jika terdapat sebarang keraguan. Oleh kerana hanya boleh berbahasa isyarat secara minimal, ia menjadi antara halangan utama dalam pengajaran kepada penghuni yang bermasalah pendengaran. Namun ia diatasi dengan bantuan yang diberikan oleh penghuni lain yang mampu menjadi jurubahasa isyarat.<sup>392</sup>

Kesimpulannya setiap institusi di Terengganu mempunyai perancangan dan pelaksanaan yang baik terhadap program agama. Pelbagai program dilaksanakan untuk membantu warga pekak untuk lebih memahami pelaksanaan ibadah yang dilakukan. Program-program ini juga mendapat pelbagai bentuk bantuan dan sokongan dari agensi yang berkaitan.

---

<sup>389</sup> Ismail Muda, Pengerusi PKPT, *loc. cit.*

<sup>390</sup> Shamsiah bt Ab Hamid, Guru agama, SMKIF, Kuala Terengganu. Temubual pada 6 Februari 2009

<sup>391</sup> Observasi penulis, *loc. cit.*

<sup>392</sup> Mohd. Amin bin Shafie, Pegawai Hal Ehwal Agama Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang. Temubual pada 3 Mac 2008

Kemudahan program juga disediakan dengan baik. Jika ia melibatkan program dalam skala besar, ia biasanya diadakan di dewan-dewan besar dengan kelengkapan penghawa dingin, kipas, meja dan kerusi yang baik dan alat multimedia. Jika lebih kecil, ia akan diadakan di institusi tersebut sendiri. Institusi terlibat kebanyakannya berada dalam keadaan yang baik. POPT mempunyai rumah persatuannya yang tersendiri iaitu sebuah banglo yang dilengkapi penghawa dingin, bilik komputer dan sebagainya. PKPT pula mendapat bangunan sekolah yang agak baik kondisinya walaupun hanya mempunyai peralatan asas. Bengkel OKU Marang dan SMKIF pula mempunyai kelengkapan yang lebih daripada mencukupi kerana berada di bawah seliaan pihak kerajaan.

Namun begitu, masih terdapat beberapa kelemahan dan masalah yang berlaku antaranya kekurangan jurubahasa di Terengganu yang menyebabkan kerencatan dalam penyediaan program kepada orang pekak di Terengganu.

#### **4.3 Pelaksanaan Dakwah Kepada Orang Pekak di Terengganu**

Bahagian ini akan membincangkan berkaitan demografi sample pada bahagian pertama soal selidik iaitu jantina, tempat asal, umur, institut latihan, tempoh berada, dan punca kecacatan. Bahagian kedua pula akan membincangkan penyertaan orang pekak dalam program dakwah berkaitan sejauh mana orang pekak menerima asas pendidikan agama (di rumah, di sekolah, di bengkel atau di institusi lain) selain mengesan institusi yang mempengaruhi pemahaman dan pengamalan ibadat, pemahaman orang pekak terhadap konsep ibadat dan pengamalannya sama ada di rumah atau di institut serta mengesan pengamalan ibadat di kalangan orang pekak di Terengganu. Bahagian ketiga pula akan membincangkan sejauhmana penerimaan orang pekak terhadap program dakwah yang dianjurkan.

#### 4.3.1 Demografi Sample

Bahagian ini akan membicarakan berkaitan dengan demografi sample yang menjadi responden kajian. Antara aspek yang akan dianalisis ialah berkaitan institusi latihan, tempoh berada di institusi, jantina, umur, punca kecacatan dan tempat kediaman asal.

Jadual 4.1 : Institut Latihan

<b>INSTITUT LATIHAN</b>	<b>(f)*</b>	<b>(%)</b>
Bengkel Pemulihan OKU, Marang	15	26.8
SMK Ibrahim Fikri	19	33.9
PKPT	11	19.6
POPT	11	19.6

\* bilangan responden

Berdasarkan Jadual 4.1 di atas, sampel diperolehi dari empat buah institusi yang terlibat dengan orang pekak iaitu seramai 15 orang (26.8%) dari Bengkel Pemulihan OKU, Marang; 19 orang (33.9%) dari SMK Ibrahim Fikri; 11 orang (19.6%) dari Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu dan 11 orang (19.6%) dari Persatuan Orang Cacat Pendengaran Terengganu.

Peserta dipilih secara rawak di SMK Ibrahim Fikri manakala di Bengkel Pemulihan OKU, Marang peserta dipilih berdasarkan kecacatan iaitu cacat pendengaran. Ini kerana peserta bengkel terdiri daripada peserta yang mempunyai kecacatan pelbagai dan penapisan perlu dilakukan untuk memastikan hanya responden dalam kecacatan pendengaran sahaja yang diambil sebagai sampel. Manakala peserta dari persatuan PKPT dan POPT pula

dipilih berdasarkan penyertaan peserta dalam program yang berlangsung pada waktu tersebut.

Jadual 4.2: Tempoh berada di Institusi

<b>TEMPOH</b>	<b>(f)*</b>	<b>(%)</b>
Kurang setahun	4	7.1
1-5 tahun	42	75.0
6-10 tahun	5	8.9
10 tahun ke atas	5	8.9

\* bilangan responden

Kebanyakan peserta berada atau terlibat dengan institusi dari 1-5 tahun iaitu sebanyak 42 orang (75%) dan selebihnya kurang dari setahun iaitu sebanyak 4 orang (7.1%), 6-10 tahun sebanyak 5 orang (8.9). serta 10 tahun ke atas sebanyak 5 orang (8.9%).

Perkembangan pendidikan dan perkhidmatan kepada orang pekak di Terengganu hanya bermula sejak tahun 1970-an dan ia menyebabkan perkembangan dalam institusi berlaku agak lambat berbanding di bandar-bandar besar. Ia juga antara sebab peserta tidak berada lama dalam satu-satu institusi. Malahan terdapat peserta yang mengikuti kursus di bandar besar lain seperti di Kuala Lumpur dan Selangor sebelum pulang ke Terengganu untuk meneruskan kehidupan. Malah tempoh kursus di bengkel yang memakan masa yang minimal turut menyumbang. Terdapat juga peserta dari sekolah yang hanya memasuki alam sekolah pada tempoh yang singkat atas sebab kesesuaian dengan persekitaran.<sup>393</sup>

<sup>393</sup> Meriam Omar, Guru agama Pendidikan Khas, SMKIF. Temubual pada 9 Mac 2009

Jadual 4.3: Jantina

<b>JANTINA</b>	<b>(f)*</b>	<b>(%)</b>
Perempuan	33	58.9
Lelaki	23	41.1

\* bilangan responden

Jadual diatas menunjukkan terdapat 33 orang (58.9%) peserta perempuan berbanding hanya 23 orang (41.1) peserta lelaki. Perbezaan ketara antara peserta lelaki dan perempuan terjadi kerana peserta perempuan lebih cenderung untuk mengikuti pendidikan dan menyertai kursus yang boleh membantu meningkatkan tahap kemahiran berbanding peserta lelaki.

Jadual 4.4: Umur

<b>UMUR</b>	<b>(f)*</b>	<b>(%)</b>
13-22	25	44.6
23-40	19	33.9
41-59	12	21.4

\* bilangan responden

Berdasarkan jadual diatas menunjukkan terdapat 25 orang (44.6%) peserta berumur 13-22 tahun dan 19 orang (33.9%) berumur 23-40 tahun. Peserta berumur 41-59 tahun pula berjumlah 12 orang (21.4%). Peserta di kalangan remaja kebanyakannya terdiri daripada pelajar sekolah manakala selebihnya adalah daripada peserta bengkel dan persatuan.

Pembahagian tahap umur ini selari dengan pendapat Levinson iaitu terdapat empat tahap yang berbeza dalam kitaran hidup manusia. Era ini bermula dari kanak-kanak, remaja, dewasa awal, dewasa pertengahan dan dewasa akhir. Tahap remaja bermula dari umur 17 ke bawah dan tahap kedua bermula dari umur 18 hingga 40 tahun yang dinamakan sebagai dewasa awal. Manakala dewasa pertengahan bermula dari umur 41

tahun hingga 65 tahun.<sup>394</sup> Limitasi yang berlaku pada jumlah sampel dari bengkel dan persatuan adalah berkaitan dengan jumlah peserta yang hadir dalam satu-satu program yang berlangsung.

Jadual 4.5: Punca Kecacatan

<b>PUNCA</b>	<b>(f)*</b>	<b>(%)</b>
Sejak Lahir	43	76.8
Kemalangan	7	12.5
Penyakit	6	10.7

\* bilangan responden

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan punca hilang pendengaran oleh peserta kebanyakannya terjadi sejak lahir iaitu seramai 43 orang (76.8%). Hanya 7 orang (12.5%) mengalami hilang pendengaran melalui kemalangan dan 6 orang (10.7%) berpunca daripada penyakit. Kebanyakan peserta yang kehilangan pendengaran sejak lahir mengalami hilang pendengaran tahap *profound* iaitu sehingga 70dB .

Jadual 4.6: Asal

<b>ASAL</b>	<b>(f)*</b>	<b>(%)</b>
Luar bandar	50	89.3
Bandar	6	10.7

\* bilangan responden

Jadual di atas menunjukkan 50 orang (89.3) responden berasal daripada luar bandar manakala hanya 6 orang (10.7) responden berasal dari bandar. Tiada kemudahan atau pusat latihan untuk OKU di luar bandar menyebabkan peserta terpaksa berhijrah ke bandar untuk mendapatkan latihan kemahiran dan pendidikan yang lebih sempurna.

<sup>394</sup> Hoyer, William J. and Roodin, Paul A. (2003), *Adult Development and Aging*, New York : Mc Graw Hill, h.388

#### 4.3.2 Penyertaan Orang Pekak Dalam Program Dakwah di Terengganu

Jadual 4.7 : Penyertaan Program Dakwah Orang Pekak

ITEM PENILAIAN		(f)*/ (%)		TOTAL
		YA	TIDAK	
	Saya pernah mengikuti program agama di sini	44 (78.6)	12 (21.4)	56 (100)

Item saya pernah mengikuti program agama di sini menunjukkan 78.6% (44) responden pernah mengikuti program agama di institusi tersebut. 21.4% (12) responden pula menyatakan ‘Tidak’ iaitu tidak pernah mengikuti mana-mana program agama di institusi yang berkaitan.

Responden yang menjawab tidak pernah mengikuti program yang dijalankan oleh institusi kebanyakannya terdiri daripada ahli persatuan. Ini kerana kehadiran peserta ke program-program agama di persatuan adalah mengikut kerelaan ahli tanpa ada paksaan. Ia selari dengan pendapat Ustaz Syukri b. Abdullah yang menyatakan bahawa “*tidak semua pelatih mahu datang ke surau untuk mendengar kelas pengajian yang diadakan*”.<sup>395</sup>

Data seterusnya akan berdasarkan pemahaman dan pelaksanaan ibadat serta penerimaan mereka pada program yang dijalankan. Hanya peserta yang telah mengikuti program agama di institusi sahaja yang akan menjawab soalan seterusnya.

---

<sup>395</sup> Kajian Fundamental Pelaksanaan Dakwah Kepada OKU Di Semenanjung Malaysia, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya. Kajian dari tahun 2005-2006



### 4.3.3 Pemahaman Orang Pekak di Terengganu Dalam Aspek Ibadat

Data pada bahagian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pemahaman ibadat orang pekak. Bahagian ini juga boleh menjadi panduan kepada pendakwah untuk mengetahui keperluan dan silibus dakwah yang boleh digunapakai kepada orang pekak.

Jadual 4.8 : Pemahaman Ibadat

ITEM PENILAIAN		(f)*/ (%)		TOTAL
		YA	TIDAK	
	Saya wajib menunaikan ibadat walaupun cacat	38 (86.4)	6 (13.6)	44 (100)
	Saya tahu cara solat dengan betul	37 (84.1)	7 (15.9)	44 (100)
	Guru saya memberi penjelasan dengan baik tentang pelaksanaan ibadat	35 (79.5)	9 (20.5)	44 (100)
	Saya tahu, saya wajib menunaikan haji jika cukup syarat	35 (79.5)	9 (20.5)	44 (100)
	Saya tahu zakat fitrah wajib ke atas saya	36 (81.8)	8 (18.2)	44 (100)
	Saya percaya kepada Qada' dan Qadar Tuhan	40 (90.9)	4 (9.1)	44 (100)
	Ibadat dapat menenangkan hati saya	38 (86.4)	6 (13.6)	44 (100)

Berdasarkan jadual 4.7 di atas, item saya wajib menunaikan ibadat walaupun cacat menunjukkan 38 orang (86.4%) responden atau hampir keseluruhan responden mengetahui

bahawa mereka wajib menunaikan ibadah walaupun menyadari kecacatan yang mereka alami dengan menjawab 'Ya'. Manakala selebihnya responden menjawab 'Tidak' iaitu 6 orang (13.6%) tidak mengetahui bahawa kecacatan tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak melaksanakan ibadah dalam kehidupan seharian.

Bagi item saya tahu cara solat dengan betul, 37 orang (84.1%) responden atau sebahagian besar menjawab 'Ya' dan mengakui bahawa mereka mengetahui cara solat dengan betul. Manakala hanya 7 orang (15.9%) responden menjawab 'Tidak' iaitu tidak mengetahui cara solat dengan betul dan sempurna.

Bagi item guru saya memberi penjelasan dengan baik tentang pelaksanaan ibadat pula, 35 orang (79.5%) responden mengakui dan menjawab 'Ya' bahawa guru atau pengajar mereka memberi penjelasan yang baik tentang bagaimana melaksanakan ibadat. 9 orang (20.5%) responden pula menyatakan 'Tidak' iaitu guru atau pengajar tidak memberi penjelasan yang baik tentang pelaksanaan ibadat.

Item saya tahu, saya wajib menunaikan haji jika cukup syarat menunjukkan 35 orang (79.5%) menjawab 'Ya' dan bersetuju bahawa mereka wajib menunaikan haji jika cukup syarat atau berkemampuan. 9 orang (20.5%) responden pula menjawab 'Tidak' dan tidak mengetahui bahawa mereka turut diwajibkan untuk menunaikan haji jika cukup syarat yang menjadi antara rukun Islam yang wajib dipatuhi.

Berdasarkan item saya tahu zakat fitrah wajib ke atas saya, 36 orang (81.8%) responden menjawab 'Ya' dan bersetuju bahawa zakat fitrah wajib ke atas mereka manakala 8 orang (18.2%) responden pula menjawab 'Tidak' dan tidak bersetuju mereka wajib membayar zakat fitrah.

Item saya percaya kepada Qada' dan Qadar Tuhan menunjukkan 40 orang (90.9%) atau hampir keseluruhan responden menjawab 'Ya' dan bersetuju bahawa mereka percaya

pada Qada' dan Qadar. Manakala 4 orang (9.1%) responden menjawab 'Tidak' yang membawa maksud mereka tidak percaya kepada Qada' dan Qadar.

Item ibadat dapat menenangkan hati saya pula menunjukkan 3 orang (86.4%) responden menjawab 'Ya' dan mengakui bahawa dengan melaksanakan ibadah akan memberi ketenangan dalam hati mereka manakala 6 orang (13.6%) responden pula menafikan dengan melaksanakan ibadah hati mereka akan tenang dengan menjawab 'Tidak'.

Orang pekak mampu memahami konsep asas dalam pelaksanaan ibadat seperti solat, puasa di bulan Ramadhan, menunaikan zakat dan menunaikan haji dengan baik. Malah mereka mengetahui jika meninggalkan solat maka 'Allah akan marah'.<sup>396</sup>

Secara keseluruhannya item-item diatas menunjukkan responden memahami konsep ibadat yang mereka laksanakan. Kesimpulannya, pengakuan responden pada Jadual 4.7 menunjukkan wujudnya item dengan nilai yang baik iaitu 84.1% (86.4+84.1%+79.5%+79.5%+81.8%+90.9%+86.4%) menjawab 'Ya' dan menandakan bahawa tahap pemahaman mereka berkaitan aspek ibadat adalah dalam tahap yang baik manakala hanya 15.9 % (13.6%+15.9%+20.5%+20.5%+18.2%+9.1%+13.6%) responden yang menjawab 'Tidak' iaitu tahap pengamalan dan pemahaman mereka dalam beribadat masih dalam tahap minimum.

---

<sup>396</sup> Zarina Mukhtar, salah seorang peserta kelas Fardu Ain PKPT. Temubual pada 12 Mac 2009

#### 4.3.4 Pelaksanaan Ibadat Orang Pekak di Terengganu

Jadual 4.9 : Pelaksanaan Ibadat Orang Pekak di Terengganu

ITEM PENILAIAN		(f)* / (%)		TOTAL
		YA	TIDAK	
	Saya diajar cara beribadat di rumah	40 (90.9)	4 (9.1)	44 (100)
	Saya diajar cara beribadat di sekolah/pusat latihan	38 (86.4)	6 (13.6)	44 (100)
	Saya tidak meninggalkan solat fardu	25 (56.8)	19 (43.2)	44 (100)
	Saya berpuasa pada bulan Ramadhan yang lepas	40 (90.9)	4 (9.1)	44 (100)

Bagi item diajar cara beribadat di rumah, seramai 40 orang (90.9%) responden menyatakan 'Ya' mereka diajar cara melaksanakan ibadah bermula dari rumah manakala 4 orang (9.1%) responden menyatakan mereka 'Tidak' iaitu mereka tidak mempelajari cara melaksanakan ibadah dari rumah.

Item saya diajar cara beribadat di sekolah/pusat latihan menunjukkan 38 orang (86.4%) responden menjawab 'Ya' dan bersetuju mereka turut diajar cara melaksanakan ibadat di sekolah atau pusat latihan masing-masing. Terdapat 6 orang (13.6%) responden pula menjawab 'Tidak' dan mengatakan bahawa mereka tidak diajar cara melaksanakan ibadat di sekolah atau pusat latihan iaitu dengan tidak mengikuti program yang telah dilaksanakan.

Bagi item saya tidak meninggalkan solat fardu, 25 orang (56.8%) responden menjawab 'Ya' iaitu mereka bersetuju bahawa mereka tidak meninggalkan solat yang memberi makna mereka melaksanakan solat sempurna sebanyak 5 kali sehari. Manakala

sebanyak 19 orang (43.2%) responden menjawab ‘Tidak’ bermakna mereka tidak melaksanakan solat dalam bilangan yang sempurna.

Item saya berpuasa pada bulan Ramadhan yang lepas menunjukkan bahawa terdapat 40 orang (90.9%) responden atau hampir keseluruhannya menjawab ‘Ya’ dan menyatakan mereka berpuasa pada bulan Ramadhan manakala hanya 4 orang (9.1%) responden sahaja menyatakan ‘Tidak’ iaitu tidak berpuasa penuh pada bulan Ramadhan.

Kepelbagaian latar belakang orang pekak menyebabkan terdapat variasi dari sudut pengenalan pelajaran agama dalam kehidupan mereka. Walaupun jumlah orang pekak yang diajar beribadat di rumah agak baik namun demikian masih terdapat mereka yang tidak pernah diajar untuk melaksanakan ibadat kerana beranggapan orang pekak tidak diwajibkan dalam perkara tersebut. Malah ibu bapa juga mempunyai kekangan atau jurang komunikasi dalam menerangkan kaedah ibadat yang betul kepada anak-anak mereka.<sup>397</sup>

Mereka akan melaksanakan ibadat jika berada di institusi dan kurang peka untuk melaksanakannya jika berada di rumah.<sup>398</sup> Dari sudut pelaksanaan ibadat walau mencatat keputusan yang baik namun observasi yang dijalankan menunjukkan sebaliknya kerana mungkin tidak terdapat pengawasan atau kesedaran yang lahir dari diri sendiri. Oleh itu, jelaslah orang pekak perlu mendapat panduan dan pengawasan dalam melaksanakan ibadat dengan sempurna.

Kesimpulannya, pengakuan responden pada Jadual 4.9 menunjukkan wujudnya item dengan nilai yang baik iaitu 81.25% (90.9+86.4+56.8+90.9) menjawab ‘Ya’ dan

---

<sup>397</sup> Muhammad Mustafa, bapa salah seorang orang pekak di Kuala Terengganu. Temubual pada 13 Ogos 2008. Beliau pada mulanya beranggapan bahawa anak-anak pekak dikecualikan daripada tanggungjawab melaksanakan agama. Namun beliau hanya mengetahuinya apabila menghadiri kuliah-kuliah agama berkaitan.

<sup>398</sup> Pani bt Mamat, *loc. cit.*

menandakan bahawa tahap pelaksanaan ibadat adalah dalam tahap yang baik manakala hanya 18.75% (9.1+13.6+43.2+9.1) responden menjawab tidak.

#### 4.3.4 Penerimaan Orang Pekak Kepada Program Dakwah

Jadual 5.0 : Penerimaan Orang Pekak Kepada Program Dakwah

ITEM PENILAIAN		(f)*/ (%)		TOTAL
		YA	TIDAK	
	Program agama diurus dengan baik	43 (97.7)	1 (2.3)	44 (100)
	Perkara yang diajar sesuai dan mudah difahami	41 (93.2)	3 (6.8)	44 (100)
	Cara penyampaian mudah dan jelas	41 (93.2)	3 (6.8)	44 (100)
	Kemudahan program disediakan dengan baik	42 (95.5)	2 (4.5)	44 (100)
	Saya suka menyertai program agama	42 (95.5)	2 (4.5)	44 (100)
	Setelah menyertai program agama saya semakin yakin dengan kehidupan saya	37 (84.1)	7 (15.9)	44 (100)
	Program agama yang saya sertai membosankan	8 (18.2)	36 (81.8)	44 (100)
	Program agama berfaedah kepada saya	42 (95.5)	2 (4.5)	44 (100)
	Saya sukar mengikuti sebarang program tanpa bantuan orang lain	34 (77.3)	10 (22.7)	44 (100)

Item program agama diurus dengan baik menunjukkan 97.7% (43) responden atau hampir keseluruhan menjawab ‘Ya’ dan bersetuju bahawa program agama yang diikuti

telah diuruskan dengan baik. Manakala 2.3% (1) responden pula menyatakan ‘Tidak’ iaitu mereka tidak bersetuju bahawa program agama yang telah diikuti diuruskan dengan baik.

Bagi item perkara yang diajar sesuai dan mudah difahami, 93.2% (41) responden menjawab ‘Ya’ dan bersetuju bahawa perkara yang diajar sesuai dan mudah difahami. 6.8% (3) responden pula tidak bersetuju dan mengatakan bahawa kadangkala perkara yang diajar tidak sesuai dan sukar difahami.

Item cara penyampaian mudah dan jelas pula menunjukkan 93.2% (41) responden bersetuju dengan menjawab ‘Ya’ bahawa penyampaian yang diberikan oleh tenaga pengajar mudah dan jelas untuk difahami. 6.8% (3) responden pula tidak bersetuju dengan menjawab ‘Tidak’ berkenaan penyampaian yang mereka rasakan agak sukar dan tidak jelas penyampaiannya.

Item kemudahan program disediakan dengan baik menunjukkan 95.5% (42) responden menjawab ‘Ya’ dan bersetuju bahawa kemudahan program disediakan dengan baik manakala 4.5% (2) responden pula menjawab ‘Tidak’ dan berpendapat penganjur tidak menyediakan kemudahan yang baik sepanjang program berlangsung.

Item saya suka menyertai program agama pula menunjukkan 95.5% (42) responden menjawab ‘Ya’ dan bersetuju mereka suka menyertai program agama yang dijalankan. 4.5% (2) responden pula menjawab ‘Tidak’ dan tidak mengakui mereka gemar menyertai program agama.

Berdasarkan item setelah menyertai program agama saya semakin yakin dengan kehidupan saya, 84.1% (37) responden pula menyatakan ‘Ya’ dan mengakui bahawa setelah menyertai program agama, mereka semakin yakin dengan kehidupan. Manakala 15.9% (7) responden pula menjawab ‘Tidak’ dan menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju bersetuju dengan pendapat menyertai program mampu menenangkan hati mereka.

Item program agama yang saya sertai membosankan menunjukkan 18.2% (8) responden menjawab 'Ya' dan bersetuju program yang dijalankan membosankan mereka manakala 81.8% (36) responden pula menyatakan 'Tidak' dan tidak bersetuju program yang dijalankan tidak membosankan mereka.

Item program agama berfaedah kepada saya menunjukkan 95.5% (42) responden menjawab 'Ya' dan bersetuju program agama yang diikuti memberi faedah kepada mereka manakala 4.5% (2) responden menyatakan 'Tidak' dan tidak menganggap penyertaan mereka dalam program agama memberi faedah kepada mereka.

Item saya sukar mengikuti sebarang program tanpa bantuan orang lain pula menunjukkan 77.3% (34) responden bersetuju bahawa mereka memerlukan bantuan untuk mengikuti sebarang program dengan menjawab 'Ya' manakala 22.7% (10) responden tidak bersetuju dan tidak memerlukan bantuan untuk hadir ke sebarang program dengan menjawab 'Tidak'.

Penerimaan responden pada program dakwah yang dilaksanakan berada dalam keadaan baik. Kebanyakannya juga merasakan bahawa ia diuruskan dengan baik serta kemudahan program juga disediakan dengan baik. Ini kerana mereka beranggapan bahawa pengajar memahami kehendak dan budaya orang pekak kerana boleh berbahasa isyarat secara langsung dengan mereka.<sup>399</sup>

Ia sekaligus menyebabkan peserta kelas memahami dengan jelas apa yang ingin disampaikan oleh pengajar. Mereka juga mampu bertanya soalan secara langsung kepada pengajar tanpa rasa takut atau malu kerana sudah terbiasa dengan pengajar mereka kecuali kepada penceramah jemputan. Ia juga menjadi medan untuk meluahkan masalah yang

---

<sup>399</sup> Azahari Ariffin, peserta kelas Fardu Ain PKPT. Temubual pada 13 November 2008



berlaku seputar kehidupan mereka kerana beranggapan bahawa pengajar boleh dipercayai dan akan membantu menyelesaikan masalah.<sup>400</sup>

Responden juga gemar mengikuti program-program agama yang dijalankan kerana ia merupakan satu-satunya saluran untuk mereka memahami Islam dengan lebih baik. Ini kerana mereka tidak dapat menyertai program-program agama yang dianjurkan di masjid-masjid atau surau awam seperti orang lain kerana masalah komunikasi.<sup>401</sup>

Responden juga mengakui dengan mendekati dan lebih memahami Islam, mereka mampu menambah keyakinan dalam diri. Mereka percaya kepada Qada' dan Qadar bahawa kekurangan yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka pasti ada hikmah disebaliknya.<sup>402</sup> Malah ia juga merupakan motivasi untuk mereka lebih berjaya dalam kehidupan. Observasi yang dilakukan menunjukkan kehidupan orang pekak tidak jauh berbeza daripada orang normal lain. Mereka hadir ke kelas-kelas yang dianjurkan menaiki motosikal dan kereta sendiri atau sekurang-kurangnya basikal walaupun ada sesetengahnya memerlukan bantuan untuk hadir ke kelas. Jika dilihat pada luaran, tiada siapa yang akan mengetahui bahawa mereka sebenarnya adalah golongan pekak.<sup>403</sup>

Walaupun menyetujui bahawa kelas-kelas dan program yang dijalankan memberi manfaat, namun terdapat juga sebilangan kecil responden yang mengakui bahawa pendekatan program yang dijalankan agak membosankan.<sup>404</sup> Ini mungkin terjadi kerana terdapat institusi yang menggunakan guru agama yang sama untuk hampir semua program yang dijalankan kerana masalah kekurangan jurubahasa.<sup>405</sup>

---

<sup>400</sup> Observasi yang dilakukan di sekitar institusi berkaitan orang pekak di Terengganu bermula tahun 2007 hingga 2008

<sup>401</sup> Jusoh Abdullah, salah seorang peserta kelas Fardu Ain PKPT. Temubual pada 13 November 2008

<sup>402</sup> Mat Adnan Abdullah, salah seorang peserta kelas agama Bengkel Marang. Temubual pada 7 Januari 2009

<sup>403</sup> Observasi di institusi, *op. cit.*

<sup>404</sup> Ahmad Ridzuan Ismail, salah seorang peserta kelas agama PKPT. Temubual pada 4 November 2008

<sup>405</sup> Observasi di institusi, *op. cit.*

Kebanyakan responden berpuashati dengan kemudahan, cara penyampaian pendakwah dan isi kandungan. Namun begitu mereka masih memerlukan bantuan untuk mengikuti sebarang program yang dianjurkan. Lebih-lebih lagi orang pekak mempunyai jurang komunikasi yang besar dengan pendakwah normal dan kemahiran bahasa isyarat amat diperlukan untuk membantu menyampaikan maksud dakwah.

Kesimpulannya, pengakuan responden pada Jadual 4.8 menunjukkan wujudnya item dengan nilai yang baik iaitu 83.4% ( $97.7 + 93.2 + 93.2 + 95.5 + 95.5 + 84.1 + 18.2 + 95.5 + 77.3$ ) menjawab 'Ya' dan menandakan bahawa tahap pelaksanaan dakwah di Terengganu berada dalam tahap yang baik manakala hanya 16.6% ( $2.3 + 6.8 + 6.8 + 4.5 + 4.5 + 15.9 + 81.8 + 4.5 + 22.7$ ) responden yang menjawab 'Tidak' iaitu tahap pelaksanaan dakwah masih dalam tahap minimum.

#### **4.4 Masalah Pelaksanaan Program Dakwah di Terengganu**

Setiap gerakan dakwah memerlukan perancangan dan strategi yang rapi sebagai jaminan untuk menarik sasaran secara maksimum. Perancangan dan strategi yang utuh akan membawa kepada kejayaan menarik hati sasaran kepada Islam. Namun begitu, kejayaan sesuatu tugas dakwah bukan hanya terletak kepada kehebatan perancangan dan strategi sahaja. Namun, ia turut melibatkan pelbagai sudut yang lain. Antaranya *man power*, kewangan, kepakaran dan sebagainya.

Masalah pelaksanaan aktiviti dakwah di Terengganu boleh dirumuskan mengikut pecahan-pecahan berikut;

#### 4.4.1 Masalah Berkaitan Pendakwah

Kemahiran mengetahui penggunaan bahasa sasaran amat penting kerana melalui bahasa, kita dapat mengenali dan memahami seseorang individu. Malahan, bahasa membantu kita menyampaikan mesej dengan lebih jelas. Dakwah kepada orang pekak terpaksa melalui permasalahan ini apabila berdepan dengan sasaran yang mengalami kecacatan terutama kecacatan pendengaran.

Kurang ilmu tambah dari sudut mahir berbahasa isyarat menyebabkan ramai pendakwah terpaksa menggunakan Jurubahasa Isyarat untuk menyampaikan sesuatu mesej. Ini menyebabkan kadangkala mesej yang disampaikan tidak tepat. Perkara ini berlaku kerana kadangkala penceramah terpaksa menggunakan Jurubahasa Isyarat bukan Islam untuk menyampaikan ajaran Islam atau penceramah menggunakan rakan-rakan peserta yang boleh berbahasa isyarat untuk membantu.<sup>406</sup> Ia kadangkala menyebabkan isi kandungan pengajaran yang ingin disampaikan tidak sampai pada maksud yang sebenar.

Observasi yang dilakukan di bengkel dan persatuan mendapati biasanya orang pekak hanya hadir untuk mengisi masa terluang walau tidak dapat mendengar apa yang disampaikan oleh penceramah, lantaran tiada jurubahasa atau jurubahasa yang ada tidak berapa mahir. Hal ini seolah-olah menafikan hak orang pekak untuk mengetahui tentang Islam berbanding rakan-rakan yang normal.

Malahan, warga pekak seringkali meluahkan rasa tidak puas hati mereka terhadap jurubahasa yang tidak dapat menyampaikan maksud yang sepatutnya dalam setiap ceramah yang dihadiri.<sup>407</sup> Oleh yang demikian, kepentingan setiap pendakwah mempelajari bahasa isyarat sama ada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris amatlah dialu-alukan sebagai satu langkah untuk lebih memahami keperluan dakwah orang pekak.

---

<sup>406</sup> Observasi penulis di Bengkel Pemulihan Marang sepanjang tahun 2008

<sup>407</sup> Observasi penulis di forum *epekak.net*

Situasi yang sama juga berlaku di sekolah apabila guru yang bukan dari opsyen pendidikan khas ditugaskan mengajar pelajar pendidikan khas.<sup>408</sup> Tidak banyak opsyen untuk guru agama pendidikan khas di setiap sekolah dan keadaan ini menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran kerana guru biasa terpaksa diambil untuk mengajar pelajar pekak. Ia selari dengan pendapat Puan Hajah Norlaila Ismail, Pengetua Sek. Men. Keb. Temerloh Jaya, Temerloh, Pahang bahawa guru dari opsyen berbeza terpaksa mengambil masa yang lama untuk menyesuaikan diri dengan keadaan baru.<sup>409</sup>

Malah kes yang biasa berlaku adalah penempatan guru pendidikan Islam biasa yang ditempatkan di unit pendidikan khas. Guru ini terpaksa mengajar sambil mempelajari bahasa isyarat dalam masa yang sama. Ia menyebabkan kurangnya kualiti dalam penyampaian kerana guru tersebut tidak mengetahui perkataan-perkataan tertentu. Guru tersebut juga kadangkala hanya mempelajari bahasa isyarat melalui pelajar-pelajar dan rakan-rakan lain.<sup>410</sup>

#### **4.4.2 Masalah Berkaitan Sasaran**

Kemampuan orang pekak dalam menerima sesuatu pembelajaran biasanya tidak sama dengan golongan normal, terutamanya dalam menerima ilmu-ilmu yang bersifat abstrak.<sup>411</sup> Ia selari dengan pendapat Webster dan Wood yang menyatakan bahawa orang pekak tidak mampu untuk memahami mana-mana persoalan atau perkara yang berbentuk abstrak.<sup>412</sup>

---

<sup>408</sup> Faridah Awang, *loc. cit.*

<sup>409</sup> Norlaila Ismail, Pengetua Sek. Men. Keb. Temerloh Jaya, Temerloh, Pahang, pada 16 Ogos 2007

<sup>410</sup> Mohamad bin Abd Rahman, *loc. cit.*

<sup>411</sup> Mohd. Amin bin Shafie, *loc. cit.*

<sup>412</sup> Webster, Alec and Wood, David (1989), *op. cit.*, h. 154

Orang pekak sukar untuk memahami persoalan abstrak seperti ketuhanan, malaikat, qada' dan qadar, hari akhirat, syurga neraka dan seumpamanya. Malah bahasa isyarat yang terhad tidak mampu menjelaskan atau menggambarkan perkara yang abstrak tersebut dalam bentuk yang boleh difahami oleh mereka sehingga berkemungkinan terdapat salah tafsir dari bahasa isyarat yang digunakan oleh guru.<sup>413</sup>

Jika di sekolah, masalah tersebut menyukarkan proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dalam Pendidikan Islam sehingga guru-guru agama terpaksa mengulang-ulang sesuatu topik yang diajar. Situasi ini menyebabkan silibus pengajaran tidak sempat dihabiskan hingga ke akhir tahun, terutama P&P yang melibatkan peperiksaan utama seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).<sup>414</sup>

Malah, silibus pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang sama dengan pelajar normal juga menyukarkan pelajar pekak untuk mengikutinya. Lantaran itu kebiasaannya tiada pelajar yang mempunyai markah yang baik dalam mata pelajaran tersebut melainkan kes-kes terpencil.<sup>415</sup>

Manakala di bengkel pula, pendakwah terpaksa menggunakan metode yang sesuai dengan keadaan sasaran dengan mensasarkan hanya satu tajuk bagi setiap sesi pengajian antaranya dengan menggunakan metode penceritaan. Hasilnya, kehadiran peserta adalah sangat menggalakkan.<sup>416</sup> Ini kerana peserta bengkel kebanyakannya tidak mempunyai kelayakan akademik yang tinggi dan menyebabkan penerangan yang ringkas dan padat diperlukan untuk memberi kefahaman kepada mereka.

---

<sup>413</sup> Shamsiah bt Ab Hamid, Guru agama, SMKIF, Kuala Terengganu. Temubual pada 5 Oktober 2008. Lihat juga Dzulkifli b. Md Ali, guru agama, SMK Tun Mutahir, Melaka. Temubual pada 24 Januari 2007

<sup>414</sup> Meriam Omar, Guru agama, SMKIF, Kuala Terengganu. Temubual pada 5 April 2009

<sup>415</sup> Shamsiah bt Ab Hamid, *loc. cit.* Lihat juga Ustaz Alias, Penyelaras Program Pendidikan Khas, Sek. Men. Ismail Petra, Kelantan. Temubual pada 16 Mei 2007. Untuk mengatasi masalah tersebut, Ustaz Alias, Penyelaras Program Pendidikan Khas, Sek. Men. Ismail Petra, Kelantan mencadangkan sistem moderasi untuk orang pekak bagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang lebih fleksible digunakan, sebagaimana yang telah dilaksanakan untuk mata pelajaran Sains dan Matematik.

<sup>416</sup> Ustaz Amin Shafie, *loc. cit.*

Percampuran peserta dari pelbagai kecacatan di bengkel Pemulihan Marang juga menyebabkan wujudnya kesukaran kepada pendakwah untuk menyampaikan pengajaran agama kerana keadaan tersebut memerlukan pendekatan yang berbeza antara satu sama lain. Mengikut observasi yang dilakukan, pendakwah biasanya menyampaikan ceramah secara umum kerana tidak mahu memberati pemikiran mana-mana kecacatan, bimbang mereka tidak mampu memahami apa yang ingin disampaikan.<sup>417</sup>

Oleh yang demikian, hanya pembelajaran yang ringkas dan asas sahaja mampu diajar pada satu-satu masa dan selalunya pengajian tersebut terpaksa diulang-ulang. OKU terutama yang mengalami kecacatan pendengaran (pekak) dan masalah pembelajaran (terencat akal) agak sukar mengingat sesuatu maklumat yang diajar. Para guru agama terpaksa mengulang-ulang tajuk pengajian yang diajar bagi memastikan mereka benar-benar memahaminya.<sup>418</sup>

#### **4.4.3 Masalah Berkaitan Organisasi Dakwah**

Antara masalah biasa dalam kerja dakwah ialah kekurangan sumber kewangan untuk mengadakan program atau aktiviti agama. Perkara sama berlaku kepada persatuan-persatuan orang pekak. Mereka hanya mampu menjana sumber kewangan yang minimum dan menjadi satu masalah kepada mereka untuk menjemput penceramah kerana memerlukan dana yang lebih.

PKPT dan POPT terpaksa mencari dana sendiri untuk menampung pelaksanaan sebarang program. Walaupun mendapat dana bantuan daripada MAIDAM dan JKM, namun mereka masih memerlukan bantuan kewangan untuk menampung perbelanjaan

---

<sup>417</sup> Observasi penyelidik, *op. cit.*

<sup>418</sup> *Ibid.*, observasi penyelidik, Lihat juga Mariam Hj. Abdul Rahman, Guru agama di Bengkel Sri Sembilan, Mambau. Temubual pada Januari 2007

mengurus bangunan persatuan yang memerlukan bajet pengurusan yang besar. Ini secara tidak langsung mengganggu bajet yang perlu disediakan untuk menguruskan program dakwah. Antaranya mereka terpaksa menghadkan kekerapan memanggil penceramah luar berdasarkan kos yang terpaksa dibayar.<sup>419</sup>

Malahan, kekurangan dana juga menjadi penghalang buat persatuan untuk menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada ahli persatuan di rumah atau bangunan persatuan.<sup>420</sup> Ini kerana selain bantuan yang diperolehi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga Jabatan Hal Ehwal Islam Terengganu, persatuan pekak yang ada di Terengganu terpaksa menjana sendiri kewangan masing-masing melalui yuran ahli dan kegiatan lain selain mendapat sumbangan melalui masyarakat sekitar.<sup>421</sup>

Institusi yang terlibat juga khususnya daripada NGO iaitu PKPT dan POPT mempunyai pengurusan yang kurang sistematik. PKPT misalnya tidak mempunyai banyak bahan dokumentasi berkaitan program yang telah dilaksanakan. Ia menyebabkan kesukaran dari sudut pemerolehan maklumat dan rujukan pada masa akan datang. Ini kerana PKPT kekurangan tenaga sukarela daripada golongan normal dalam membantu menjalankan kerja-kerja pentadbiran. Ahli pekak pula mempunyai limitasi dalam menjalankan kerja-kerja pentadbiran seperti menyediakan kertas kerja, surat rasmi dan dokumentasi.<sup>422</sup>

Kesimpulannya, kajian ini mendapati masalah pelaksanaan dakwah terhadap orang pekak melibatkan aspek pendakwah, tahap kecacatan yang mempengaruhi kemampuan orang pekak untuk menerima pengajaran, kekangan kewangan dan kekurangan kepakaran.

---

